

Jabatan Antropologi dan Sosiologi  
No. Kajian: .....  
No Perolehan: .....  
Tarikh: 8/4/87

SATU KAJIAN KES KE ATAS KOPERASI SERBAGUNA  
PENEROKA PASIR RAJA BERHAD,  
FELDA PASIR RAJA, KULAI, JOHOR.

HASSAN BIN AB. RAHMAN

NO. MATRIK: 045633

PROJEK PENEMUAN KAJIAN KOPERASI  
SERBAGUNA PENEROKA PASIR RAJA BERHAD  
UNTUK KAJIAN DAERAH KULAI, JOHOR

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI  
UNIVERSITI MALAYA

UNIVERSITI MALAYA  
SESSI 1986/87

KUALA LUMPUR

SESSI: 1986/87

## Kandungan

<b>Bab III Latarbelakang FELDA Pasir Raja dan Sejarah</b>	
<b>Tajuk</b>	<b>mukasurat</b>
Pembentukan Koperasi Serbaguna Penazuka Pasir Raja	
<b>Sinopsis</b>	<b>i</b>
<b>Penghargaan Pengenalan</b>	<b>ii</b>
<b>Kandungan</b>	<b>iii</b>
<b>Senarai Rajah</b>	<b>vii</b>
<b>Senarai Jadual</b>	<b>viii</b>
Serbaguna Penazuka Pasir Raja	80
<b>Bab I Pengenalan Dan Latarbelakang Kajian</b>	<b>70</b>
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Tujuan Kajian	2
1.3 Bidang Kajian	6
1.4 Kaedah Kajian	7
1.5 Pemilihan Tempat Kajian	7
1.6 Kaedah Memungut Data	8
1.7 Masalah Semasa Kajian (Kajian & Lembaran Pengaruh)	14
1.8 Penutup	15
a. Struktur Pentadbiran Koperasi Serbaguna	
Penazuka Pasir Raja Berhad	81
<b>Bab ii Difinasi, Sejarah Idea dan Prinsip-prinsip</b>	<b>85</b>
<b>Koperasi</b>	
2.1 Pendahuluan	16
2.2 Difinasi Koperasi (Cooperation)	18
2.3 Sejarah Idea Koperasi Modern	22
2.4 Prinsip-prinsip Rochdale Pioneer	29
2.5 Sejarah Perkembangan Koperasi di Malaysia	34
2.6 Pergerakan Koperasi Masa Kini	41
2.7 Penutup	43
3.1 Pengendalian	
3.2 Aktiviti Koperasi Serbaguna Penazuka	108
<b>Bab III Latarbelakang FELDA Pasir Raja dan Sejarah</b>	
<b>Perkembangan</b>	<b>120</b>
4.1 Perkembangan Koperasi Serbaguna Penazuka	
Pasir Raja Berhad	122

Bab III Latarbelakang FELDA Pasir Raja dan Sejarah Perkembangan Koperasi Serbaguna Peneroka Pasir Raja Berhad.	
3.1 Pengenalan	45
3.2 Latarbelakang Rancangan FELDA Pasir Raja	46
3.3 Pentadbiran Rancangan FELDA Pasir Raja	52
3.4 Latarbelakang dan Perkembangan Koperasi Serbaguna Peneroka Pasir Raja	60
3.5 Penutup	70
3.5 Penutup	147
Bab IV Struktur Koperasi dan Sikap Ahli Koperasi Serbaguna Peneroka Pasir Raja	148
4.1 Pengenalan	72
4.2 Struktur Koperasi Secara Umum	72
4.3 Struktur Pentadbiran (Ahli Lembaga Pengarah) Dalam Koperasi	75
4.4 Struktur Pentadbiran Koperasi Serbaguna Peneroka Pasir Raja Berhad	81
4.5 Sikap Ahli Terhadap Koperasi	86
4.6 Sebab-sebab Ahli Koperasi Kurang Berminat Terhadap Perkembangan Koperasi	103
4.7 Penutup	106
Bab V Aktiviti Dan Masalah Koperasi Serbaguna Peneroka Pasir Raja Berhad	
5.1 Pengenalan	107
5.2 Aktiviti Koperasi Serbaguna Peneroka Pasir Raja Berhad	108
5.3 Masalah Koperasi	120
5.4 Masalah Koperasi Serbaguna Peneroka Pasir Raja Berhad	122

<b>Ringkap</b>	
<b>5.5 Penutup</b>	<b>132</b>
Kajian ini menunjukkan keadaan sebuah koperasi yang terdapat di antara koperasi-koperasi yang lainnya. Koperasi berbagaimana	
<b>Bab VI Rumusan dan Cadangan</b>	
<b>6.1 Pendahuluan</b>	<b>134</b>
dalam kajian ini adalah untuk menyatakan tujuan pengetahuan	
<b>6.2 Rumusan</b>	<b>134</b>
menakrifkan koperasi dan memberikan maklumat mengenai koperasi	
<b>6.3 Cadangan dan Saranan</b>	<b>139</b>
esas sejati koperasi.	
<b>6.4 Kelemahan-kelemahan Dalam Kajian</b>	<b>143</b>
<b>6.5 Penutup</b>	<b>147</b>
<b>Bibliografi</b>	<b>148</b>
<b>Lampiran A Kedudukan Kawasan Kajian</b>	
<b>Lampiran B Soal Selidik</b>	

Sebahagian besar ahli yang melibatkan koperasi koperasi tersebut merasa bahawa yang melibatkan koperasi koperasi tersebut adalah baik. Ia bukan sahaja berkembang dengan baik, tetapi ia juga memberi pengaruh yang positif kepada ahli koperasi. Ahli koperasi yang melibatkan koperasi koperasi tersebut merasa bahawa koperasi yang melibatkan koperasi koperasi tersebut berkembang dengan baik kerana kurang kerjaya dari ahli koperasi yang melibatkan koperasi koperasi tersebut. Juga ia gagal mencapai tujuan utama iaitu untuk mencapai keserasian antara ahli koperasi koperasi tersebut. Selain itu, ia juga gagal mencapai tujuan utama iaitu untuk mencapai keserasian antara ahli koperasi koperasi tersebut.

## Sinopsis

Kajian ini dilakukan keatas sebuah koperasi yang terdapat di sebuah kawasan rancangan FELDA iaitu Koperasi Serbaguna Peneroka Pasir Raja Berhad. Kajian ini dilakukan untuk mengetahui sejauh manakah peranan yang dimainkan oleh sebuah koperasi dalam kegiatan sosial dan ekonomi masyarakat FELDA dan setakat manakah ianya berjalan menurut prinsip-prinsip dan konsep-konsep asas sebuah koperasi yang sebenarnya.

Kajian ini merupakan sebuah kajian kes dan data-data diperolehi melalui temu bual secara formal dan tidak formal, soal selidik, pemerhatian dan mengkaji rekod-rekod dan dokumen-dokumen. Respondan adalah terdiri dari ahli lembaga pengarah koperasi, 33 orang ahli biasa yang dipilih secara rawak mengikut blok-blok yang ada dan Pengurus rancangan.

Beberapa pekara yang melibatkan kegiatan koperasi telah dikaji iaitu perkembangannya, aktiviti-aktiviti, pentadbiran, masalah dan sikap ahli terhadap koperasi. Hasil dari kajian yang telah dilakukan beberapa kesimpulan mengenai koperasi ini telah dibuat. Diantaranya ialah koperasi yang dikaji tidak dapat berkembang dengan baik kerana kurang kerjasa dari ahli sama ada dari segi pentadbiran atau kegiatan yang dijalankan. Juga ia gagal mewujudkan konsep kerjasama yang amat penting dalam menentukan kemajuan sebuah koperasi. Walau bagaimanapun ia telah dapat mencapai tujuan utama ia ditubuhkan iaitu untuk

mengendalikan urusan pengangkutan hasil sawit ahli-ahlinya dari ladang ke kilang.

Walaupun kajian ini telah berjaya dilakukan tetapi ia mempunyai banyak kelemahan terutamanya dalam mengumpul data dan pengetahuan pengkaji yang tidak mendalam dalam bidang koperasi. Pengkaji telah menyarankan beberapa pekerja untuk memperbaiki kelemahan yang terdapat dalam kajian ini.

Hasil dari kajian yang dilakukan ini pengkaji telah membuat beberapa kesimpulan mengenai perkembangan, pentadbiran dan sikap ahli koperasi yang dikaji.

Penghargaan ini juga saya tujukan kepada Prof. Madya Dr. Rukiah Tahir yang menyelar dan memberikan idea-setia tunjuk akhir sekali, pengkaji telah membuat beberapa cadangan dan saranan untuk diambil perhatian oleh koperasi yang dikaji dan juga koperasi-koperasi lain untuk membantu kelancaran urusan pentadbiran koperasi agar ia dapat berkembang dengan baik.

Cadangan dan saranan ini adalah berdasarkan keputusan dan kesimpulan yang didapati dari kajian yang dilakukan.

Tidak dilupakan juga, penghargaan ini diberikan kepada semua yang terlibat dalam kajian ini. Pengurus Renungan FELOK Hassan bin Ab. Rahman, pengarah Koperasi Serbaguna Peneroka Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya juga... Ayahku yang banyak memberi maklumat

### Penghargaan

Alhamdulillah, bersyukur saya kehadrat Illahi kerana dengan izin-Nya saya telah dapat menyiapkan latihan ilmiah ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih saya ucapkan kepada Prof. Madya Dr. Hing Ai Yun yang telah menjadi penyelia ke atas penyiapan latihan ilmiah ini, yang telah memberikan banyak idea dan teguran untuk menjadikan latihan ini lebih baik.

Penghargaan ini juga saya tujukan kepada Prof. Madya Dr. Rokiah Talib yang menyelia dan memberikan idea serta tunjuk ajar diawal penyediaan latihan ilmiah ini. Segala tunjuk ajar beliau menjadikan penyediaan latihan ilmiah ini lebih teratur dan pekara yang dikaji boleh memberi manfaat kepada pihak yang terlibat.

Tidak dilupakan juga, penghargaan ini diberikan kepada semua yang terlibat dalam kajian ini, Pengurus Rancangan FELDA Pasir Raja, Ahli lembaga pengarah Koperasi Serbaguna Peneroka Pasir Raja Berhad dan ahli-ahli koperasi yang menjadi respondan. Tidak ketinggalan juga... Ayahku yang banyak memberi maklumat untuk kajian ini.

### **Senarai Rajah**

3:1 Maklumat asas Rancangan FELDA Pasir Raja	47
3:1 Carta Organisasi Pentadbiran FELDA Pasir Raja	53
3:2 Senarai harta tetap Koperasi Serbaguna Peneroka Pasir	
4:1 Struktur pentadbiran Koperasi Serbaguna Peneroka Pasir Raja Berhad pada tahun 1985	70
Raja Berhad pada tahun 1985 setelah ditolak susutnilai	
4:1 Struktur pentadbiran Koperasi Serbaguna Peneroka Pasir Raja Berhad pada tahun 1978	84
4:1 Hubungan ahli dengan Ahli lembaga pengarah	91
4:2 Struktur pentadbiran Koperasi Serbaguna Peneroka Pasir Raja Berhad pada tahun 1984	85
4:2 Kekurangan ahli koperasi beranyakan sejatah koperasi dari Ahli lembaga pengarah	93
4:3 Struktur pentadbiran Koperasi Serbaguna Peneroka Pasir Raja Berhad pada tahun 1985 hingga kini	85
4:3 Ahli yang hadir dalam mesyuarat agung dalam tahun yang tertentu	94
5:1 Penglibatan Ahli lembaga pengarah dalam badan-badan lain pada tahun 1985/86	126
4:4 Kekurangan ahli menghadiri mesyuarat agung	95
4:5 Kewajiman ahli membantu ahli lembaga pengarah	97
4:6 Sumber maklumat ahli koperasi mengenai koperasi	99
4:7 Kekurangan ahli mengemukakan pertanyaan dan pendapat mereka dalam mesyuarat agung koperasi	99
4:8 Hubungan ahli koperasi dengan ahli-ahli yang lain	102
5:1 Masalah, sebab dan cara mengatasinya	127

## Senarai Jadual

3:1 Maklumat asas Rancangan FELDA Pasir Raja	47
3:2 Senarai harta tetap Koperasi Serbaguna Peneroka Pasir Raja Berhad pada tahun 1985 setelah ditolak susutnilai	70
4:1 Hubungan ahli dengan Ahli lembaga pangarah	91
4:2 Kekerapan ahli koperasi bertanyakan berita koperasi bat dari Ahli lembaga pengarah	93
4:3 Ahli yang hadir dalam mesyuarat agung dalam tahun yang tertentu	94
4:4 Kekerapan ahli menghadiri mesyuarat agung	95
4:5 Kesediaan ahli membantu ahli lembaga pangarah	97
4:6 Sumber maklumat ahli koperasi mengenai koperasi	99
4:7 Kekerapan ahli mengemukakan pertanyaan dan pendapat harta dalam mesyuarat agung koperasi	99
4:8 Hubungan ahli koperasi dengan ahli-ahli yang lain	102
5:1 Masalah, sebab dan cara mengatasinya	127

## Pengenalan Dan Latarbelakang Kajian

an dan kemiskinan yang nyata ini maka berlaku perasaan tidak puas hati dikalangan rakyat. 1.1 Pendahuluan orang yang terlalu miskin dan tidak mempunyai tanah sendiri.

Sewaktu British memerintah (menjajah) negara ini ia lebih menekankan kepentingan ekonominya dimana ia cuba membawa hasil ekonomi negara ini ke Britain sebanyak yang mungkin. Akibat dari sikap yang sebegini rupa maka ia tidak begitu menekankan kebijakan rakyat. Apabila British meninggalkan dan memberikan kemerdekaan kepada negara ini ia telah meninggalkan satu kesan yang amat jelas keatas penduduk Malaysia. Berlaku jurang kekayaan dan kemiskinan yang amat hebat dan ketara. Terdapat rakyat yang terlalu kaya dan ada yang terlalu miskin sehingga kan ada rakyat yang tidak mempunyai tanah sendiri. Mereka terpaksa bekerja ditanah orang lain untuk menyara hidup meraka. Pemilikan harta yang tidak seimbang ini amat ketara pada tahun 1957 hingga tahun 1968. Ditahun 1957 10% golongan terkaya memiliki 33.2% dari harta yang ada dinegara ini. Manakala 40% rakyat yang termiskin hanya memiliki 15.9% dari jumlah harta yang ada. Pada tahun 1968 keadaan bertambah teruk dimana 10% dari golongan terkaya memiliki 39.7% dari jumlah harta dan 40% golongan termiskin hanya memiliki 9.1% dari jumlah harta keseluruhan. Golongan yang sedikit menguasai harta yang banyak. Manakala golongan yang ramai hanya menguasai harta yang sedi-

kit. (Syed Husin Ali (ed.), 1984: 305) akibatnya selain untuk mengurangkan penyebarluasan kekayaan dan kemiskinan yang nyata ini maka berlaku perasaan tidak puas hati dikalangan rakyat. Terutamanya golongan yang terlalu miskin dan tidak mempunyai tanah sendiri.

Menyedari hal ini, kerajaan telah mengambil daya usaha dan berbagai-bagai langkah untuk membendung keadaan yang tidak baik ini. Salah satu langkah yang diambil oleh kerajaan ialah dengan memperkenalkan rancangan-rancangan pembangunan tanah. Salah satu daripadanya ialah Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (LKTp) atau lebih dikenali dengan nama FELDA. Ia merupakan projek menempatkan orang-orang yang miskin di kawasan yang dibangunkan oleh kerajaan dimana rumah dan ladang disediakan untuk mereka. Mereka hanya dikehendaki mengeluarkan kos untuk membina rumah dan pengendalian ladang. Kerja-kerja pembangunan dilakukan oleh kerajaan. Kawasan ini diteliti dan ditadbir oleh kerajaan untuk memastikan ia berjalan seperti yang dirancangkan.

### **1.2 Tujuan Kajian**

FELDA tidak hanya menyediakan tempat tinggal dan ladang untuk diusahakan oleh peneroka tetapi ia juga menempatkan kakitangannya untuk mentadbir dan memastikan kawasan tersebut dapat dimajukan dan berjalan mengikut yang dirancangkan. Selain

dari itu FELDA juga menubuhkan koperasi disetiap kawasan yang telah dimajukannya. Tujuannya ialah untuk menggalakkan peneroka bergiat cergas dalam kegiatan yang boleh mendatangkan keuntungan kepada mereka. Selain dari itu, melalui koperasi kegiatan sosial juga dapat diadakan dan boleh melibatkan kesemua peneroka. Selain dari itu koperasi juga bertujuan untuk mengendalikan kegiatan ekonomi peneroka yang utama iaitu yang berkaitan dengan pengurusan hasil ladang iaitu pengendalian pengangkutan buah sawit dari ladang kekilang dan kerja-kerja yang bersangkutan dengannya seperti mengangkut baja ke ladang dan membaiki jalan pertanian. Jadi, tujuan utama kajian ini ialah untuk mengkaji sejauh manakah koperasi yang ditubuhkan oleh FELDA itu dapat memainkan peranan dalam masyarakat Peneroka FELDA yang melibatkan kegiatan ekonomi dan sosial mereka. Kegiatan ekonomi disini bermaksud sebarang kegiatan yang boleh membawa kepada keuntungan dan dapat menambah pendapatan peneroka. Kegiatan sosial pula bermaksud segala kegiatan yang melibatkan aktiviti-aktiviti sosial dan kebijakan seperti perayaan-perayaan, gotong royong dan sukan. Kajian juga bertujuan untuk melihat sejauhmana mereka dapat menggunakan kemudahan yang disediakan oleh koperasi untuk dimanfaatkan. Sejauh mana mereka dapat mempergunakan koperasi untuk tujuan merapatkan hubungan sesama mereka sebagai anggota dalam senbah masyarakat yang hidup dalam keadaan saling bentu membantu.

Memandangkan kepada keadaan ekonomi atau pendapatan

peneroka tidak tetap dan selalu berubah-ubah mengikut jumlah hasil pengeluaran hasil sawit dan kadar harga yang telah ditetapkan oleh FELDA maka dirasakan peneroka boleh memanfaatkan koperasi untuk menghadapi masalah keewangan. Di sini pengkaji cuba mengkaji sejauh manakah koperasi berperanan membantu peneroka meninggikan atau menambah pendapatan ahli-ahlinya. Dengan lain perka-taan sejauh manakah ahli-ahli koperasi dapat mempergunakan pe-ruang-peluang yang disediakan oleh koperasi bagi membantu mereka menambah pendapatan serta mendapatkan barang-barang keperluan harian seperti yang sepatutnya boleh didapati dari sebuah koperasi.

Salah satu objektif FELDA menggunakan koperasi ialah supaya peneroka dapat mengendalikan urusan atau kegiatan harian tumpatannya. Kajian juga ditumpukan kepada perjalanan koperasi yang dikaji. Sejauh mana ia dapat mencapai matlamat penubuhan-nya dan adakah ia dapat memainkan peranan yang sewajarnya dimanfaikan oleh sebuah koperasi dalam menjamin kebajikan ahli-ahlinya. Untuk mencapai tujuan ini penumpuan akan diberikan kepada aktiviti-aktiviti yang dijalankannya. Sejauh mana ia berjaya dan dalam kegiatannya serta masalah yang dihadapinya.

Capat menjimatkan perbelanjaan dan mendapatkan kembali wang Tujuan kajian yang paling penting ialah untuk melihat sejauh manakah perjalanan koperasi yang dikaji selaras dengan konsep-konsep dan prinsip-prinsip koperasi yang sebenarnya.

Penekanan kepada pekara ini dirasakan perlu kerana perjalanan koperasi yang selaras dengan konsep dan prinsip-prinsip koperasi yang sebenar akan dapat membantu kejayaan sebuah koperasi.

Kajian juga ditekankan kepada kesedaran ahli koperasi keatas peranan yang seharusnya mereka mainkan dalam koperasi. Adakah mereka tahu atau tidak peranan yang seharusnya mereka mainkan sebagai seorang ahli koperasi. Adakah mereka tahu ber-koperasi atau tidak. Penekanan kepada pekerja ini dirasakan amat perlu , bukan sahaja ia melibatkan organisasi koperasi tetapi juga ia boleh menjadi faktor penentu kepada pergerakan koperasi. Orang yang menyertai sesebuah koperasi tidak akan dapat mengam-bil faedah darinya jika ia tidak tahu berkoperasi.

Salah satu objektif FELDA menubuhkan koperasi ialah supaya peneroka dapat mengendalikan urusan atau kegiatan harian terutamanya urusan ladang mereka tanpa bantuan orang lain. Segala kegiatan ekonomi perlu dikendalikan sendiri. Urusan ini diserahkan kepada peneroka sendiri supaya wang mereka tidak mengalir keluar ketempat lain dan perbelanjaan dapat kurangkan. Apa yang penting mereka mendapat kembali wang yang mereka guna-kan untuk urusan ekonomi mereka terutamanya dalam pengangkutan buah sawit ke kilang. Dengan adanya koperasi, diharapkan mereka dapat menjimatkan perbelanjaan dan mendapatkan kembali wang mereka. Jadi, kajian ini juga bertujuan untuk melihat sejauh-manakah matlamat penubuhan koperasi oleh FELDA ini telah dapat mencapai tujuannya.

**1.3 Bidang Kajian**

Berkaitan dengan tujuan-tujuan kajian ini dijalankan, maka perlulah bagi pengkaji menghadkan skop atau bidang kajian keatas koperasi yang dikaji. Penghadan ini perlu dilakukan kerana masa kajian yang terhad iaitu selama kira-kira dua bulan dan tenaga yang tidak mencukupi untuk membuat kajian yang lebih luas dan lebih lama lagi.

Kajian akan ditumpukan kepada perjalanan koperasi yang saiz satu tempat kajian yang khusus akan dapat memberi kesan pada perkembangan dan aktiviti-aktiviti yang pernah, sedang dan yang akan dilakukan. Ia juga melibatkan perjalanan pengurusan (pentadbiran) dan penglibatan ahli dalam aktiviti koperasi.

Kajian juga akan ditumpukan kepada objektif-objektif dan peranan koperasi terutamanya didalam kegiatan sosial dan ekonomi masarakat yang dikaji. Penekanan juga diberikan kepada keberkesanan peranan yang dimainkan oleh koperasi berkenaan terhadap kegiatan sosial dan ekonomi ahli-ahlinya.

Tidak ketinggalan juga, pengkaji akan mengkaji sikap keseluruhan ahli koperasi bagi mengetahui bagaimana sikap mereka terhadapa koperasi supaya dapat ditentukan sejauh mana sikap mereka ini dapat menantukan kejayaan atau kemunduran koperasi.

~~1.6 Kaedah Ringkasnya~~, kajian akan dihadkan kepada perjalanan dan peranakeatas ahli-ahlinya. perkembangan dan aktiviti-aktiviti serta sikap ahli terhadap koperasi.

#### **1.4 Kaedah Kajian**

~~1.6 Kaedah Ringkasnya~~ Kajian yang dibuat ini adalah berbentuk kajian kes dimana kajian ini adalah untuk melihat peranan koperasi dalam masyarakat di rancangan FELDA. Adalah diandaikan dengan memilih suatu tempat kajian yang khusus akan dapat mewakili keseluruhan yang lain. Kajian ini dilakukan di tempat yang mempunyai corak masyarakat dan struktur pentadbiran yang sama serta mempunyai koperasi yang ditubuhkan untuk tujuan yang sama.

~~Teabuasel secara formal adalah melibatkan responden khusus atau terpilih dikalangan ahli koperasi. Mereka ini di-~~

#### **1.5 Pemilihan Tempat Kajian**

~~anggap sebagai wakil bagi ahli koperasi yang lain. Responden yang dipilih ini terdiri dari ahli lembaga pengurusan, ahli-ahli~~

~~Tempat kajian yang dipilih ialah rancangan FELDA Pasir Raja yang terletak di rancangan Gugusan Taib Andak, Kulai, Johor. Pemilihan tempat ini adalah kerana pengkaji tahu banyak maklumat mengenai latarbelakang tempat, keadaan hidup masyarakat serta maklumat mengenai koperasi yang dikaji. Dengan adanya maklumat yang banyak dan berhadapan dengan realiti masyarakat tempat kajian, akan dapat membantu pengkaji membuat kajian diselarasi akan dapat memberikan maklumat yang diperlukan. So-~~

dengan baik.

~~akan yang diketukukkan adalah mengikut kedudukan responden dalam koperasi. Bagi ahli lembaga pengurusan, soalan adalah dibutuhkan~~

## **1.6 Kaedah Memungut Data**

Dalam jalinan koperasi serta yang berkaitan dengan penglibatan dan sikap ahli terhadap koperasi.

Pengkaji menggunakan beberapa cara untuk memungut data iaitu dengan cara temu bual, soal selidik, pemerhatian dan mangkaji dokumen dan rekod serta kajian perpustakaan.

### **1.6.1 Kaedah temu bual**

Kaedah ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu temu bual secara formal dan secara tidak formal. Kedua-dua kaedah ini penting kerana dengan cara ini data-data boleh diperolehi tanpa meninggalkan tempat, massa dan kedudukan ahli dalam koperasi. terus dari responden.

Untuk kaedah ini, pengkaji memerlukan ahli koperasi ditempat-tempat yang menjadi tumpuan mereka seperti di setiap-warung,

Temubual secara formal adalah melibatkan respondan khusus atau terpilih dikalangan ahli koperasi. Mereka ini dianggap sebagai wakil kepada ahli koperasi yang lain. Respondan yang dipilih ini terdiri dari ahli lembaga pengarah, ahli-ahli koperasi dan Pengurus Rancangan. Temubual secara formal ini dilakukan untuk mendapatkan maklumat yang jelas dan berkait rapat dengan koperasi terutamanya mengenai sejarah perjalannya, pengurusan, aktiviti-aktiviti dan penglibatan ahli dalam koperasi. Untuk kaedah ini pengkaji telah menyediakan terlebih dahulu soalan-soalan yang difikirkan penting dan jawapan yang diperolehi akan dapat memberikan maklumat yang diperlukan. Soalan yang dikemukakan adalah mengikut kedudukan respondan dalam koperasi. Bagi ahli lembaga pengarah, soalan adalah ditumpukan

kepada pentadbiran dan perjalanan koperasi serta yang berkaitan dengan penglibatan dan sikap ahli terhadap koperasi.

Fakta-fakta yang diberikan oleh maklumat itu benar atau salah.

Soalan-soalan bagi ahli biasa pula merangkumi soalan mengenai perkembangan dan perjalanan koperasi serta sikap mereka terhadap koperasi. Tidak ketinggalan juga penglibatan mereka dalam kegiatan koperasi serta pekara yang menyentuh hal ehwal pentadbirannya.

Kaedah ini merupakan kaedah sesuai untuk yang mudah dan menyokong.

Kaedah temu bual tidak formal pula banyak dilakukan tanpa mengira tempat, masa dan kedudukan ahli dalam koperasi. Dalam kaedah ini, pengkaji menemui ahli-ahli koperasi ditempat-tempat yang menjadi tumpuan mereka seperti di warung-warung, masjid dan sekitar pejabat koperasi. Pengkaji selalu menimbulkan persoalan koperasi secara tidak langsung untuk menarik minat mereka mengenainya dan memberikan maklumat yang dikehendaki. Topik yang selalu ditanya ialah berkenaan mesyuarat agung yang agak lambat dijalankan dan perkembangan semasa keatas koperasi. Di sini dapat diketahui perkembangan dan perjalanan koperasi serta sikap ahli terhadap koperasi.

Temubual tidak formal dengan ahli lembaga pengarah dilakukan untuk mendapatkan maklumat tambahan iaitu maklumat yang difikirkan penting tetapi telah tidak didapati sewaktu temu bual secara formal dilakukan. Temu bual tidak formal juga melibatkan kerani koperasi dimana melalui beliau pengkaji men-

dapat banyak maklumat mengenai pengurusan dan ahli-ahli lembaga pengarah koperasi. Di sini pengkaji dapat menilai sejauh mana fakta-fakta yang diberikan oleh mereka itu benar atau salah. Melalui kerani koperasi juga, pengkaji dapat mengetahui sejauh mana ahli lembaga pengarah menjalankan tugas mereka.

Set soalan yang kecua puas dikiraikan untuk ahli-ahli 1.6.2 Soal selidik dipilih sebagai wewakili ahli-ahli biasa yang lain. Penilitian ini adalah mengikut blok-blok yang terdapat

Kaedah ini merupakan kaedah memungut data yang mudah dan banyak data yang boleh didapati. Data-data dapat direkodkan dan dapat diproses dengan mudah dan teratur. Data-data juga boleh dipastikan kebenarannya dengan mengulang soalan yang sama tetapi dengan cara yang berbeza.

Kaedah ini digunakan untuk mengumpul data yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti koperasi, masalah yang dihadapi, sikap ahli dan pengurusan koperasi.

Bahagian kedua mengandungi soalan-soalan yang berkaitan dengan

Dua set soalan telah disediakan. Satu set untuk ahli lembaga pengarah dan satu set lagi untuk ahli biasa yang dipilih. Tiap-tiap set soalan adalah mengikut peranan yang dimainkan oleh respondan di dalam koperasi yang dikaji.

Set soalan untuk ahli lembaga pengarah mengandungi dua bahagian. Bahagian pertama ialah mengenai biodata respondan untuk dijadikan bukti pengkaji menemui mereka. Juga un-

tuk mengetahui latarbelakang keluarga mereka. Bahagian kedua pula mengandungi soalan mengenai latarbelakang koperasi, aktiviti-aktivitinya, masalah yang dihadapi, hubungan ahli lembaga pengarah dengan ahli dan sikap ahli terhadap koperasi.

Set soalan yang kedua pula dikhaskan untuk ahli-ahli biasa yang telah dipilih sebagai mewakili ahli-ahli biasa yang lain. Pemilihan ini adalah mengikut blok-blok yang terdapat dalam rancangan tersebut. Blok yang terdapat dalam rancangan tersebut sebanyak 23 buah. Setiap blok dijangkakan akan dipilih dua orang tetapi oleh kerana masa terhad maka ada blok yang hanya dipilih seorang sahaja. Ahli yang dipilih dari setiap blok adalah secara rawak dimana pengkaji membuat cabutan untuk pemilihan tersebut. Jumlah respondan ini adalah seramai 33 orang. Set soalan ini juga dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian biodata dan berkaitan dengan koperasi. Biodata adalah sama dengan set soalan untuk ahli lembaga pengarah. Bahagian kedua mengandungi soalan-soalan yang berkaitan dengan penglibatan mereka dalam kegiatan koperasi, sejauh mana mereka mengikut perkembangan koperasi. Soalan-soalan juga merangkumi pandangan mereka terhadap perjalanan koperasi, pentadbiran, faedah yang mereka dapati dari koperasi dan sikap mereka terhadap koperasi.

Kaedah soal selidik ini berkait rapat dengan kaedah temu bual secara formal kerana soal selidik dilakukan ketika

temu bual secara formal dilakukan. Maklumat yang tidak jelas yang diberikan dalam soal selidik boleh dipastikan dalam temu bual tersebut. Dengan ini maklumat yang diperolehi dapat ditentukan kebenarannya.

1.6.3 Kaedah pemerhatian  
yang mengambil tahu hal-hal yang berkaitan dengan  
koperasi hanya dapat dilakukan di tempat-tempat  
yang wajib kumpul zara'i. Lebih dari itu tidak dapat diperhatikan.

Kaedah ini dilakukan untuk memastikan data-data yang diperolehi dari responden benar-benar tepat dan mereka berlaku jujur sewaktu memberikan maklumat. Kaedah ini perlu dilakukan untuk mengelakkan maklumat palsu atau tidak tepat. Pemberian maklumat yang tidak benar mungkin berlaku dengan sebab yang tertentu seperti untuk menutup kelemahan, menyembunyikan penyelewengan atau untuk cari publisiti dengan memberikan data yang baik-baik mengenai koperasi.

Tujuan pengkaji dokument dan zekod

Menerusi kaedah ini, pengkaji memerhatikan dan menyelidik aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh ahli lembaga pengarah dan ahli-ahli koperasi yang lain. Pengkaji kerap berada di pejabat koperasi untuk memerhatikan kerja-kerja yang dilakukan oleh ahli lembaga pengarah dan juga kerani koperasi. Disini dapat dinilai siapakah yang benar-benar menjalankan tugas dan siapa yang tidak mengambil berat terhadap tugas yang telah diamanahkan kepada mereka.

Walau bagaimanapun terdapat kelemahan dalam cara ini

kerana tidak semua data yang diperlukan boleh didapati. Ini berlaku kerana sukar untuk memerhatikan penglibatan ahli biasa dalam kegiatan koperasi kerana tiada aktiviti untuk mereka. Apa yang dapat diperhatikan hanyalah sejauh mana mereka berminat membincangkan dan mengambil tahu hal-hal yang berkaitan dengan koperasi. Pemerhatian hanya dapat dilakukan ditempat-tempat yang menjadi tumpuan ramai. Lebih dari itu tidak dapat diperhatikan.

#### 1.7 Mewujud Semua Penjelaskan Kajian

Pemerhatian juga dilakukan keatas pekerja-pekerja koperasi untuk melihat sejauh mana mereka ini memberikan kerjasama kepada ahli lembaga pengarah dalam memastikan kerja-kerja yang mereka lakukan dapat dijalankan dengan lancar dan dapat membantu kemajuan koperasi.

#### 1.6.4 Mengkaji dokumen dan rekod

Pengkajian dokumen dan rekod penting kerana ia dapat memberikan maklumat-maklumat asas mengenai koperasi. Kajian dokumen dan rekod ini melibatkan lapuran-lapuran minit mesyuarat agung yang telah dijalankan, buku-buku catitan yang digunakan oleh koperasi dan lapuran-lapuran perkembangan dan kegiatan koperasi. Kesemua dokumen dan rekod ini didapati dari pejabat koperasi Serbaguna Peneroka Pasir Raja.

#### 1.6.5 Kajian perpustakaan

Kajian perpustakaan ini penting untuk mendapatkan data-data mengenai koperasi secara umum. Data-data tersebut termasuk sejarah perkembangan koperasi moden, perkembangan koperasi di Malaysia dan prinsip-prinsip serta konsep yang terdapat dalam koperasi. Data-data yang diperolehi dari kajian perpustakaan dapat membantu pengkaji membuat rumusan dan penilaian mengenai koperasi yang dikaji.

### 1.7 Masalah Semasa Menjalankan Kajian

Masalah utama yang dihadapi oleh pengkaji semasa membuat kajian ialah untuk mendapatkan data-data dan maklumat mengenai koperasi yang dikaji kerana kekurangan dokumen bertulis mengenainya sejak ia ditubuhkan sehingga tahun 1978. Fail-fail dan rekod-rekod tersebut telah disetorkan dan sukar untuk diperolehi. Ahli-ahli koperasi ramai yang tidak dapat memberikan maklumat untuk tempoh tersebut. Terdapat juga ahli koperasi yang tidak dapat memberikan maklumat mengenai koperasi. Apabila ditanya ada yang terus terang tidak tahu langsung mengenai perjalanan koperasi. Ada yang menjawab 'tidak tahu' dan 'entahlah'.

Pengkaji juga mengalami kesukaran untuk menemui respondan pilihan kerana mereka sukar ditemui. Diwaktu pagi biasanya mereka bekerja dan diwaktu petang keluar ke warung atau ke rumah kawan. Diwaktu tengahari biasanya mereka tidur. Akibatnya kerja-kerja pengumpulan data terganggu.

Pengkaji juga mengalami kesukaran untuk mendapatkan data yang tepat kerana respondan kurang serious dalam memberikan jawapan apabila ditanya. Terdapat jawapan yang tidak menjawab soalan dan kadangkala tidak tetap. Apabila soalan diulang semula dalam bentuk yang lain, jawapan yang diberikan tidak sama dengan jawapan yang diberikan sebelumnya. Ada jawapan yang tidak dapat dipastikan langsung kesasihannya kerana hanya diajak sahaja.

Kurang kerjasama dari respondan juga menimbulkan masalah kepada pengkaji. Ada respondan yang seolah-olah tidak senang apabila pengkaji meminta bantuan mereka untuk memberikan maklumat yang diperlukan, Ada yang meminta agar mereka tidak ditemuduga. Ini melibatkan juga ahli lembaga pengarah. Akibatnya pengkaji terpaksa mencari respondan lain atau terpaksa meminta bantuan mereka dengan cara selalu menemui mereka. Walau bagaimanapun kes seperti ini tidak banyak berlaku. tanggungjawab yang tertentu dalam kumpulan tersebut. Pekara ini dapat di-

**1.8 Penutup** susunan yang telah terdapat dalam kumpulan itu dinamai terhadap status yang ketentu di dalamnya. Status dalam

Walaupun berlaku banyak kesukaran dalam kembuat kajian ini terutamanya untuk mendapatkan data <sup>dan</sup> lain-lain masalah tetapi pengkaji berusaha membuat kajian sebaik yang boleh.

orang yang besar di bawahnya. Ia dibantu oleh beberapa orang yang lain sebagai penolongnya. Golongan ini disebut sebagai golongan atasen atau penasihat. Maka kalo orang yang dipimpin atau

## BAB II

Difinasi, Sejarah Idea dan Prinsip-prinsip Koperasi2.1 Pendahuluan

Manusia merupakan haiwan sosial yang mempunyai fikiran dan dengan fikiran yang ada padanya itulah ia cuba memenuhi segala keperluannya (needs) terutamanya keperluan yang asas (basic needs) iaitu makanan dan minuman, tempat tinggal atau tempat perlindungan dan pakaian.

Walaupun manusia mempunyai akal fikiran yang digunakan untuk memikirkan cara memenuhi kesemua keperluan hidupnya, tetapi ia tetap lemah dan tidak berupaya memenuhi kesemuanya secara bersendirian. Maka dengan itu ia amat memerlukan orang lain untuk memenuhi segala keperluannya itu. Dengan ini manusia hidup secara berkelompok atau berkumpul dalam satu kumpulan. Ini mewujudkan satu kumpulan manusia yang saling berhubungan diantara satu sama lain serta mempunyai peranan dan tanggungjawab yang tertentu dalam kumpulan tersebut. Pekara ini dapat dilihat melalui susunan yang yang terdapat dalam kumpulan itu dimana terdapat status yang tertentu didalamnya. Status dalam kumpulan ini menentukan peranan dan tanggungjawab seseorang di dalam kumpulannya. Seorang ketua dalam satu kumpulan misalnya, akan berperanan sebagai pemimpin dan pelindung kepada orang-orang yang berada dibawahnya. Ia dibantu oleh beberapa orang yang lain sebagai penolongnya. Golongan ini disebut sebagai golongan atasan atau pemerintah. Manakala orang yang dipimpin atau

diperintah disebut sebagai golongan bawahan. Sebagai membalas kepada perlindungan yang diberikan oleh golongan atasan, golongan ini bekerja untuk memenuhi keperluannya sendiri dan juga menuju golongan atasan.

Terdapat berbagai-bagai bentuk struktur dalam masyarakat. Hal ini terjadi kerana dalam dunia ini terdapat berbagai-bagai bentuk masyarakat. Kepelbagaian bentuk masyarakat inilah yang menyebabkan wujudnya berbagai jenis struktur dalam masyarakat. Manakala struktur yang terdapat dalam masyarakat adalah dipengaruhi oleh budaya hidup dan kepercayaan masyarakat tersebut. Diantara struktur yang terdapat dalam masyarakat ialah yang tidak begitu jelas kelihatannya stratanya. Ia berbentuk seperti sebuah bulatan (circle) dimana peranan dan tanggungjawab ahli-ahlinya hampir sama dan tidak jauh berbeza. Ia lebih berarak demokrasi. Struktur yang kedua lebih jelas stratanya dari bentuk yang pertama iaitu terdapat hiraki yang nyata tetapi hanya terdapat sedikit strata atau status didalamnya. Ia hanya terdapat tiga atau empat golongan sahaja dalam masyarakat tersebut. Pembahagian peranan dalam struktur jenis ini lebih nyata dari struktur jenis pertama. Bentuk yang ketiga pula ialah dimana hiraki yang terdapat di dalamnya amat jelas. Bentuk ini lebih rigid dari bentuk kedua walaupun kedua-duanya berbentuk seperti bentuk segitiga. Kedudukan golongan atasan dan golongan bawahan amat nyata bezanya. Struktur kumpulan yang seperti ini melihatkan peranan yang sangat nyata dalam tiap-tiap status

yang terdapat dalam kumpulan tersebut. Contoh yang jelas bagi kumpulan atau masyarakat jenis ini ialah yang terdapat dalam sistem kasta masyarakat Hindu dimana terdapat empat status yang berbeza dan mempunyai peranan yang tersendiri yang terdiri dari Brahman, Pahlawan, Pedagang dan Hamba (Sudra). Setiap orang dalam kasta mesti memainkan peranan yang telah ditetapkan dan mereka tidak boleh berpindah kasta.

Walau apapun bentuk atau struktur dalam satu-satu kumpulan atau masyarakat, ia itu tetap mempunyai satu ciri yang sama iaitu setiap golongan bergantungan antara satu sama lain dan saling memerlukan sesama mereka untuk memenuhi keperluan setiap golongan. Di sini terdapat kerjasama atau tolong menolong antara golongan tersebut. Di sini wujud konsep kerjasama.

## 2.2 Difinasi Kerjasama (Cooperation)- Koperasi

"Konsep kerjasama ini telah diterima oleh kebanyakan orang sebagai satu cara hidup. Ia adalah merupakan satu falsafah. Perkataan 'Kerjasama' sebagai falsafah adalah terlepas dari ikatan taarif kerana sifatnya yang amat luas itu". (Kularajah, 1969 : 4)

Difinasi koperasi atau kerjasama ini adalah amat luas dan umum. Ia tidak membawa satu pengertian yang benar-benar khusus dan dapat digunakan untuk semua bidang kehidupan manusia. Ia seringkali diberikan difinasi yang berbeza-beza mengikut bidang ia digunakan. Difinasi yang diberikan seringkali lebih condong kepada bidang atau perkara yang hendak dinyatakan.

Jika ia digunakan dalam bidang ekonomi maka difinasinya mengikut kehendak bidang tersebut iaitu ia lebih cenderung kepada pekara yang berkaitan dengan ekonomi. Contohnya:

"Persatuan orang ramai untuk menggalakkan kepentingan ekonomi mereka dengan cara menolong diri mereka sendiri secara bera-mai-ramai". (Ibid : 8)

Dalam konteks sosial pula mungkin ia akan membawa kepada satu difinasi yang lain sesuai dengan bidang tersebut . Contohnya, seperti "satu kumpulan manusia yang bertolong-tolongan antara satu sama lain untuk memenuhi keperluan hidup mereka yang meliputi kegiatan sosial dan ekonomi". (Ibid 11)

Untuk melihat lebih dekat lagi difinasi koperasi, di sini diutarakan beberapa pendapat dari penulis-penulis dan orang-orang yang terlibat dalam pergerakan koperasi samada secara langsung atau tidak langsung.

C.R Fay mendefinisikan koperasi sebagai:

"An association for purposes of joint trading, originally among the weak, and conducted always in an unselfish spirit on such terms that all who are prepared to assume the duties of membership may share its reward in proportion to the degree in which they make use of the organization". (Marmorria, 1963 : 2)

M.T Herrick pula mendefinisikan koperasi sebagai:

"Co-operation is the act of persons voluntarily united for utilizing their mutual management to their common profit". (Ibid; 3)

Menurut James Peter Warbase koperasi ialah:

"Co-operation is a way of life whereby people unite democratically in the spirit of mutual aid and to get the largest possible access to the things and services their needs". (Ibid : 4)

Difinasi yang diberikan oleh C.F Strickland pula berbunyi:

"Every group of individuals associated to secure a common end by joint effort, may be said to co-operate, or the shareholders of speculative company. A century of history has given co-operation with a capital C a more precise meaning: it indicates the associations of individuals to secure common economic ends by honest means: it is also essential in many forms of co-operation that the individuals possess a personal knowledge of one other". (Ibid : 1)

Calvert memberikan difinasi koperasi sebagai berikut:

"A form of organisation where in the persons voluntarily associate together as human beings on a basis of equality, for the promotion of economic interests of themselves". (Ibid )

Koperasi sebagaimana yang didifinasikan oleh Katju ialah:

"Self-help as well as mutual help. It is a joint association or enterprise of those who are not financially strong and are unable to stand on their own legs and therefore come together not with a view to get profits but to overcome disability arising out of want of adequate financial resources and thus better their economic conditions". (Ibid: 5)

T.N Menon dan Shamsudin Puteh dalam risalah Jabatan Penerangan

Negara memberi difinasi koperasi sebagai:

"sebuah organisasi manusia yang bergabung secara sukarela untuk mencapai tujuan sosio-ekonomi ahli-ahlinya menerusi prinsip-prinsip Koperasi".(T.N Menon dan Shamsudin Puteh, Mei 1985)

C.B Mamoria telah menyimpulkan semua definisi koperasi oleh beberapa orang tokoh koperasi dan para pengkaji koperasi sebagai:

"Co-operation as a special technique of doing business in such a way so that a group of people may secure common good through self-help and mutual help. It grew not of any preconceived idea but of circumstances as practical solution of obvious difficulties. Its aim is to build fine human beings, base on all that is fundamentally lasting and good in human nature".(op-cit :5)

Dari definisi-difinisi yang telah dikutip dari tokoh-tokoh dan pengkaji koperasi, Kularajah telah merumuskan kesemua definisi tersebut sebagai:

"kerjasama ialah satu pertubuhan bagi semua yang bersedia menolong diri mereka dan orang lain dalam pertubuhan itu serta sentiasa berusaha supaya orang lain memasukinya untuk mencapai tujuan ekonomi bersama dan sosial demi untuk kebaikan diri mereka dan masyarakat berasaskan kepada persamaan dan persefahaman". (Kularajah, 1969: 5)

Sebagai penggunaan biasa dan mudah, kerjasama (co-operation) ialah seperti yang ditarifkan didalam kamus, 'ber-kerja bersama-sama' atau tolong menolong satu sama lain (Ibid: 4). Apa yang jelas dalam koperasi (kerjasama) ialah adanya konsep bekerjasama atau tolong menolong diantara individu dalam sesuatu kumpulan. Jumlah individu tersebut adalah ramai dan ti-

dak ada had bagi jumlahnya (tiada limit).

Sebagai kesimpulan dari semua definisi dan konsep yang telah dikemukakan, koperasi bolehlah dikatakan sebagai satu pertubuhan atau kumpulan manusia yang mempunyai matalamat yang tertentu.

Di dalamnya mestilah mengandungi beberapa unsur tertentu iaitu, ada organisasi, kerjasama atau tolong menolong diantara ahli-ahlinya bagi mencapai matalamat (ada matalamat), sama ada matalamat yang bercorak ekonomi atau bercorak sosial serta kebajikan. Disamping itu, orang yang terlibat dalam kumpulan itu hendaklah secara sukarela, tidak boleh dipaksa. Ringkasnya dalam sebuah koperasi mestilah mengandungi empat elemen penting iaitu:

1. Kumpulan manusia yang mempunyai sekurang-kurangnya satu keperluan yang sama.
2. Bertujuan untuk menolong diri sendiri atau masyarakat.
3. Cara-cara mencapai tujuan yang sama adalah dengan menubuhkan satu pertubuhan yang dipunyai dan dikelola bersama-sama.
4. Tujuan kegiatan bersama adalah untuk kemajuan ahli dan masyarakat.

Pada waktu itu perusahaan telah tumbuh seperti cendawan yang terdiri dari petani telah berdrujun-juru dan mencari peluang dalam koperasi moden yang pertama ditubuhkan di dunia ialah

di Rochdale, England. Ianya merupakan koperasi yang pertama yang mempunyai perjalanan yang teratur dan mempunyai prinsip-prinsip yang tertentu sebagai panduan perjalanannya.

Sebelum dibincangkan sejarah penubuhan koperasi Rochdale Pioneer ini adalah lebih baik diterangkan terlebih dahulu usaha-usaha yang telah dibuat oleh orang-orang yang sebelumnya dalam usaha mereka menuuhkan koperasi.

Idea koperasi ini sebenarnya telah muncul hampir lima puluh tahun sebelum tertubuhnya Rochdale Pioneer. Idea penubuhan koperasi telah muncul sejak orang-orang Barat mula mencipta alat-alat seperti alat penyulam, alat penenun kain dan rangka air. Alat penenun kain telah dicipta oleh Hargreaves pada tahun 1767. Richard Arkwright pula telah mencipta rangka air. Rangka air ini telah menyebabkan penubuhan kilang-kilang. Samuel Crompton pula telah membina 'keldainya' dan ini pula diikuti oleh James Watt dengan ciptaan jentera wapnya dan penggunaan wap. Edmund Cartwright telah mencipta pekkas tenun yang menggunakan kuasa dan ini seterusnya menambahkan lagi penderitaan petani-petani (Ibid: 13).

Pada waktu itu perusahaan telah tumbuh seperti cendawan dan sistem lama mulai pecah belah. Penduduk yang kebanyakannya terdiri dari petani telah berdurun-duyun mencari pekerjaan dalam perusahaan. Mereka bekerja di kilang-kilang. Tenaga

buruh yang banyak dan mudah didapati itu telah menyebabkan harga upah buruh rendah. Kaum pemodal dan tuan punya kilang telah mengambil kesempatan dari keadaan ini dengan menekan dan memeras tenaga buruh-buruh tersebut demi untuk mendapatkan keuntungan yang semaksima yang boleh. Upah kerja diwaktu itu terlalu rendah, manakala bekerja terlalu panjang. Keadaan tempat kediaman buruh tidak diambil berat oleh majikan mereka. Ruang tempat kediaman terlalu sempit. Kemudahan asas tidak baik dan kemudahan kesihatan tidak dijaga dengan sempurna. Hal ini bertambah buruk lagi apabila barang yang dikeluarkan tidak begitu bermutu tetapi harganya terlalu tinggi. Golongan atasan yang memiliki kilang-kilang dan kedai telah menekan pekerja yang miskin dan tidak mempunyai ilmu pengetahuan itu. Mereka tidak dapat berbuat apa-apa untuk mengatasi masalah penindasan ini kerana mereka memerlukan pekerjaan untuk menampung keperluan harian.

Dalam keadaan yang menyedihkan ini, muncul beberapa orang tokoh yang bersimpati terhadap nasib buruh-buruh tersebut dan mereka berusaha untuk mengatasi masalah penindasan ini. Di antaranya ialah P.C Plockboy, John Bellers dan Robert Owen.

Plockboy adalah seorang Belanda yang tinggal di England. Beliau memperjuangkan satu sistem ekonomi yang memerlukan penyertaan semua orang dan perjuangan itu di atas dasar yang sama. Beliau telah melahirkan idea-ideanya dalam risalah dan cuba mengamalkan di Amerika tetapi usahanya itu telah ditentang

oleh kerajaan dan ianya menemui kegagalan. Selain dalam pengaruhnya terhadap Potters, Bellers juga dikenal seorang Inggeris yang bernama John Beller dan seterusnya beliau mengumpul idea-idea Plockboy dan orang-orang yang mempunyai fikiran yang sama dengannya dan menulis teorinya sendiri. Apa yang diutarakan oleh Bellers adalah lanjutan dari idea-idea Plockboy.

Usaha-usaha yang dilakukan oleh Bellers telah memberi hasil yang baik bila idea-ideanya telah diperolehi oleh Robert Owen. Owen telah berusaha untuk memperbaiki dan menjadikannya lebih sempurna. Beliau adalah seorang pemodal dan tuan punya kilang. Walaupun ia termasuk dalam golongan penguasa tetapi ia mempunyai idea-idea dan prinsip-prinsip yang tertentu mengenai hubungan kemanusiaan. Sifat ini tertanam dalam dirinya kerana sebelum menjadi seorang yang kaya beliau pernah menjadi pekerja biasa dan pernah mengalami kesusahan sebelum menjadi tuan punya kilang. Idea-ideanya telah meluas dan menjadi atas kepada syarikat-syarikat kerjasama moden.

Beliau adalah anak kepada seorang penjual pelana kuda berbangsa Wales dan bekerja sebagai pelatih. Kemudian beliau telah berkongsi dengan seorang kawannya untuk memulakan perusahaan bersama dan telah berjalan dengan lancar dan terus berkembang maju. Akhirnya beliau menjadi kaya. Kedudukan kewangan yang kukuh telah mendorong beliau untuk memulakan kempennya untuk mewujudkan perubahan dan meringankan penderitaan orang ramai.

yang ditindas oleh golongan pemodal dan tuan punya kilang. Beliau telah menggunakan tema 'Pertandingan mestilah digantikan dengan pekerjasamaan'. Dalam kempennya ini beliau telah menulis beberapa buah makalah dan telah mendapat sambutan yang hangat dan meninggalkan kesan yang baik. Beliau kemudiannya telah menujuhkan syarikat-syarikat kerjasama (koperasi). Walau bagaimana-pun syarikat-syarikat kerjasamanya tidak maju dan pada keseluruhannya telah gagal. Kegagalan ini adalah disebabkan oleh tiada kerjasama dari bawah. Hanya pihak pentadbiran sahaja yang berkerja dan menguruskan perjalanan syarikat-syarikat tersebut. Usaha-usaha yang dilakukan ini telah tidak mendapat kerjasama dan sokongan dari orang yang hendak ditolong. Dengan ertikata lain, golongan bawahan yang cuba ditolong oleh Owen telah tidak memberikan bantuan dan kerjasama. Akibatnya Owen telah menemui kegagalan.

Walaupun Owen telah menemui kegagalan dalam usahanya itu tetapi idea-ideanya telah meluas dan menjadi asas kepada syarikat-syarikat kerjasama moden.

Selain dari Plockboy, Bellers dan Owen terdapat seorang lagi orang yang berminat dengan pekerja yang bersangkutan dengan koperasi. Beliau ialah Dr. W.King dari Brighton, England. Beliau dilahirkan pada tahun 1786 dan meninggal pada tahun 1865. Bendapatnya mengenai koperasi telah dikemukakannya melalui sebuah majalah yang diberi nama 'CO-Operation' atau 'Pekerjasama'.

Memang telah menjadi resam di dunia ini setiap sesuatu usaha yang dianggap baik oleh orang lain kerap kali dipandang serong oleh orang lain terutamanya apabila ianya boleh menjelaskan kepentingan golongan tertentu. Hal ini tidak terkecuali kepada usaha-usaha yang dilakukan untuk mengembangkan idea-idea koperasi. Terdapat cubaan untuk menghalang perkembangan koperasi diperingkat permulaan pergerakannya. Telah muncul gerakan-gerakan seumpama ini. Diantara kumpulan yang terkemuka ialah 'The Chartist' iaitu satu kumpulan orang-orang perseorangan yang berpendapat cara yang baik cara yang baik untuk mengatasi kesulitan-kesulitan itu (masalah penindasan buruh) ialah dengan cara perubahan yang dikanunkan. Ini bererti mereka tidak mahu golongan pekerja bebas begitu sahaja tanpa dapat dikawal. Mereka masih mahu mengawal golongan pekerja untuk kepentingan mereka. Dengan menganunkan perubahan yang dikehendaki mereka masih dapat mengambil faedah dari tenaga buruh yang ada. Jika perubahan tidak dikanunkan khasnya perubahan melalui penubuhan koperasi, mereka tidak akan dapat mengawal tenaga buruh kerana buruh telah ada tempat bergantung iaitu syarikat kerjasama. Dengan ini mereka tidak memerlukan tuan punya kilang untuk mendapatkan pekerjaan dan upah.

Kegagalan syarikat-syarikat kerjasama yang lalu dan penentangan yang dilakukan keatasnya telah menimbulkan keadaan yang kurang baik dalam perkembangan koperasi. Walaubagaimanapun dalam keadaan yang kurang baik ini telah muncul sebuah syarikat kerjasama di Rochdale, England. Penubuhan ini berlaku pada tahun

1844. Ia ditubuhkan oleh beberapa orang pekerja kilang dengan tujuan untuk memenuhi keperluan harian mereka dan seterusnya cuba mengembangkannya. Ini merupakan titik permulaan penubuhan syarikat kerjasama moden yang telah dapat dipraktikkan konsep kerjasama serta dapat menghadapai cabaran disekitarnya. Mereka telah mengumpulkan wang dikalangan mereka dan memborong barang-barang keperluan harian dan membahagi-bahagikan sesama mereka. Mereka bukan sahaja dapat mengatasi masalah harga yang sengaja ditinggikan oleh pemilik kilang dan kedai-kedai tetapi juga telah dapat mengelakkan pemalsuan dan penipuan dalam timbangan. Akhirnya mereka telah berjaya mendirikan sebuah kedai dengan urusannya berpandukan kepada prinsip-prinsip yang tertentu.

Mereka cuba memberitahu kepada orang ramai akan perindasan dan penipuan yang dilakukan oleh golongan pemodal ke atas mereka. Selanjutnya mereka telah berusaha mencari wang dengan cara bertemu dengan orang-orang yang senasib dengan mereka dan meminta mereka membantu usaha tersebut. Pada peringkat awal mereka telah berjaya mengumpul wang sebanyak £28. Dengan wang itu mereka memulakan perniagaan. Sebelum memulakan perniagaan tersebut mereka telah membuat beberapa peraturan untuk dijadikan panduan dalam perjalanan perniagaan tersebut. Kemudian peraturan-peraturan tersebut didaftarkan dan akhirnya dikenali sebagai prinsip-prinsip Rochdale Pioneer. Prinsip-prinsip ini akhirnya telah dijadikan prinsip-prinsip asas bagi koperasi sehingga hari ini.

Salah seorang daripada pelupur Rochdale Pioneer ini ialah Charles Héwwarth. Beliau telah menyewa tingkat bawah sebuah bangunan dan mengubahnya untuk menjadikannya sebuah kedai. Pada 21hb. Disember 1844 perniagaan Rochdale Pioneer telah dimulakan dan ianya telah berkembang dengan baik. Sewaktu ditubuhkan pada 21hb. Disember 1844 ahlinya hanyalah seramai 28 orang. Pada tahun 1964 jumlah ahlinya ialah seramai 44,000 orang. Ini menunjukkan koperasi ini telah mengalami kemajuan yang baik dan mendapat kepercayaan dari orang ramai.

#### 2.4 Prinsip-prinsip Rochdale Pioneer

Seperti yang dinyatakan diawal tadi, syarikat kerjasama Rochdale Pioneer bergerak dengan beberapa prinsip yang tertentu. Kemudiannya prinsip-prinsip tersebut telah menjadi prinsip-prinsip asas kepada penubuhan koperasi moden hari ini. Rochdale Pioneer telah mengemukakan lima prinsip untuk pergerakannya iaitu:

1. Keahlian terbuka (open membership)
2. Kawalan demokratik (democratic control)
3. Pembahagian lebihan (surplus) mengikut kadar modal
4. Faedah-faedah terhad atas modal
5. Pembelian tunai

Inilah lima prinsip koperasi yang asal yang telah dipperkenalkan oleh Rochdale Pioneer diawal penubuhannya. Prinsip-prinsip moden hari ini hanyalah meneruskannya dengan menambah

atau mengenepikan yang mana tidak perlu bagi mensesuaikannya dengan keadaan semasa. Kelima-lima prinsip asas dan tambahan yang dilakukan adalah seperti di bawah.

#### 2.4.1 Keahlian terbuka

Ini adalah prinsip yang paling utama dalam koperasi dimana keahlian adalah terbuka kepada semua orang tetapi, ia hendaklah mempunyai makalah yang sama serta bersedia memberikan kerjasama untuk kemajuan koperasi. Walau bagaimanapun koperasi boleh menolak keahlian seseorang itu dengan alasan yang munasabah seperti kelakuan yang tidak baik dan boleh mencemarkan nama baik serta mengugat perjalanan koperasi. Meskipun keahlian koperasi terbuka kepada semua orang tetapi kebiasaannya ianya hanya dibuka kepada orang dari kumpulan atau mempunyai kepentingan yang sama seperti nelayan, guru dan buruh. Biasanya koperasi untuk nelayan hanya dianggotai oleh nelayan. Begitu juga dengan guru dan buruh.

#### 2.4.2 Kawalan demokratik

Prinsip ini menekankan bahawa semua ahli adalah mempunyai hak dan suara yang sama dalam koperasi. Kesemua mereka berhak menentukan perjalanan koperasi serta membuat polisi-polisi yang hendak dilaksanakan. Oleh itu mereka berhak tahu semua kegiatan koperasi sama ada diperingkat pengurusan maupun ahli biasa. Mereka bebas untuk memilih siapa sahaja dikalangan ahli koperasi untuk menjadi Ahli Lembaga Pengarah (orang yang mendirikan koperasi). Di sini timbul satu konsep 'satu orang satu

undi'. Iaitu mereka boleh membuat keputusan untuk koperasi dan setiap keputusan adalah mengikut suara ramai dan mesti dipatuhi oleh semua ahli.

#### 2.4.3 Pembahagian lebihan (surplus) menurut kadar modal

Di sini, lebihan (surplus) atau untung dari perniagaan akan dibahagi-bahagikan dikalangan ahli koperasi. Lebihan ini dikira dari lebihan setelah ditolak kos perniagaan dan modal pusingan. Lebihan inilah yang dibahagi-bahagikan kepada ahli koperasi sebagai keuntungan perniagaan atau untung ke atas saham yang dilaburkan oleh ahli dalam koperasi.

#### 2.4.4 Faedah-faedah tarhad atas modal

Dalam sebuah koperasi saham yang dimiliki oleh ahli-nya adalah berbeza jumlahnya mengikut kemampuan ahli dalam membeli saham koperasi. Ada ahli yang mempunyai saham yang banyak dan ada yang sedikit. Ini adalah mengikut jumlah pendapatan ahli. Jumlah saham yang banyak akan menyebabkan keuntungan yang tinggi dan jumlah saham yang sedikit akan membolehkan ahli mendapat jumlah keuntungan yang rendah. Walau bagaimanapun peratus keuntungan saham bagi semua ahli adalah sama. Walaupun tiada penetapan dalam jumlah pemilikan saham dalam koperasi tetapi biasanya terdapat had minima dan had maksima jumlah saham yang boleh dimiliki oleh ahli. Jumlah maksima ialah jumlah yang paling tinggi yang boleh dimiliki oleh ahli. Manakala jumlah minima pula ialah jumlah terendah dan setiap ahli mestilah seku-

rang-kurangnya memiliki jumlah minima yang telah ditetapkan oleh koperasi.

Kelebihan dan kekurangan boleh menimbulkan ketegangan dikalangan ahli yang berlainan faedah politik. Ini boleh menjadikan kerajaan

#### 2.4.5 Pembelian tunai koperasi.

Rochdale Pioneer telah mensyaratkan pembelian tunai keatas ahli-ahlinya. Mereka tidak dibenarkan berhutang. Ini dilakukan adalah untuk memastikan syarikat sentiasa mempunyai modal untuk terus beroperasi. Walau bagaimanapun, dalam koperasi moden hari ini prinsip ini telah tidak dapat dilaksanakan lagi kerana suasana tidak mengizinkannya dimana sekarang terdapat pembelian barang-barang secara kredit (hutang) dengan meluasnya. Oleh sebab itu Kongres Perikatan Kerjasama Antarabangsa telah memansuhkan prinsip ini dari prinsip-prinsip koperasi antara-bangsa pada tahun 1966.

Kelima-lima prinsip yang telah dikemukakan di atas tadi adalah prinsip asal yang ada pada Rochdale Pioneer. Prinsip-prinsip ini kemudian ditambah bilangannya kepada tujuh.

#### 2.4.6 Berkecuali dari politik dan ugama

Prinsip yang baru ini tidak membenarkan koperasi terlibat secara langsung dalam kegiatan politik dan ugama. Sebuah koperasi hendaklah bersikap natural terhadap politik dan ugama. Prinsip ini adalah berkaitan dengan prinsip pertama iaitu keahlian terbuka. Keahlian koperasi tidak boleh dibataskan dengan sebab politik atau ugama. Larangan ini dibuat kerana jika koperasi mendekat sebaik sejauh mungkin koperasi akan matru-

rasi terlibat dalam politik, ia boleh menjelaskan aktiviti-aktivitiinya dan kemungkinan boleh menimbulkan ketegangan dikalangan ahli yang berlainan fahaman politik. Ini boleh menjelaskan kestabilan dan kemajuan koperasi.

Walau bagaimanapun, sebuah koperasi masih boleh terlibat dengan pertubuhan-pertubuhan atau badan-badan politik tetapi dengan syarat ianya boleh membawa keuntungan dan kebaikan kepada koperasi tersebut. Juga penglibatannya itu adalah untuk menambah tujuan-tujuannya dan falsafah-falsafahnya atau untuk menyokong perlindungan hak-hak dan objektifnya serta tidak menjelaskan perjalanan dan kestabilannya.

#### 2.4.7 Meninggikan pendidikan ahli

Koperasi perlu menekankan pendidikan keatas ahli-ahliinya supaya mereka dapat memahami konsep-konsep dan prinsip-prinsip yang terdapat dalam koperasi. Ini adalah supaya mereka dapat mengikuti segala perkembangan koperasi dan seterusnya dapat memberikan sumbangan untuk membantu kemajuan koperasi. Ahli yang tidak dididik tidak akan dapat memahami konsep dan prinsip yang terdapat dalam koperasi. Ini akan mendatangkan masalah kepada koperasi untuk menghadapi mereka kerana kadang kala mereka boleh bertindak atau berbuat sesuatu keatas koperasi disebabkan kejadian mereka. Ahli-ahli yang tidak tahu membaca dan menulis sepatutnya diberikan tunjuk ajar sehingga mereka boleh membaca dan menulis. Ini adalah penting bagi mereka kerana mereka perlu tahu membaca untuk membaca laporan mengenai koperasi dan seterus-

nya dapat mengetahui perkembangan koperasi.

Selain dari prinsip-prinsip yang telah dinyatakan, terdapat beberapa prinsip lain tetapi ianya hampir sama dengan prinsip-prinsip asas yang diiktiraf oleh Perikatan Koperasi Antarabangsa maka ia dianggap berada di bawah salah satu dari prinsip-prinsip tersebut. sebarang kesangsaraan yang laju, disebabkan oleh keadaan berhutang mereka akan menjahatih mereka setiap-pen. Walaupun telah digariskan enam prinsip asas (tidak termasuk pembelian tunai), koperasi masih boleh menambahkan beberapa prinsip lain yang difikirkan perlu untuk kemajuan dan kestabilan koperasi. Prinsip ini hendaklah mendapat persetujuan dari seluruh ahli koperasi. Di Malaysia contohnya, prinsip koperasi telah ditambah dengan satu prinsip lagi iaitu kepentingan masyarakat melebihi kepentingan individu. Prinsip ini adalah disarankan dan diutarakan oleh Ikatan Koperasi Kebangsaan atau ringkasnya ANGKASA. Oleh kerana mereka membela orang-orang mereka dengan tidak menghitungkan masa dengan mereka, keben-

**2.5 Sejarah Perkembangan Koperasi di Malaysia**

dan oleh kerana dimasa itu tidak ada kemudahan-kemudahan kredit yang dapat dib. Julai 1922, telah mencatit permulaan gerakan kerjasama di Malaysia kerana hari itu ialah satu bil untuk perlombongan dan penguasaan syarikat-syarikat kerjasama telah diluluskan pada kali yang pertamanya (Kularajah, 1969: 45). Walaupun bagaimanapun usaha kearah penubuhan gerakan kerjasama secara rasminya sebenarnya telah bermula sejak awal abad ke duapuluh lagi (awal

tahun 1900).

Kecenderungan yang mendorong kearah penubuhan ini adalah kerana berlakunya keadaan yang menyedihkan dikalangan para petani pada waktu itu. "Kaum-kaum tani, terutamanya sedang mengalami kehidupan yang sungguh menyedihkan dan didalam kesangsaraan yang memilukan dan sebarang kesangsaraan yang lanjut disebabkan oleh keadaan berhutang mereka akan menjahanamkan mereka sepenuh-penuhnya".(Ibid: 46)

Ditahun-tahun awal abad ini, kaum tani di Malaysia berada dalam keadaan miskin dan tertindas. "Petani-petani di negera ini serupa juga dengan petani-petani di negeri-negeri lain yang terkebelakang, adalah sungguh memerlukan wang untuk pekerjaan pertanian dan juga untuk perbelanjaan kehidupan dari sehari keseharian demi untuk menarai kehidupan mereka diantara waktu musim menyemai dan menuai. Oleh kerana mereka membelanjakan wang mereka dengan tidak menghiraukan masa depan mereka, kebanyakannya daripada mereka tidak mempunyai sebarang simpananpun dan oleh kerana dewasa itu tidak ada kemudahan-kemudahan kredit yang dapat mereka gunakan, maka mereka tidak mempunyai jalan lain lagi melainkan menghubungi cetiar-cetiar (ceti), peniaga-pekerja dan pekedai-pekedai setempat yang mengambil kesempatan diatas keadaan mereka yang tersepit itu. Oleh itu petani yang miskin itu telah diperah dan ditekan (Ibid : 46).

Sejarah Gerakan Jimat cermat dan kerjasama di negeri ini adalah sama tuanya dengan gerakan kerjasama. Masalah hutang piutang telah menyebabkan gerakan ini dilancarkan. Masih boleh diingat lagi iaitu dalam tahun 1907 Kerajaan Negeri-negeri Melayu Bersekutu, kerana memandangkan kepada kemerosotan ekonomi dikalangan petani-petani yang tidak berpelajaran serta dengan mudahnya menjadi mangsa dari suku-suku petualang, mencari jalan untuk mendapatkan nasihat Sir Arthur Young iaitu Setiausaha Tanah Jajahan British di Singapura pada masa itu. Adalah dipercayai bahawa beliau telah bertanggungjawab untuk mengelolakan dan menganrahkan gerakan kerjasama di Cyprus. Walau bagaimanapun tidak ada apa-apa kemajuan yang terdapat, dan dalam tahun 1911 pekerja itu telah dikaji semula apabila Sir Arthur Young menjadi Ketua Setiausaha Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Suatu jawatankuasa telah dibentuk untuk mengkaji masalah ini. Adalah didapati soal faedah telah menyekat pelancaran gerakan ini dan kaum-kaum tani Melayu pula dengan mudahnya telah menyangkal fahaman ini, bahkan semata-mata untuk menolong mereka. Orang yang mempunyai penuh keyakinan dalam gerakai ini ialah Sir W. George Maxwell dan beliau juga telah berusaha tetapi tidak dapat membuat apa-apa kemajuan. (Syed Kamarulzaman bin Syed Bahaldin, 1968 : 35)

Sepuluh tahun selepas arahan Sir Arthur Young, iaitu pada tahun 1921 kerajaan telah mengambil langkah yang berkesan untuk melaksanakan gerakan kerjasama ini tetapi ianya terpaksa dilakukan secara perlahan-lahan apabila ia bertentangan dengan

soal faedah yang dianggap penting. Kerajaan telah mendapat nasi-hat dari kerajaan India dan Mesir mengenai soal faedah dimana dasar kerjasama ini telah mereka ambil dan berjuta-juta umat Islam menyertainya. Pada masa itu Cavedish telah dihantar ke Burma untuk mengkaji gerakan kerjasama ini. Selepas itu kerajaan telah mengelolakan satu persidangan diantara pemimpin-pemimpin Islam di Perak dimana satu usul diambil untuk menasihatkan Duli Yang Maha Mulia Raja-raja Melayu bahawa gerakan ini boleh dilaksanakan di negara ini. tahun penubuhan koperasi Jabatan Pos dan Telekom, telah ditubuhkan sebanyak buah koperasi. Semua itu berlaku dalam tahun 1922 undang-undang syarikat kerjasama telah diluluskan, memperkenalkan dasar-dasar kerjasama di negara ini. Mengikut dasarnya adalah jelas bahawa tujuan gerakan ini adalah untuk menggalakkan jimat cermat, gotong royong dan orang-orang yang mempunyai kemahuan yang sama yang melibatkan kaum petani, buruh dan orang mempunyai kepentingan yang sama. Undang-undang ini mula berkuat kuasa pada 1hb. Julai, 1922 dan Cavedish dilantik sebagai pengarah kerjasama yang pertama dan beribu pejabat di Taiping. Kemudian dalam tahun 1924 dipindahkan ke Kuala Lumpur. tetapi telah mendatangkan hasil yang betul-sesuai ini mempunyai tanda penting kepada kedudukan syarikat kerjasama pada Jelaslah, tujuan utama penubuhan syarikat kerjasama pada awalnya adalah untuk menggalakkan rakyat berjimat cermat dimana kita dapat syarikat-syarikat yang ditubuhkan pada masa itu adalah berbentuk syarikat jimat cermat dan pinjam meminjam. Soal faedah-pandah disertai dengan kerenggan yang lain sekadar sebagai atau

Sebulan selepas pengistiharan undang-undang ini, syarikat jimat cermat dan pinjaman yang pertama dikalangan pekerja-pekerja Jabatan Pos dan Telekom telah didaftarkan iaitu pada 21hb. Julai, 1922. Dalam tahun yang sama telah tertubuh sebuah koperasi yang sama dikalangan para petani di Kampung Tebuk Haji Musa di Kerian, Perak. Ini diikuti oleh koperasi Polis Diraja Malaysia pada tahun 1924, Koperasi Guru-guru Semenanjung Malaysia dan koperasi Jabatan Ukur Semenanjung Malaysia pada tahun 1926. Sebenarnya selepas setahun penubuhan koperasi Jabatan Pos dan Telekom, telah ditubuhkan sebelas buah koperasi. Semuanya berbentuk jimat cermat dan pinjaman.

Kesemua syarikat jimat cermat dan pinjaman ini mengendalikan usaha mereka dengan menggunakan modal sendiri iaitu dikumpulkan dari ahli-ahlinya. Perjalanan syarikat-syarikat kerjasama tersebut adalah berdasarkan kepada undang-undang yang telah diluluskan pada tahun 1922 iaitu keahlian koperasi adalah terbuka kepada semua orang yang mempunyai kepentingan yang sama dan pengurusannya dilaksanakan oleh ahli-ahlinya sendiri. Dasar yang perlahan tetapi telah mendatangkan hasil yang berkesan ini mempunyai tanda penting kepada kedudukan syarikat kerjasama pada tempoh perjanjian Jepun dahulu. Oleh kerana syarikat-syarikat ini tidak berhutang kepada pihak-pihak lain maka faedah-faedah mereka sentiasa terkumpul. Syarikat-syarikat ini bebas untuk menyesuaikan keadaan kewangannya tanpa mengindahkan faedah-faedah dipertubuhan kewangan yang lain samada saudagar atau

kerajaan. Ini menunjukkan sejak awal penubuhan koperasi di Malaysia, ianya telah berjalan dengan baik. Hal ini berlaku mungkin kerana operasi jimat cermat dan pinjaman tidak memerlukan modal yang besar dan pelaburan yang banyak. Oleh itu risiko yang ditanggung adalah kecil. Tidak seperti keadaan hari ini dimana koperasi melibatkan diri dalam perniagaan secara besar-besaran dan risiko menerima kerugian juga adalah besar.

Semasa pemerintahan Jepun pergerakan koperasi telah terjejas dimana di kebanyakan negeri kecuali Selangor, Kedah dan Perlis pergerakan koperasi telah lumpuh. Pekara ini adalah disebabkan oleh nilai matawang Jepun yang terlalu rendah atau tidak bernilai langsung. Apabila berlaku pertukaran wang, syarikat kerjasama mendapat kerugian kerana nilai matawang Jepun yang rendah itu. Akibatnya syarikat kerjasama yang teguh juga menjadi lumpuh. Banyak dokumen syarikat-syarikat kerjasama yang rosak atau hilang dan musnah.

#### *Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad atau*

Pada tahun 1947 Jepun telah kalah dalam perang dan mereka meninggalkan negara ini. Syarikat-syarikat kerjasama telah cuba bergerak semula dengan memperbaiki segala kerosakan yang dialami dan melancarkan semula operasi mereka. Pada tahun 1950 bilangan syarikat kerjasama jimat cermat dan pinjam meminjam di bandar-bandar telah bertambah. Pekara ini berlaku berikutan tertubuhnya persekutuan syarikat-syarikat kerjasama jimat cermat dan pinjam meminjam di luar bandar bandar. Syarikat ker-

jasama telah berunding dengan kerajaan untuk menubuhkan kilang beras secara bersama di Arau, Perlis. Pada tahun 1950 sebanyak 142 syarikat kerjasama telah ditubuhkan.

Selepas tahun 1950 syarikat kerjasama terus berkembang dan dalam tahun 1956 telah ditubuhkan Maktab Kerjasama Malaysia. Tujuannya ialah untuk menggalakkan dan memajukan lagi pendidikan koperasi di negara ini.. Maktab ini merupakan satu-satunya institut pendidikan koperasi di Malaysia. Ia mengadakan kursus dan latihan bagi ahli-ahli koperasi, kakitangan dan lembaga pengarah pertubuhan koperasi serta pegawai kerajaan dari Jabatan Pembangunan koperasi dan lain-lain agensi kerajaan yang bertanggung-jawab dalam usaha menggalakkan dan memajukan gerakan koperasi di negara ini seperti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP). Maktab Kerjasama ini berada dibawah kawalan kerajaan.

Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad atau ringkasannya ANGKASA merupakan organisasi puncak dalam struktur gerakan koperasi di Malaysia. Ia ditubuhkan pada tahun 1971 dan kemudian diiktiraf oleh kerajaan sebagai badan yang mewakili keseluruhan pergerakan koperasi di Malaysia pada tahun 1972. Matalamat utama ANGKASA ialah untuk menyatukan semua koperasi yang ada di negara ini disamping memberikan khidmat nasihat dalam perniagaan koperasi, memperkembangkan prinsip-prinsip koperasi dan berkerjasama dengan kerajaan kearah pembangunan negara.

Diantara aktiviti utamanya ialah mengadakan program pelajaran dan latihan melalui seminar, kursus, ceramah dan lawatan sambil belajar ke luar negeri. Satu lagi aktiviti penting yang dijalankan oleh ANGKASA ialah membantu koperasi-koperasi dalam urusan pemotongan gaji ahli-ahli untuk dibayar kepada koperasi berkenaan yang dibuat melalui biro perkhidmatannya. Sejumlah 260 buah koperasi kini telah menggunakan perkhidmatan tersebut. Dengan wujudnya sistem akaun berkomputer di ANGKASA, sebuah unit praudit telah ditubuhkan untuk memberi nasihat nasihat perakaunan kepada koperasi-koperasi kecil dan sederhana yang bergerak di negara ini. ANGKASA juga menerbitkan majalah bulanan yang dinamakan PELANCAR disamping bahan-bahan bacaan yang lain.

(Menon dan Shamsudin bin Puteh, Mei 1985).

Manakala koperasi yang terlibat dalam perusahaan pengangkutan sebanyak

**2.6 Pergerakan Koperasi Masa Kini**

sebanyak 85,000 orang dengan jumlah modal sebanyak \$ 0.25 bil. Sebanyak 50 buah koperasi serbaguna juga berdiri. Pergerakan koperasi di Malaysia telah berkembang dengan agak pesat selepas perang dunia kedua. "Kini terdapat sejumlah 3,260 buah koperasi di Malaysia dengan ahlinya seramai setengah juta orang. Jumlah saham terkumpul pula bernilai sebanyak \$ 1,033,179,360. Manakala jumlah harta bernilai \$ 4,728,632,543. Kesemua koperasi ini terletak di bawah pengawasan Jabatan Pembangunan Koperasi, Lembaga Kemajuan Ikan (LKIM) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)". (Ibid) yang dicirinya ialah pertukaran, pengeluaran daja dan racun antarangga, pelihalan batik dan pengulungan.

Setakat ini terdapat beberapa jenis koperasi di negara

ini yang mana tiap-tiap jenis koperasi mengikut bidang yang tertentu. Koperasi bank dan kredit merupakan bidang yang tertua sekali dalam aliran gerakan koperasi di Malaysia. Pada masa ini terdapat sejumlah 353 buah koperasi jenis ini di seluruh negara dengan sahamnya berjumlah \$ 445.5 juta. Terdapat tiga bank utama dalam bidang ini iaitu Bank Rakyat Malaysia, Bank Persatuan Syarikat Kerjasama dan Bank Pusat Kerjasama. Terdapat sebanyak 240 buah koperasi pengguna dengan ahlinya seramai 130,000 orang dan saham berjumlah \$ 18 juta. Koperasi Pengguna Malaysia telah menubuhkan satu rangkaian pasarmini dan pasaraya di seluruh negara yang dikenali dengan nama KOMART. Dalam bidang perumahan pula terdapat sebanyak 120 buah koperasi dengan ahlinya seramai setengah juta orang dan modalnya berjumlah \$ 200 juta. Manakala koperasi yang terlibat dalam perusahaan pengangkutan sebanyak 127 buah dan mempunyai ahli seramai 45,000 orang dengan jumlah modal sebanyak \$ 8.25 juta. Sebanyak 60 buah koperasi serbaguna juga terlibat dalam perusahaan pengangkutan.

Setakat ini terdapat 50 buah koperasi pembangunan tanah dengan modal berjumlah \$ 55.8 juta dan telah meneroka seluas 25,000 hekter tanah dengan tanaman kelapa sawit, getah, koko dan lain-lain tanaman dagang. Seramai 400,000 orang ahli terlibat dalam 31 buah koperasi dibidang perindusterian dengan modal berjumlah \$ 98 juta. Antara bidang yang diceburinya ialah perhotelan, pengeluaran baja dan racun serangga, perusahaan batik dan pengeluaran air batu. Bagi memperluaskan kegiatan koperasi

dalam bidang perindustrian sebuah konsotium yang dikenali sebagai konsotium Koperasi Nasional telah ditubuhkan. Dalam bidang insuran hanya sebuah sahaja koperasi yang terlibat iaitu koperasi Insuran Malaysia. Sekarang terdapat sebanyak 409 buah koperasi di sekolah-sekolah di seluruh negara. Kegiatan koperasi di sekolah-sekolah mula diperkenalkan pada akhir tahun puluhan. Sehingga tahun 1985 terdapat 190,000 orang ahli koperasi ini dengan modalnya berjumlah \$ 1 juta. Terdapat sebanyak 873 buah koperasi yang terlibat dalam bidang pertanian dengan ahlinya berjumlah 100,000 orang dan sahamnya bernilai \$ 10.2 juta. Koperasi jenis ini terlibat dalam kegiatan jimat cermat, serbaguna dan kilang padi. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) pula mengawasi 49 buah koperasi perikanan di seluruh negara. Koperasi jenis mempunyai ahli seramai 45,884 orang dengan sahamnya bernilai \$ 1.35 juta. Ia terlibat dalam aktiviti pemasaran ikan, perniagaan diesel, kemudahan bilik sejuk, pembekalan alat ganti, ternakan kerang dan pengangkutan. Kaum wanita juga tidak ketinggalan dalam kegiatan koperasi dimana terdapat sebanyak 50 buah koperasi wanita dengan jumlah ahlinya seramai 8000 orang dan modal terkumpul berjumlah \$ 800,000.

## 2.7 Penutup

Sejarah penubuhan koperasi di Malaysia mempunyai latarbelakang dan sebab yang sama dengan sejarah penubuhan koperasi moden. Cuma yang berbeza ialah, di Malaysia penubuhan gerakan koperasi lebih lewat dari penubuhan gerakan koperasi moden.

**BAB III**  
 Sebab penubuhan adalah sama iaitu untuk membela golongan yang tertindas. Di Malaysia penindasan adalah melibatkan golongan petani yang miskin. Manakala di Barat pula penindasan dalam melibatkan penindasan keatas golongan pekerja atau buruh kilang.

Akibat dari penindasan inilah muncul idea-idea dan usaha-usaha penubuhan koperasi supaya golongan yang tertindas dapat mengatasi masalah mereka secara bersama dengan mengamalkan konsep kerjasama sesama mereka.

Perupukan tanaman dagang yang utama di Malaysia dan hasil eksport negara yang utama. Walau bagaimanapun, apabila tanaman lain mula mendapat perhatian dan ditanam diladang-ladang di negara ini, FELDA juga tidak ketinggalan tanaman dagang yang baru muncul dan boleh mendatangkan hasil yang tinggi. Diantara tanaman yang paling mendapat perhatian ialah kejepə sawit atau dikenali dengan panggilan sawit sehaja, FELDA telah mulai menanam sawit di kawasan yang diterokainya pada awal tahun enam puluhan. Ternyata pada hari ini, kelapa sawit telah mendatangkan hasil yang lumayan kepada para peneroka dan juga pihak FELDA sendiri. Diantara kawasan FELDA yang paling awal ditanami dengan kelapa sawit ialah Rancangan Gugusan Taib Andak yang terletak di Kulai, Johor. Gugusan Taib Andak terdiri dari lima buah rancangan FELDA iaitu Taib Andak (juga dikenali dengan nama Kulai Skim), Bukit Ramun, Bukit Besar, Sungai Sayong dan Pasir Raja. Kawasan ini mempunyai dua buah kilang untuk memproses buah sawit. Sebuah terletak di Bukit Besar dan sebuah lagi terletak di Taib Andak. Kawasan Taib Andak ini mulai diterokai dan dibangunkan pada

### BAB III

Latarbelakang FELDA Pasir Raja dan Sejarah Perkembangan Koperasi Serbauna Peneroka Pasir Raja Berhad.

#### 1. Pengenalan

Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (LKTP) atau lebih dikenali dengan nama FELDA pada awalnya hanya mengusahakan tanaman getah di kawasan yang diterokainya. Pada masa itu getah merupakan tanaman dagang yang utama di Malaysia dan hasil ekspor negara yang utama. Walau bagaimanapun, apabila tanaman lain mula mendapat perhatian dan ditanam diladang-ladang di negara ini, FELDA juga tidak ketinggalan tanaman dagang yang baru muncul dan boleh mendatangkan hasil yang tinggi. Diantara tanaman yang paling mendapat perhatian ialah kelapa sawit atau dikenali dengan panggilan sawit sahaja. FELDA telah mula menanam sawit di kawasan yang diterokainya pada awal tahun enam puluhan. Ternyata pada hari ini, kelapa sawit telah mendatangkan hasil yang lumayan kepada para peneroka dan juga pihak FELDA sendiri. Diantara kawasan FELDA yang paling awal ditanami dengan kelapa sawit ialah Rancangan Gugusan Taib Andak yang terletak di Kulai, Johor. Gugusan Taib Andak terdiri dari lima buah rancangan FELDA iaitu Taib Andak (juga dikenali dengan nama Kulai Skim), Bukit Ramun, Bukit Besar, Sungai Sayong dan Pasir Raja. Kawasan ini mempunyai dua buah kilang untuk memproses buah sawit. Sebuah terletak di Bukit Besar dan sebuah lagi terletak di Taib Andak. Kawasan Taib Andak ini mulai diterokai dan dibangunkan pada

awal tahun enam puluhan. FELDA telah menyediakan rumah dan ladang untuk penerokanya. Hanya rancangan FELDA Taib Andak sahaja yang rumah penerokanya terpaksa didirikan oleh mereka sendiri.

### 3.2 Latarbelakang Rancangan FELDA Pasir Raja

Rancangan FELDA Pasir Raja yang terletak dalam kawasan Gugusan Taib Andak berada di pertengahan jalan dua buah bandar yang berhampiran iaitu Kulai dan Kota Tinggi. Jaraknya dari Kulai kira-kira 25 kilometer dan dari Kota Tinggi kira-kira 35 kilometer. Ia juga terletak tidak jauh dari ibu negeri Johor iaitu Johor Bahru. Jaraknya dari bandar ini kira-kira 56 kilometer.

Kerja-kerja pembangunan kawasan Pasir Raja telah bermula diawal tahun enam puluhan. Ia dijalankan secara berperingkat-peringkat mengikut kawasan atau peringkat yang telah ditentukan. Kawasan atau peringkat ini dibahagikan kepada empat iaitu peringkat satu, dua, tiga dan empat.

Peringkat satu dibangunkan dahulu. Kemudian diikuti oleh peringkat-peringkat dua, tiga dan empat. Kerja-kerja pembangunan bagi peringkat satu telah dimulakan pada bulan Disember tahun 1962 dengan keluasannya 430.75 hekter. Pada bulan Disember 1963, kerja-kerja penanaman sawit telah dimulakan dan pada bulan September 1966 hasilnya telah mula dituai. Pada bulan April 1967, peneroka bagi kawasan ini telah mulai

pembangunan rumah yang disediakan untuk mereka. Jumlah peneroka ber-  
di peringkat ini adalah seramai 128 orang. Diawal ketibaan mereka,  
mereka diketahui bekerja membersihkan kawasan ladang. Upah  
yang diberi untuk kerja-kerja yang dilakukan ini adalah mengikut  
jumlahtan yang telah ditetapkan untuk bekerja bagi setiap hari.

Jadual 3.1 : Maklumat asas Rancangan FELDA Pasir Raja

	Peringkat 1	Peringkat 2	Peringkat 2	Pkt. 4
Tahun pembangunan	Dis. 1962	Dis. 1963	Dis. 64	Dis. 69
Ukur keliling	430.75	461.75	549.65	268.84
Tarikh taman	Dis. 63	Dis. 64	Dis. 65	Okt. 70
Luas kawasan	430.75	458.23	549.65	266.05
Mula tuai	Sept. 66	Jan. 68	Okt. 68	Jul. 73
Dirian sehekter	134	131	143	144
Tarikh kemasukan peneroka	Apr. 67	Jul. 68	Sept. 68	-
Jumlah peneroka	128	137	156	-
Permulaan sistem blok	Mei 1972	Okt. 1972	Okt. 72	Jan. 77

Sumber: Pejabat Rancangan FELDA Pasir Raja.

mendiami rumah yang disediakan untuk mereka. Jumlah peneroka bagi peringkat ini adalah seramai 128 orang. Diawal ketibaan mereka, mereka dikehendaki bekerja membersihkan kawasan ladang. Upah yang diberi untuk kerja-kerja yang dilakukan ini adalah mengikut jumlah masa yang telah ditetapkan untuk bekerja bagi setiap hari. Apabila kerja-kerja pembersihan ladang telah selesai mereka mula bekerja menuai buah sawit dengan gajinya mengikut kiraan tandan iaitu tujuh sen setandan pada peringkat awalnya. Harga setandan sawit berubah-ubah mengikut harga yang ditetapkan oleh FELDA.

Selepas kerja-kerja pembangunan peringkat satu dilakukan, di susuli pula oleh kerja-kerja pembangunan peringkat dua. Kerja-kerja pembangunan bagi peringkat ini telah dimulakan pada bulan Disember 1963 dengan keluasan kawasannya 458.23 hekter. Kerja-kerja penanaman sawit dimulakan setahun selepas itu, iaitu pada bulan April 1964 dengan jumlah pokok sebanyak 131 batang bagi satu hekter. Hasil sawit mula dituai pada bulan Julai 1967. Pada bulan Januari 1968 peneroka bagi peringkat ini telah mula menduduki rumah yang disediakan untuk mereka. Pada awalnya jumlah mereka ialah seramai 132 orang. Pada tahun 1976 jumlah ini bertambah kepada 137 orang apabila lima orang peneroka baru ditempatkan diperingkat ini. Pengambilan peneroka baru pada tahun 1976 juga melibatkan pertambahan peneroka bagi peringkat satu dan tiga. Kewaspadaan utama yang mangandungi isian akar untuk satuan peneroka yang mana kewaspadaan itu berjaya diperolehi. Peringkat Peringkat tiga pula telah mula dibangunkan pada bulan

Disember 1964. Kawasannya adalah lebih luas dari kawasan peringkat satu dan dua. Keluasan kawasannya ialah 549.65 hekter. Kerja-kerja penanaman sawit telah dimulakan pada bulan Disember 1965 dengan dirian pokok sebanyak 143 batang sehekter. Hasilnya mula dituai pada bulan Oktober, 1968 dan peneroka-peneroka bagi peringkat ini mulai mendiami rumah mereka pada bulan September 1969. Seperti diperingkat satu dan dua, kerja-kerja penuai sawit diperingkat awal adalah dilakukan oleh buruh FELDA dan juga oleh mereka sendiri mengikut kiraan harga tandan. Seramai 15 orang peneroka baru telah memasuki peringkat ini pada tahun 1976.


Kawasan terakhir yang dimajukan ialah peringkat empat dimana kerja-kerja pembangunannya dimulakan pada bulan Disember 1969 dengan meliputi kawasan seluas 266.05 hekter. Kerja-kerja penanaman sawit dimulakan pada tahun 1970 dengan dirian sehekter sebanyak 144 batang. Kawasan peringkat empat ini merupakan kawasan tambahan bagi peringkat satu, dua dan tiga. Ia hanya terdiri dari kawasan ladang sahaja. Setiap peneroka dari tiap-tiap peringkat yang lain mendapat dua ekar dari kawasan ini sebagai tambahan untuk kawasan yang sedia ada. Menjadikan jumlah kawasan setiap peneroka seluas sepuluh ekar. Tambahan dua ekar lagi ini dilakukan pada tahun 1977. Dua ekar ini adalah terpisah dari kawasan utama yang mengandungi lapan ekar untuk setiap peneroka yang mana kawasan itu terletak diperingkat-peringkat yang telah ditentukan.

Diawal tadi dinyatakan bahawa peneroka bekerja menuai sawit mengikut cara borong iaitu upahnya berdasarkan jumlah tan dan yang dapat dituai. Harga bagi setandan buah sawit ditentukan oleh FELDA. Sistem ini kemudiannya diubah kepada sistem blok pada tahun 1972. Pertukaran sistem ini dilakukan adalah untuk membantu peneroka meningkatkan pendapatan mereka disamping menggalakkan kerjasama dikalangan peneroka terutamanya dalam kerja-kerja ladang. Sistem blok ini diujukan bukan sahaja untuk pengurusan kawasan Ladang dan aktiviti sosial peneroka, tetapi juga bagi membantu. Sistem blok ini dijalankan dengan cara membahagikan kawasan kampung dan ladang kepada kelompok-kelompok kecil didalam setiap peringkat. Kumpulan-kumpulan ini mempunyai kawasan ladang dan rumah di satu kawasan yang sama. Setiap kumpulan atau blok ini mengandungi 16 hingga 20 orang peneroka. Di Pasir Raja terdapat sebanyak 23 buah blok iaitu tujuh diperingkat satu, lapan di tiap-tiap peringkat dua dan tiga. Setiap blok mempunyai jawatankuasanya sendiri untuk mentadbir kumpulan tersebut. Biasanya setiap blok mempunyai seorang ketua dan penolongnya. Mereka berdua adalah bertanggungjawab menjaga kestabilan dalam blok. Tugas utama mereka ialah memastikan pengurusan ladang dapat berjalan dengan baik dan kebijakan ahli blok seniasa terjamin. Blok-blok ini bolehlah dikatakan sebagai kumpulan-kumpulan peneroka yang dikumpulkan untuk mengendalikan kegiatan ekonomi, kebijakan dan kegiatan sosial ahli-ahlinya. Setiap ahli adalah bertanggungjawab untuk mengambil beratsetiap pekerja yang berkaitan dengan blok dan anggotanya yang lain. Se-

gala masalah ahli dan masalah bersama yang boleh menjasakan kestabilan dan hubungan diantara ahli hendaklah dibincangkan dan diselesaikan bersama. Jika tidak dapat diselesaikan ia akan dibawa ke peringkat yang lebih tinggi iaitu Jawatan Kuasa Kerja Rancangan (JKKR). Tugas dan peranan JKKR ini akan dibincangkan dalam perkara pentadbiran nanti.

Sistem blok ini diujudkan bukan sahaja untuk pengendalian kawasan ladang dan aktiviti sosial peneroka, tetapi juga bagi membantu pihak pentadbiran rancangan melicinkan pentadbirannya. Dari segi pengurusan ladang dan pemasaran hasil sawit, sistem blok ini tidak sama dengan cara upah mengikut jumlah tandan. Dalam sistem blok ini, hasil sawit bagi tiap-tiap ahli dalam blok dianggap sebagai milik bersama. Kesemua hasil sawit dikumpulkan dan dijual ke kilang FELDA. Harga sawit adalah mengikut jumlah tan metrik. Pendapatan dari hasil jualan tersebut dibahagi-bahagikan dikalangan ahli blok. Di dalam blok berlaku proses jual beli buah sesama ahlinya. Siapa yang mendapat jumlah tandan kurang dari jumlah purata bagi hasil yang didapati akan membeli dari orang yang mendapat hasil lebih dari jumlah purata mengikut harga yang telah ditetapkan menurut persetujuan semua ahli blok. Dengan cara ini hasil pendapatan bagi setiap ahli dalam blok tidak jauh berbeza antara satu sama lain.

Johor Timur. Di sini akan hanya dibincangkan pentadbiran di peringkat kawasan rancangan dan JKKR sahaja.



Sumber: Pejabat FELDA Pasir Raja.

Pengurus dan penolongnya dibantu oleh enam orang penyelia dan dua orang SDA serta tiga orang kerani dan pemandu dalam menjalankan pentadbirannya. Penyelia-penyelia bertugas di peringkat-peringkat yang telah ditentukan iaitu setiap dua orang penyelia bertugas untuk satu peringkat.

Organisasi pentadbiran kawasan rancangan yang ditubuhkan oleh FELDA adalah terdiri daripada Pengurus rancangan, penolongnya, penyelia-penyselia, kerani dan pemandu. Pengurus rancangan bertanggungjawab mentadbir dan menguruskan perjalanan masyarakat setempat dan juga pengurusan ladang. Ia bertindak sebagai penghubung diantara peneroka dengan pihak pengurusan FELDA dimana segala maklumat dari FELDA diserahkan kepada beliau dan beliau menyampaikannya kepada peneroka. Beliau juga bertanggung jawab membuat perancangan atau melaksanakan polisi-polisi atau apa-apa juga arahan dari FELDA.

Pengurus dibantu oleh penolong Pengurus dalam menjalankan tugas-tugasnya. Penolong Pengurus membantu tugas-tugas Pengurus dalam pengurusan ladang, kawasan perkampungan, pembangunan sosial peneroka dan juga menyelesaikan masalah-masalah peneroka serta kakitangan yang berada di bawahnya. Mana-mana masalah yang tidak dapat diselesaikan akan dirujuk kepada pengurus. Ia juga bertanggungjawab menyediakan lapuran suku tahun serta bertanggungjawab juga keatas badan-badan peneroka di dalam rancangan FELDA Pasir Raja.

Pengurus dan penolongnya dibantu oleh enam orang penyelia dan dua orang SDA serta tiga orang kerani dan pemandu dalam menjalankan pentadbirannya. Penyelia-pemyselia bertugas di peringkat-peringkat yang telah ditentukan iaitu setiap dua orang penyelia bertugas untuk satu peringkat.

Penyelia adalah bertanggungjawab membantu kerja-kerja Penolong Pengurus seperti tugas-tugas menguruskan ladang, kawasan kampung, pembangunan sosial peneroka dan kerja-kerja pentadbiran. Mereka mempunyai hubungan yang rapat dengan ketua-ketua blok dan JKKR kerana tugas mereka berkait rapat dengan kedua-dua badan ini. Tugas dalam bidang sosial memerlukan mereka berdampingan rapat dengan ahli-ahli JKKR. Manakala dalam pengurusan ladang mereka perlu selalu berhubung dengan ketua-ketua blok bagi memastikan penuaian dan pengangkutan buah sawit ke kilang dapat berjalan dengan lancar. Jika ada masalah dalam blok mereka yang diberikan amanah untuk menyelesaikannya. Ia juga bertanggungjawab menyelesaikan masalah peneroka dan kakitangan yang berada dibawahnya. Jika penyelia tidak dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi itu ia akan merujukkannya kepada Penolong Pengurus. Secutamanya Pengurus dan kakitangan dalam pentadbiran masyarakat dan komuniti sedang. Posisi Roja tidak terkecuali dari sistem ini. Kerani pula menjalankan tugas di pejabat seperti menyediakan lapuran-lapuran dan catitan-catitan yang perlu dise diakan serta menyediakan rekod-rekod peneroka dan kakitangan pentadbir. Mereka bertanggungjawab terus kepada Pengurus untuk pengurusan pentadbiran am, kawalan kewangan dan kontrek. Mereka juga bertugas dalam pengurusan stor, surat menyurat, pendaftaran fail-fail dan urusan pentadbiran kewangan.

Tanggungjawab mengawasi dan menyusun aktiviti sosial bagi masyarakat setempat pula dijalankan oleh SDA. Terdapat dua

orang SDA iaitu SDA(W) bagi wanita dan SDA(U) bagi lelaki. Mereka bertugas mengawasi kegiatan sosial peneroka dan keluarga mereka. Mereka juga bertanggungjawab memberikan bimbingan kepada peneroka dan belia setempat dalam pelbagai pekerja seperti kegiatan belia, isteri-isteri peneroka dan kakitangan pentadbir. Selain dari itu, mereka juga bertugas menyusun dan mengawasi kegiatan keagamaan dan membuat lawatan dari rumah ke rumah untuk membantu peneroka menyelesaikan masalah mereka. Mereka juga membuat lawatan ke sekolah ugama dan TADIKA.

Bagi memudahkan pentadbiran di kawasan rancangan FELDA, pihak pengurusan FELDA telah menujuhkan JKRR (Jawatan Kuasa Kerja Rancangan) dalam tiap-tiap rancangan yang dimajukannya. JKRR telah ditubuhkan pada tahun 1967. Ia bertujuan untuk membantu FELDA terutamanya Pengurus dan kakitangannya dalam mentadbir masyarakat dan kawasan ladang. Pasir Raja tidak terkecuali dari sistem ini. "Badan tersebut (JKRR) diwakili oleh pegawai FELDA dan wakil-wakil peneroka yang dipilih. Setiap blok memilih ketua masing-masing untuk mewakili mereka. JKRR juga diwakili oleh ketua-ketua belia dan wanita, guru besar, ketua polis, imam dan bidan. Badan ini juga merupakan saluran yang menerusinya keputusan yang berhubung dengan kemajuan kampung, pembangunan komuniti, pengurusan dan pentadbiran komuniti dibuat". (Sulong Mohamad, 1985: 22)

Pengurus rancangan adalah secara otomatis menjadi

pengurus JKRR. Ketua-ketua blok, ketua polis, imam, guru besar, ketua-ketua belia dan wanita dan bidan memainkan peranan dibahagian masing-masing. Selain dari jawatan-jawatan tetap yang diisi oleh setiap ahli JKRR yang terlibat dalam bahagian-bahagian yang tertentu, di bawah JKRR terdapat biro-biro yang berkaitan dengan aktiviti masyarakat setempat. Di Pasir Raja terdapat sebanyak lima buah biro yang terlibat secara langsung dengan aktiviti peneroka dan keluarga mereka. Biro-biro tersebut ialah biro pelajaran, ladang, ekonomi, masyarakat dan biro pekerja.

Biro pelajaran berperanan mengawasi pelajaran anak-anak peneroka dimana ia bertanggungjawab mengadakan kelas-kelas bimbingan bagi peperiksaan SRP, SPM, STPM. Ia juga memberi pinjaman pelajaran kepada anak-anak peneroka yang melanjutkan pelajaran ke sekolah menengah dan pusat pengajian tinggi yang berupakan pinjaman kewangan. Ia juga memberi derma siswa kepada anak peneroka yang melanjutkan pelajaran ke pusat pengajian tinggi. Setiap pekerja yang berkaitan dengan pelajaran anak-anak peneroka juga dibawah perhatian biro ini.


Biro ladang pula terlibat dengan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan ladang peneroka. Ia menyelaras semua kerja-kerja membaiki jalan pertanian, membaiki pembentung dan parit paya. Ia juga menyediakan perkhidmatan untuk kerja-kerja pengurusan ladang dengan menyediakan kemudahan kerja-kerja merumput dan membuang pelepas yang tidak diperlukan serta menye-

diakan mesin penyembur racun rumput untuk disewa dengan kadar sewa sepuluh ringgit sehari.

Pekara yang berkaitan dengan ekonomi pula diuruskan oleh biro ekonomi. Ia menyediakan perkhidmatan nasihat dan menyediakan kemudahan untuk peneroka atau keluarga mereka yang hendak meluaskan kegiatan ekonomi mereka. Setakat ini ia telah dapat menyediakan kawasan pasar malam untuk peneroka dan penduduk sekitarnya berniaga. Ia juga telah membantu peneroka dan keluarga mereka dalam usaha membuat tauhu, projek penternakan lembu dan burung puyuh.

Biro masyarakat pula berperanan dalam kegiatan yang bercorak sosial. Diantara peranannya ialah mengadakan ceramah ugama untuk penduduk rancangan, mengadakan musabakah membaca Al-Quran di peringkat mukim Ulu Sungai Johor dan kegiatan amal seperti pertunjukan wayang gambar dan pementasan untuk tujuan memungut derma bagi tabung JKRR. Ia juga terlibat dalam menjaga keamanan kawasan kampung. Tugas ini diserahkan kepada RELA. Ahli-ahli RELA adalah terdiri dari penduduk setempat. Semua kegiatan biro ini dikendalikan melalui tabung rancangan.

Biro terakhir ialah biro pekerja. Biro ini terlibat dalam penjagaan kebersihan kawasan kampung. Ia ditugaskan untuk membantu peneroka menjaga kebersihan kawasan keliling rumah mereka dan ia menyediakan perkhidmatan mengangkut tin dan botol



Anggota JKKR

kosong untuk dibuangkan di kawasan pembuangan sampah. Kerja-kerja pengangutan ini dilakukan dua kali sebulan dengan menggunakan trektor FELDA dan diuruskan oleh pemandu traktor dengan dibantu oleh pekerja pejabat dan beberapa orang Belia secara sukarela.

Tegasnya, JKRR adalah satu badan yang ditubuhkan oleh FELDA untuk membantu kerja-kerja pentadbiran di kawasan rancanganannya. Kedua-duanya, JKRR dan pentadbiran rancangan saling ber-gantung antara satu sama lain untuk memajukan rancangan. JKRR adalah mewakili peneroka dan Pengurus rancangan serta kakitangan di bawahnya mewakili pihak FELDA. (Sila lihat lampiran)

Ringkasnya, pentadbiran bermula dari peringkat bawah iaitu blok-blok yang ditadbir oleh ketua-ketua dan penolong-penolongnya. Ketua blok mewakili bloknya menjadi ahli JKRR bersama-sama dengan pegawai FELDA, imam, bidan, ketua-ketua pemuda dan wanita dan ketua polis. JKRR berkuasa keatas aktiviti-aktiviti masyarakat dan membantu mereka menyelesaikan masalah yang timbul. Jika masalah tersebut tidak dapat diselesaikan ia akan dibawa kepada pentadbir rancangan. Pentadbir rancangan berkuasa keatas aktiviti-aktiviti masyarakat. Ia boleh membuat keputusan yang melibatkan kawasan rancangan yang berada di bawah jagaannya. Di peringkat yang lebih tinggi lagi terdapat pentadbiran bagi wilayah. Ia diketuai oleh ketua Pengawal Wilayah. Ia berkuasa keatas semua rancangan FELDA yang berada dibawah pengawa-

sannya. Di peringkat yang tertinggi sekali ialah peringkat pusat yang beribu pejabat di Kuala Lumpur. Ia bertanggungjawab keatas semua rancangan FELDA yang terdapat di negara ini. Ia mengatur perancangan dan polisi-polisi yang dianggap penting untuk dijalankan disemua rancangannya. Setiap kegiatan yang terdapat di rancangan-rancangan FELDA di bawah pengawasannya melalui pentadbiran peringkat wilayah dan peringkat rancangan.

### 3.4 Latarbelakang Dan Perkembangan Koperasi Serbaguna Peneroka Pasir Raja Berhad.

Koperasi serbaguna Peneroka Pasir Raja Berhad ditubuhkan pada 11hb. Mei, 1973 iaitu lebih kurang setahun setelah sistem blok dijalankan di Pasir Raja. Diwaktu penubuhan koperasi ini, peneroka Pasir Raja telah mempunyai pendapatan yang agak teguh dan lebih baik dari sebelumnya. Penubuhan ini adalah arahan dari pihak Pengurusan FELDA. Memang menjadi dasar FELDA menubuhkan koperasi di setiap rancangan yang dibangunkannya. Tujuan penubuhan koperasi ini ialah untuk membantu peneroka menjimatkan kos pengurusan pengangkutan buah sawit dari ladang ke kilang dan pekara-pekara yang bersangkutan dengan kegiatan yang melibatkan ekonomi mereka. Penubuhan koperasi juga adalah untuk menggalakkan supaya peneroka berjimat cermat dengan melaburkan sedikit dari hasil pendapatan mereka ke dalam koperasi serta memberikan pinjaman kepada mereka bagi maksud yang berguna dan boleh mendatangkan kelabaan (keuntungan). Tujuan ini adalah

sama dengan tujuan asal penubuhan koperasi di Malaysia iaitu untuk menggalakkan jimat cermat di kalangan ahli-ahlinya.

Penubuhan Koperasi Serbaguna Peneroka Pasir Raja juga bertujuan untuk menyediakan kemudahan mengumpul, memproses dan memasarkan hasil keluaran ahli-ahlinya. Ia bertanggungjawab mengelolakan urusan pengangkutan dan pemasaran hasil sawit peneroka dimana setakat ini ia telah berjaya menjalankan fungsinya bagi tujuan ini. Kini koperasi mempunyai sepuluh buah lori untuk mengangkut buah sawit dari ladang ke kilang dan menguruskan pemasaran hasil jualan sawit dengan kilang FELDA.

Koperasi ini juga ditubuhkab dengan tujuan untuk menguruskan atau membekalkan keperluan rumah tangga ahli-ahlinya dan lain-lain tujuan yang boleh mendatangkan faedah kepada mereka. Walaubagaimanapun tujuan ini hanya dapat dilaksanakan pada peringkat awal penubuhannya tetapi akhirnya terpaksa dibatalkan kerana tidak mendapat kerjasama dari ahli-ahlinya. Diperingkat awalnya koperasi telah memulakan perniagaan ikan dan sayur-sayuran untuk keperluan ahlinya. Tapi malangnya ramai ahli yang berhutang dan tidak dapat membayarnya. Akibatnya koperasi tidak mempunyai modal pusingan yang cukup untuk meneruskan perniagaan ini dan terpaksa memberhentikannya.

Masalah utama diperingkat awal penubuhannya dahulu ialah koperasi kekurangan modal untuk menjalankan aktivitinya.

Kekurangan modal ini adalah disebabkan oleh kaedah memungut modal dari ahli dimana setiap bulanahli hanya dikehendaki membayar seringgit melalui potongan gaji yang dibuat oleh FELDA. Wang tersebut diserahkan kepada JKRR dan JKRR menyerahkannya kepada koperasi. Cara memungut modal yang seperti ini telah menyebabkan koperasi tidak dapat mengumpulkan modal yang banyak dalam masa yang singkat. Dalam masa sebulan koperasi hanya dapat mengumpul sebanyak \$ 346.00 sahaja. Kedudukan kewangan yang sebegini rupa telah tidak dapat mengizinkan koperasi ini menjalankan aktivitinya dengan lancar. Kekurangan modal ini berlarutan sehingga tahun 1978 dimana koperasi mampu membeli dua buah lori untuk tujuan pengangutan buah sawit dari ladang ke kilang. ~~sendirinya dengan penilaian sebanyak \$ 5039.502. Sebelum ini pejabat koperasi ini memang di bebas JKRR.~~ ~~sejauh ini~~ Sewaktu didaftarkan pada 11hb. Mei, 1973 koperasi hanya mempunyai ahli seramai 346 orang. Pada tahun 1976 ahlinya bertambah menjadi 415 orang. Pertambahan ini berlaku apabila seramai 59 orang peneroka baru memasuki rancangan ini. Mereka secara oemotik menjadi ahli koperasi kerana setiap peneroka ditetapkan oleh FELDA menjadi ahli koperasi. Ahli koperasi terdiri dari 412 orang melayu, 2 Cina dan 1 India.

~~Tahun 1978 merupakan setahun bagi koperasi Sentieguna Mandiri. Diawal penubuhannya koperasi berperanan untuk menolong peneroka menyediakan keperluan harian mereka. Ini nampaknya sama dengan tujuan Rochdale Pioneer ditubuhkan. Tetapi malangnya ianya telah gagal kerana sebab-sebab yang telah dinya-~~

kan awal tadi. FELDA, Pinjaman dari FELDA adalah untuk membeli

dua buah lori baru. Pinjaman tersebut berjumlah \$ 11,628.00.

Selepas mengalami kegagalan dalam operasinya yang pertama koperasi telah berjalan dengan lembab dan pentadbirannya mengalami banyak masalah. Pekara ini berlarutan sehingga pada tahun 1979 dimana koperasi telah mula bergerak dan menampakkan kejayaan yang agak baik kerana ia telah berjaya membeli lima buah lori melalui pinjaman dari FELDA. Ditahun tersebut juga ia telah memiliki sebanyak lapan pintu rumah sewa yang disewakan dengan kadar \$ 25.00 sebulan bagi satu pintu. Sebenarnya aktiviti pembinaan rumah sewa ini telah bermula sejak tahun 1974 lagi. Pada tahun 1978 juga, koperasi telah berjaya membina pejabatnya sendiri dengan perbelanjaan sebanyak \$ 5039.50. Sebelum ini pejabat koperasi hanya menumpang di pejabat JKKR. Ketidadaan pejabat sendiri sebelum ini mengkin merupakan salah satu faktor penentu yang menyebabkan kegiatan koperasi tidak dapat berjalan dengan lancar dan selalu menghadapi kesukaran. Dengan adanya pejabat sendiri, Ahli Lembaga Pengarah dapat menjalankan tugas mereka dengan lebih teratur tanpa gangguan seperti sewaktu menumpang di pejabat JKKR dahulu. Aktiviti pengangkutan ini merupakan aktiviti koperasi yang Tahun 1979 merupakan era baru bagi Koperasi Serbaguna Peneroka Pasir Raja Berhad kerana ia telah berjaya memasuki bidang pengangkutan seperti yang telah dinyatakan sebelum ini. Waktu itu koperasi ini telah mempunyai lima buah lori yang dibeli secara ansuran dengan wang keuntungan yang didapati dan

pinjaman dari FELDA. Pinjaman dari FELDA adalah untuk membeli dua buah lori baru. Pinjaman tersebut berjumlah \$ 91,629.92 termasuk faedah. Tiga buah lori lagi adalah lori terpakai (secondhand) yang dibeli secara ansuran melalui keuntungan yang diperolehi oleh koperasi bagi setiap bulan. Dalam tahun 1979 juga koperasi telah membeli sebuah traktor serbaguna dengan harga \$ 67,750.00 dan dibayar secara ansuran sebanyak \$ 1,717.28 sebulan. Bayaran juga adalah dari hasil keuntungan koperasi. Hingga tahun ini hutang traktor ini masih belum selesai lagi. Hutang tersebut lebih kurang \$ 6000.00.

Melalui keuntungan dari aktiviti-aktivitinya terutamanya pengangkutan, pada tahun 1980 koperasi telah berjaya membeli sebuah lagi lori terpakai. Kemudian ia berjaya membeli dua buah lagi lori terpakai pada tahun 1983 dan sebuah lagi pada tahun 1984. Kesemua lori tersebut dibeli secara bayaran ansuran dan dibayar mengikut bulanan. Bayaran untuk pembelian ini juga adalah dengan menggunakan wang koperasi sendiri terutamanya dari hasil aktiviti pengangkutan. Hingga hari ini koperasi ini memiliki sepuluh buah lori dan sebuah traktor untuk kerja-kerja pengangkutan. Aktiviti pengangkutan ini merupakan aktiviti koperasi yang utama dan yang paling banyak memberikan sumbangan atau hasil kepada koperasi. Pada tahun 1979, harta tetap yang dimiliki oleh koperasi ialah bernilai \$ 175,348.50 yang terdiri daripada sepuluh buah lori, rumah sewa, pejabat dan kelengkapanya dan sebuah traktor.

Kemajuan koperasi berterusan pada tahun 1980 dimana ia telah berjaya menambah dua buah pintu rumah sewanya menjadikan jumlahnya kepada sepuluh pintu. Koperasi juga menambahkan jumlah lorinya sebuah lagi menjadikan jumlahnya enam buah.

Walaupun dalam tahun 1979 dan 1980 koperasi mengalami kemajuan tetapi dalam waktu yang sama ia telah menghadapi masalah penyelewengan dalam pengurusannya dimana telah berlaku kekecohkan dalam pentadbiran pada tahun-tahun berikutnya. Kekecohkan dan ketidak kemasan atau kelemahan dalam pentadbiran dapat dilihat dalam tahun 1980, 1981 dan 1982 dimana berlaku zaman gelap bagi koperasi ini. Pada tahun-tahun tersebut walaupun harta tetap koperasi dapat ditambah tetapi perjalanan kewangan koperasi tidak teratur dan terdapat penyelewengan dimana pada tahun 1980 telah diketahui oleh kebanyakan ahli bahawa koperasi mempunyai wang sebanyak kira-kira \$ 20,000.00 dalam lapuran keewangan tetapi wang tersebut tidak ada seperti yang dinyatakan. Di tahun-tahun tersebut lapuran kewangan tidak teratur dan akaun koperasi tidak boleh diodit. Selain dari itu terdapat di kalangan ahli lembaga pengarah yang meminjam wang dari JKRR dengan menggunakan nama koperasi untuk kepentingan diri sendiri yang berjumlah dalam lingkungan \$ 2,000.00. Hal ini juga telah menjadi perbualan ahli-ahli koperasi. Koperasi telah menyebabkan ahli-ahlinya merasa tidak puas hati terhadap perjalanan koperasi. Terdapat juga di kalangan ahli lembaga pengarah yang mengambil kesempatan dimana mereka menggunakan wang koperasi yang

melebihi dari yang sepatutnya. Hal ini berlaku sebelum tahun 1984. Contohnya, dalam catitan barang-barang yang dibeli untuk membaiki kerosakan lori adalah melebihi harga yang sebenarnya dan tidak munasabah. Perbelanjaan untuk menguruskan pembelian tersebut juga melebihi dari yang sepatutnya. Terdapat satu kes dimana ahli lembaga pengarah telah membeli alat ganti untuk lori di Johor Bahru yang jaraknya dari Pasir Raja sejauh 56 kilometer. Sedangkan ia boleh diperolehi di Kulai yang jauhnya hanya 25 kilometer dari Pasir Raja. Pembelian itu juga diuruskan oleh empat orang, sedangkan ianya boleh diuruskan oleh seorang ahli lembaga pengarah sahaja. Urusan pembelian ini meliputi tambang pergi dan balik dan untuk makanan mereka. Akibat dari urusan yang tidak cekap dan berlakunya penyelewengnan dalam kewangan telah menyebabkan koperasi mengalami kerugian \$ 22,564 pada tahun 1980.

Walaupun pada tahun 1980 hingga 1982 koperasi mengalami krisis dan masalah dalam pentadbirannya tetapi ia masih boleh bergerak dan dalam tahun 1981 ia telah berjaya membeli dua buah lori lagi. Dalam tahun 1982 koperasi telah berjaya membeli sebuah tangki minyak diesel bernilai \$ 3752.00.

Penyelewengnan yang berlaku dalam koperasi telah menyebabkan ahli-ahlinya merasa tidak puas hati terhadap perjalanan koperasi dan pada tahun 1983, ketika mesyuarat agung dijalankan mereka telah menunjukkan kemarahan dan ada diantara mereka yang

mengancam mahu membinasakan kenderaan koperasi. Seterusnya mereka menuntut ahli lembaga pengarah dilucutkan jawatan mereka dan mengantikannya dengan yang baru. Disamping itu mereka juga telah melapurkan segala penyelewengan yang berlaku dalam urusan keewangan kepada pihak polis. Walau bagaimanapun hingga tahun 1986 ini tiada satu keputusan yang didapati dari lapuran yang telah dibuat itu.

Selepas mesyuarat agung 1983 dan terlantiknya ahli lembaga pengarah yang baru yang mengandungi ramai muka baru serta terdapat beberapa orang ahli lembaga pengarah yang lama yang masih boleh dipercayai, koperasi Serbaguna Peneroka Pasir Raja Berhad telah dapat bergerak dengan lebih baik. Ternyata dengan gabungan tenaga baru dan tenaga lama ini telah memberikan hasil yang baik dan bermula pada tahun 1984 koperasi telah mula berjalan dengan lancar dan lebih teratur. Tenaga ahli lembaga pengarah telah dibahagikan kepada tugas-tugas yang tertentu dan rekod-rekod koperasi telah dikemaskinikan. Segala kegiatan koperasi telah direkodkan. Setiap aktiviti ada rekodnya sendiri. Lapuran untuk aktiviti-aktiviti koperasi dibuat setiap bulan, Sebelum ini rekod-rekod koperasi tidak teratur dan tidak lengkap. Semuanya telah distorkan dan sukar untuk didapatkan semula. Pada tahun 1983 koperasi mempunyai wang di tangan dan di Bank sebanyak \$ 30,447.00.

Bagi menuduhkan pengurusan kendetuan, koperasi telah menyatakan Ahli lembaga pengarah yang dilantik pada tahun 1983,

iaitu selepas penguguran ahli lembaga yang lama pada keseluruhannya telah dapat menjalankan tugas mereka dengan baik dan mendapat kepercayaan dari sebahagian besar ahli yang mengambil berat tentang perjalanan koperasi. Hanya sebilangan kecil ahli yang pernah memberikan sumbangan tenaga atau yang pernah menjadi ahli lembaga pengarah yang tidak berpuas hati dengan ahli lembaga pengarah yang baru ini. Kebanyakan dari mereka adalah terdiri dari orang yang disingkir dari ahli lembaga pengarah dan yang meletakkan jawatan kerana tidak puas hati dengan perjalanan koperasi atau tidak sanggup menjalankan kerja yang telah diamanahkan.

Pada tahun 1984 koperasi ini telah melangkah setapak lagi kehadapan dalam aktivitinya apabila ia berjaya membina sebuah bengkel dengan kos bernilai \$ 8225.25. Bengkel tersebut adalah untuk kemudahan membaiki kerosakan yang dialami oleh kenderaan koperasi. Ia juga membaiki kenderaan-kenderaan dari koperasi-koperasi rancangan FELDA yang berhampiran seperti Bukit Besar dan Sungai Sayong. Selain dari membina bengkel, koperasi juga membekalkan alat-alat ganti untuk kegunaan kenderaannya dan juga untuk koperasi-koperasi lain. Dengan ini koperasi telah dapat menambah hasil pendapatannya disamping mengurangkan kos membaiki kenderaannya apabila berlaku kerosakan.

Bagi memudahkan pengurusan kenderaan, koperasi telah menyerahkan pengurusan lorinya kepada peringkat-peringkat.

Setiap peringkat mengendalikan tiga buah lori untuk aktiviti pengangkutannya. Tiap-tiap peringkat mempunyai ahli jawatankuasa sendiri untuk mengendalikan lori-lori tersebut. Sebuah lori lagi dikendalikan oleh ahli lembaga pengarah. Ia dikendalikan bersama-sama dengan traktor koperasi. Pembahagian ini dilakukan pada bulan September 1985. Ajk yang mengendalikan lori-lori tersebut adalah terdiri dari ketua-ketua blok di tiap-tiap peringkat. Ternyata cara ini telah dapat membantu melicinkan pengurusan pengangkutannya. Keuntungannya juga dapat ditambah kerana kerosakan lori ditanggung oleh peringkat yang mengendalikannya. Setiap kos membaiki kerosakan dan alat ganti akan diserahkan kepada koperasi. Di sini seolah-olah koperasi adalah tuan punya bengkel dan peringkat-peringkat sebagai pelanggan. Koperasi mengambil sedikit keuntungan dari kerja-kerja membai-ki kerosakan dan alat-alat ganti.

Tangki minyak	53,500.00
	3,752.00

Terdapat salah faham terhadap pembahagian lori-lori koperasi kepada peringkat-peringkat dimana terdapat ahli yang menganggap koperasi telah menubuhkan anak syarikat. Mereka tidak tahu keadaan yang sebenarnya iaitu hanyalah untuk memudahkan urusan pengangkutan buah sawit dari ladang ke kilang dan pengendalian pengangkutan baja dari stor di pejabat rancangan ke ladang sawit. Tindakan koperasi membahagikan pengendalian lori-lorinya kepada peringkat-peringkat telah mendorong setiap peringkat untuk bersaing dan berusaha mengatasi diantara satu sama lain untuk mencari keuntungan yang lebih. Ini merupakan

satu langkah yang baik untuk kemajuan koperasi. ~~yang~~ sedang memerhatikan perjalanan koperasi mereka yang sempatnya sedang ~~berjalan~~ Sehingga tahun 1985 koperasi Serbaguna Peneroka Pasir Raja berhad memiliki harta tetap bernilai \$ 271,039.50 tidak ditolak susut nilai. Senarai harta tetap koperasi ini adalah seperti yang ditunjukkan di jadual 3.2 (telah ditolak susut nilai)

Jadual 3:2 Senarai harta tetap Koperasi Serbaguna Peneroka

Pasir Raja Berhad pada tahun 1985 setelah ditolak susut nilai.

Senarai harta	Nilai(\$)
Bangunan pejabat	5,913.00
Kelengkapan pejabat	3,835.00
Bangunan rumah sewa	15,026.00
Lori	166,874.00
Traktor	53,500.00
Tangki minyak	3,752.00
Jumlah	248,900.00

### 3.5 Penutup

Sejak mula ditubuhkan sehingga ke hari ini, kita dapati kopersi Serbaguna Peneroka Pasir Raja Berhad telah mengalami berbagai halangan dan masalah untuk bergerak maju. Walau bagaimanapun segala halangan dan masalah yang dihadapi ini telah memberi pengalaman kepada ahli-ahlinya dan juga kepada pihak pentadbir koperasi. Dari pengalaman yang ada mereka cuba

mamajukan koperasi ini. Waktu ini ahli-ahli koperasi sedang memerhatikan perjalanan koperasi mereka yang nampaknya sedang berjalan dengan baik dan menuju kearah kemajuan yang lebih baik dan pastinya mereka mengharapkan kejayaan yang lebih cemerlang . Seterusnya mendapat faedah dari kemajuan koperasi tersebut.

Koperasi merupakan satu pertubuhan atau badan yang mempunyai organisasi dimana organisasi inilah yang akan menentukan segala kegiatan dan aktiviti yang hendak dileksanakan. Dalam organisasi ini terdapat pembahagian tugas dan kerja di kalangan ahli-ahlinya. Pembahagian tugas dan kerja ini menyebabkan terbentuk struktur atau bahagian-bahagian dalam koperasi. Setiap bahagian mempunyai peranan yang tertentu dalam perjalanan sebuah koperasi. Peranan ahli ini berdasarkan pada ahli-

**4.2 Struktur Koperasi Secara Umum** Ahli koperasi dibahagikan kepada dua bahagian iaitu ahli pengurusan atau pentadbiran (Ahli Lembaga Pengarah) dan ahli-ahli biasa yang tidak mempunyai jawatan dalam koperasi. Jawatan ahli pengurusan ini juga mempunyai watak wajib dan wakti ditetapkan. Terhadap ahli-ahli lembaga pengarah berperanan dalam pengurusan atau pentadbiran koperasi. Mereka bertanggungjawab memastikan segala aktiviti yang telah dirancangkan semasa mesyuarat agung

depat dilaksanakan. Sepatu **BAB IV** iaitu kerja yang mungkin dilakukan untuk koperasi adalah secara sukarela dan tidak walaah mewajib.

### Struktur Koperasi Dan Sikap Ahli Koperasi Serbaguna Peneroka Pasir Raja Berhad.

Upah atau tidak, walaupun begaimanapun kebiasaan ahli-ahli koperasi berseburu membezirkan upah atau eluan

#### **4.1 Pengenalan**

Secara umumnya ahli-ahli koperasi berseburu membezirkan upah atau eluan apabila mereka melakukan sesuatu aktiviti seperti mesyuarat

agung dan Koperasi merupakan satu pertubuhan atau badan yang mempunyai organisasi dimana organisasi inilah yang akan menentukan segala kegiatan dan aktiviti yang hendak dilaksanakan.

Dalam organisasi ini terdapat pembahagian tugas dan kerja di kalangan ahli-ahlinya. Pembahagian tugas dan kerja ini menyebabkan terbentuk struktur atau bahagian-bahagian dalam koperasi. Setiap bahagian mempunyai peranan yang tertentu dalam perjalanan sebuah koperasi.

Struktur dalam sebuah koperasi boleh dirintis dan tanpa persetujuan dari ahli-ahli koperasi yang lain. Walaupun begaimanapun mereka boleh meng-

#### **4.2 Struktur Koperasi Secara Umum**

Secara umumnya struktur dalam sebuah koperasi boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian pengurusan atau pentadbiran (Ahli Lembaga Pengarah) dan ahli-ahli biasa yang

tidak mempunyai jawatan dalam koperasi. Jeutan dalam koperasi juga penting dalam menentukan aktiviti koperasi. Tanpa persetujuan Ahli lembaga pengarah berperanan dalam pengurusan atau pentadbiran koperasi. Mereka bertanggungjawab memastikan segala aktiviti yang telah dirancangkan semasa mesyuarat agung

dapat dilaksanakan. Sepatutnya kerja-kerja yang mereka lakukan untuk koperasi adalah secara sukarela dan tidak boleh meminta upah atau gaji. Ahli-ahli koperasi berhak menentukan samada mereka perlu dibayar upah atau tidak. Walau bagaimanapun kebiasaan ahli-ahli koperasi bersetuju memberikan upah atau elaun sebagai menghargai sumbangan mereka. Elaun biasanya diberikan apabila mereka melakukan sesuatu aktiviti seperti mesyuarat agung dan urusan koperasi yang lain. Terdapat juga koperasi yang memberikan gaji atau elaun tetap kepada ahli lembaga pengaruhnya atau kedua duanya sekali.

Ahli lembaga pengarah hanya boleh memikirkan cara dan perlaksanaan segala aktiviti yang telah dirancang bersama-sama ahli lain dalam mesyuarat agung. Mereka tidak boleh menjalankan aktiviti yang dirancang sendiri dan tanpa persetujuan dari ahli-ahli koperasi yang lain. Walau bagaimanapun mereka boleh melaksanakan aktiviti tanpa merujuk kepada ahli terlebih dahulu jika mereka bersetuju memberikan kepercayaan sepenuhnya untuk menjalankan kegiatan koperasi. Tetapi apa-apa juga kegiatan hendak dilakukan mestilah diberitahu kepada ahli-ahli yang lain.

Ahli biasa yang tidak mempunyai jawatan dalam koperasi juga penting dalam menentukan aktiviti koperasi. Tanpa persetujuan mereka ahli lembaga pengarah tidak boleh menjalankan sesuatu aktiviti. Persetujuan ahli terhadap sesuatu aktiviti atau apa-apa juga yang hendak dilaksanakan dalam koperasi ada-

lah dikira melalui suara ramai atau majoriti. Keputusan ini biasanya dibuat dalam menyuarat agung atau mesyuarat-mesyuarat tergempak. Keputusan yang dicapai melalui suara ramai dikira sebagai keputusan seluruh ahli dan ia hanya boleh dilaksanakan.

Teguran yang membina seperti berikut kesilapan atau penyewengan : "Ahli-ahli mesti terlibat dalam pengawalan dan pengurusan koperasi. Memastikan pihak pengurusan tidak lari dari landasan yang telah digariskan dalam menjalankan tugas-tugas mereka. Ahli-ahli koperasi mempunyai kuasa penuh:

1. Memilih atau membentuk ahli lembaga pengarah.
2. Mempastikan bahawa pengurus, ahli-ahli lembaga pengarah dan pekerja-pekerja mematuhi perlembagaan koperasi dan keputusan-keputusan mesyuarat agung.

3. Membuat teguran-teguran yang membina dan menyumbangkan idea-idea baru tanpa mengharap perhatian istimewa. (Kahar Bador, 1981: ?)

Ahli-ahli juga bertanggungjawab untuk membayar yuran atau membeli saham koperasi serta menyumbangkan tenaga untuk memajukan dan mengembangkan aktiviti koperasi. Untuk tujuan ini ahli koperasi mesti tahu prinsip-prinsip, amalan-amalan dan undang-undang koperasi. Mereka juga perlu tahu segala perkara yang berkaitan dengan keewangan seperti lapuran keewangan, akaun, lapuran odit dan imbalan kira-kira supaya mereka dapat mengetahui kedudukan keewangan koperasi. Setiap aktiviti yang melibatkan keewangan koperasi perlu diketahui agar tidak ber-

laku penyelewengan keewangan koperasi. Ahli koperasi juga perlu tahu tugas-tugas dan tanggungjawab ahli lembaga pengarah supaya mereka dapat memastikan ahli lembaga pengarah ini dapat menjalankan tugas mereka dengan sempurna dan dapat memberikan teguran-teguran yang membina apabila berlaku kesilapan atau penyelewengan dalam koperasi.

#### 4.3 Struktur Pentadbiran (Ahli lembaga pengarah) Dalam Koperasi

Pihak pengurusan dan pentadbiran koperasi mempunyai tanggungjawab yang besar dalam menentukan perjalanan koperasi dan seterusnya menentukannya berkembang dengan baik. Mengikut kebiasaan Ahli lembaga pengarah dalam sebuah koperasi mengandungi 12 orang ahli koperasi yang dipilih untuk memenuhi jawatan-jawatan yang telah ditetapkan dalam pentadbiran koperasi. Kesemua mereka adalah dipilih melalui mesyuarat agung. Jika ahli lembaga pengarah meletakkan jawatan atau diberhentikan pengantinya dilantik melalui mesyuarat tergempar atau dipilih oleh ahli lembaga pengarah yang ada dengan persetujuan dari ahli koperasi. dan memberikan bantuan jika diperlukan.

Tugas ahli lembaga pengarah adalah mengikut jawatan yang disandang. Setiap jawatan mempunyai tugas-tugas khusus. Penghususan dalam tugas ini adalah untuk memastikan segala aktiviti koperasi dapat dijalankan dengan lancar. Jika tiada tu-

gas khusus diberikan, kemungkinan ada ahli lembaga pengarah yang tidak bekerja dan ada yang terlalu/membuat kerja sehingga boleh membebarkannya. Akibatnya pentadbiran koperasi tidak dapat dijalankan dengan lancar dan boleh menyebabkan perjalannya terganggu.

Pembahagian tugas dalam ahli lembaga pengarah ini telah mewujudkan satu struktur dalam pentadbiran koperasi. Struktur ini adalah mengikut kedudukan atau jawatan mereka dalam pentadbiran. Perlantikan untuk setiap jawatan boleh dilakukan sewaktu mesyuarat agung dijalankan atau perbincangan dikalangan Ahli lembaga pengarah sendiri. Biasanya dalam sebuah koperasi terdapat seorang pengurus, naibnya, setiausaha dan bendahari serta lapan orang ahk lain. Jika perlu, setiap ahk boleh mencari pembantu untuk menjalankan tugasnya dari kalangan ahli-ahli koperasi. Pembahagian ahli jawatankuasa pula adalah bergantung kepada aktiviti-aktiviti koperasi. Mereka bertugas mengendalikan aktiviti-aktiviti yang tertentu yang dibahagikan kepada biro-biro atau bahagian-bahagian. Walaupun terdapat pembahagian dalam tugas, setiap ahli lembaga pengarah mestilah mengambil tahu kerja-kerja yang dilakukan oleh rakan mereka yang lain dan memberikan bantuan jika diperlukan.

**4.3.1 Tugas Pengurus Koperasi**

Pengerusi merupakan orang yang paling penting dalam

sebuah koperasi. Ia bertanggungjawab keatas semua kakitangan yang berada di bawah jagaannya. Beliau perlu mengawasi kerja-kerja mereka dalam koperasi dan cuba membantu mereka jika mempunyai masalah terutamanya yang boleh menjelaskan kerja-kerja dalam pentadbiran koperasi. Tugas utama pengurus ialah mengawasi perjalanan dan segala aktiviti koperasi supaya ia dapat berjalan lancar dan berkembang maju. Ia perlu memastikan segala keputusan yang dibuat dalam mesyuarat agung dilaksanakan. Disamping itu ia juga mempengarusikan setiap mesyuarat ahli lembaga pengarah dan mesyuarat tergempak. Tegasnya, pengurus bertanggungjawab diatas kelancaran perjalanan koperasi dan perlu memikirkan cara-cara untuk memajukannya dan mengatasi segala masalah yang dihadapi samada diperingkat pentadbiran mahupun diperingkat ahli biasa. Walaupun ia mempunyai tugas yang berat tetapi ia tidak bekerja sendirian. Ahli lembaga pengarah yang lain juga bertanggungjawab membantunya dalam menjalankan tugas-tugas yang telah diamanahkan kepadanya.

*Lebihan pengurusan koperasi terutamanya untuk mesyuarat agung.*

**4.3.2 Tugas Naib Pengurus**  
*Naib pengurus berperanan sebagai pembantu pengurus. Ia juga bertanggungjawab membantuh ahli lembaga pengarah dan ahli koperasi yang lain apabila hendak mengadakan mesyuarat.*  
 Ia perlu tahu setiap kerja pengurus kerana ia akan memangku tugas-tugas pengurus ketika pengurus tiada. Jika diadakan mesyuarat tetapi pengurus tidak hadir, ia menggantikan tempat pengurus sebagai pengurus majlis mesyuarat. Jika pengurus terlalu sebok ia boleh membuat kerja-kerja yang tidak sempat

dilakukan oleh pengurus.

#### 4.3.3 Tugas Setiausaha Koperasi

Setiausaha merupakan jawatan yang amat penting dalam koperasi kerana ia merupakan tempat utama untuk mendapatkan maklumat tentang koperasi. Sebahagian besar maklumat koperasi terutamanya yang didapati dari mesyuarat-mesyuarat koperasi adalah berada dibawah jagaannya. Ia menjadi pencatit minit dalam mesyuarat. Selain dari itu, ia juga memainkan peranan yang penting dalam urusan surat menyurat untuk koperasi. Ia menjadi penghubung koperasi dengan koperasi lain atau badan-badan lain terutamanya melalui hubungan surat menyurat. Kebanyakan urusan surat menyurat adalah melaluinya. Oleh itu ia selalu menjadi wakil kepada koperasi.

Setiausaha juga bertanggungjawab menyediakan lapuran-lapuran mengenai koperasi terutamanya untuk mesyuarat agung,

menyuarat ahli lembaga pengarah dan menyuarat tergempar. Ia juga bertanggungjawab memberitahu ahli lembaga pengarah dan ahli koperasi yang lain apabila hendak mengadakan mesyuarat. Ringkasnya, setiausaha berperanan sebagai penyimpan maklumat dan penghubung diantara ahli lembaga pengarah dengan ahli-ahli koperasi yang lain.

Jawatan penolong setiausaha dan digantikan dengan jawatan penolong setiausaha. Tugas penolong setiausaha ialah membantu kerja-kerja setiausaha dan memangku jawatan tersebut

#### 4.3.4 Tugas Bendahari Koperasi

Bendahari juga memainkan peranan yang penting dalam menentukan kemajuan dan keteguhan sesebuah koperasi kerana ia mengawal dan mengawasi keewangan koperasi. Setiap wang yang masuk dan keluar dari koperasi mestilah pengetahuannya. Ia bertanggungjawab menyediakan lapuran keewangan koperasi yang mengandungi lapuran bulanan dan tahunan yang akan dibentangkan dalam mesyuarat agung. Bendahari juga perlu tahu anggaran perbelanjaan dan pendapatan koperasi dalam sebulan dan dalam setahun supaya dapat dipastikan kedudukan kewangan koperasi. Juga untuk menghalang berlakunya penyelewangan keewangan. Setiap aktiviti koperasi yang melibatkan keewangan mestilah diketahui olehnya supaya perbelanjaan tidak melebihi pendapatan dan jumlah wang ada pada koperasi. Kecekapan bendahari menguruskan keewangan koperasi juga akan dapat menentukan maju atau mundurnya sebuah koperasi.

#### 4.3.5 Tugas Ahli Jawatankuasa Koperasi

Empat jawatan yang dinyatakan di atas adalah jawatan tertinggi dalam pentadbiran koperasi. Walaupun dinyatakan keempat tugas atau jawatan tersebut tetapi koperasi boleh mengubah atau menggugurkan jawatan naib pengurusi dan digantikan dengan jawatan penolong setiausaha. Tugas penolong setiausaha ialah membantu kerja-kerja setiausaha dan memangku jawatan tersebut

ketika setiausaha tiada.

Ahli jawatankuasa kecil mengandungi lapan orang ahli lembaga pengarah yang lain. Mereka membantu tugas keempat-empat jawatankuasa tertinggi. Tugas mereka adalah bergantung kepada aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh koperasi. Pembahagian tugas adalah berdasarkan aktiviti koperasi. Aktiviti-aktiviti tersebut adalah seperti yang telah diluluskan oleh mesyuarat agung melalui keputusan majoriti dari ahli-ahli koperasi. Biasanya aktiviti koperasi dibahagikan kepada beberapa biro atau bahagian. Setiap bahagian dikendalikan oleh pengurusnya yang dilantik dari ahli jawatankuasa kecil. Pengurusi dan pembantu-pembantunya bertanggungjawab mengendalikan aktiviti yang terletak dibawah biro atau bahagian yang dikendalikan. Kerja-kerja pentadbiran koperasi yang dijalankan oleh ahli lembaga pengarah biasanya dibantu oleh juru edit. Ia bertugas memeriksa akaun koperasi dan memastikannya sentiasa lengkap dan kemaskini. Selain dari itu, koperasi juga boleh mempunyai penasihat. Penasihat ini bolehlah dilantik dari orang yang dipercayai dengan persetujuan dari ahli koperasi. Ia biasanya terdiri dari orang mempunyai kedudukan yang baik samada dari segi ekonomi maupun sosial. Penasihat juga boleh memberi cadangan-cadangan tetapi tidak semestinya diterima oleh koperasi. Ia tidak mempunyai kuasa untuk menjalankan aktiviti dan membuat keputusan dalam koperasi.

#### 4.4 Struktur Pentadbiran Koperasi Serbaguna Peneroka Pasir Raja

Struktur pentadbiran dalam sebuah koperasi adalah bergantung kepada pembentukan jawatan-jawatan dalam ahli lembaga pengarah. Pembentukan struktur pentadbiran koperasi juga bergantung kepada aktiviti-aktiviti koperasi serta persetujuan dari ahli-ahlinya. Oleh itu koperasi Serbaguna Peneroka Pasir Raja berhad tidak mempunyai struktur yang tetap dalam pentadbirannya. Ia berubah menurut keadaan dan perkembangannya dari masa kemasa.

Struktur pentadbiran yang awal tidak dapat dikesan kerana maklumat mengenainya tidak dapat diperolehi. Walau bagaimanapun empat jawatan tertinggi iaitu pengurus, naib pengurus, setiausaha dan bendahari sudah pasti ada. Pembahagian biro-biro atau tugas untuk ahli jawatankuasa kecil tidak dapat dipastikan. Struktur paling awal yang dapat dikesan ialah pada tahun 1978. Pada waktu itu terdapat seramai 14 orang ahli lembaga pengarah dengan lima orang ahli jawatankuasa tertinggi dan sembilan ahli jawatankuasa kecil. Lima ahli jawatankuasa tertinggi itu ialah pengurus, naib pengurus, setiausaha, penolong setiausaha dan bendahari. Pengurus rancangan bertindak sebagai penasihat dengan dibantu oleh seorang penyelia bagi pihak FELDA. Pengurus rancangan adalah secara otomatis menjadi penasihat koperasi. Kecil yang mengendalikan empat tiga atau lima buah biro yang terdapat dalam koperasi. Setiap biro atau bah-

Ditahun 1978 tersebut koperasi hanya terlibat dalam dua aktiviti yang bercorak ekonomi iaitu pengangkutan buah sawit dari ladang ke kilang dan rumah sewa. Oleh itu ia hanya mempunyai dua biro atau bahagian sahaja iaitu bahagian pengangkutan dan bangunan. Bahagian pengangkutan bertugas memastikan kerja-kerja pengangkutan buah sawit dari ladang ke kilang berjalan dengan lancar. Biro atau bahagian bangunan bertanggungjawab mengendalikan sewa rumah dan menjaga bangunan yang dimiliki oleh koperasi. Pengutipan sewa rumah dan membaiki kerosakan bangunan adalah tugasnya yang utama.

Pada tahun 1984 struktur pentadbiran koperasi ini mengalami sedikit perubahan berikutan dari kemajuan yang dicapainya. Ia telah berjaya menambah kegiatannya dengan membeli tangki minyak untuk menjual diesel dan membina bengkel untuk membaiki kerosakan kenderaan dan menjual alat-alat ganti untuk lori. Pada tahun tersebut ahli lembaga pengarahnya ialah seramai 12 orang iaitu kurang dua orang dibandingkan dengan tahun 1978. Pemilihan ini dilakukan melalui mesyuarat agung. Bilangan ini tidak termasuk Yang Dipertua (penasihat) koperasi dan penyelia yang dilantik oleh FELDA. Kali ini jawatankuasa tertinggi hanya mengandungi empat orang ahli lembaga pengarah sahaja iaitu pengurus, setiausaha, penolong setiausaha dan bendahari. Lapan orang ahli lembaga pengarah yang lain menjadi ahli jawatankuasa kecil yang mengendalikan empat biro atau bahagian yang terdapat dalam koperasi. Setiap biro atau baha-

gian dikendalikan oleh dua orang ahli jawatankuasa kecil. Biro-biro atau bahagian-bahagian tersebut ialah bahagian kerosakan, pengangkutan, bangunan dan minyak. Bahagian kerosakan bertanggungjawab mengendalikan bengkel dan mengawasi kerosakan kenderaan koperasi. Ia juga manjaga alat-alat ganti dengan mencatitkan setiap pembelian dan penjualannya. Penggunaan bengkel tidak hanya terhad untuk kenderaan koperasi sahaja. Ia juga membaiki dan menjual alat-alat ganti kepada kenderaan koperasi lain. Bahagian minyak pula bertanggungjawab memastikan bekalan minyak diesel sentiasa cukup untuk kenderaan koperasi. Bahagian bangunan dan pengangkutan mempunyai peranan yang sama dengan peranan yang dimainkannya sebelum ini. Dua orang ahli lembaga pengarah yang mengendalikan bahagian-bahagian biasanya bergilir-gilir menjalankan tugas mereka terutamanya bagi bahagian kerosakan, minyak dan pengangkutan dimana ketiga-tiga bahagian ini perlu diawasi setiap hari.


FELDA (Pensyarah  
Koperasi)

Selepas tahun 1984 sehingga tahun ini (1986) tiada perubahan yang dilakukan kecuali pengendalian dalam bahagian pengangkutan mendapat sedikit perubahan. Kenderaan koperasi tidak lagi dikendalikan sepenuhnya oleh ahli lembaga pengarah. Lori koperasi telah dibahagikan kepada peringkat-peringkat. Setiap peringkat bertanggungjawab sepenuhnya keatas lori-lori tersebut. Ahli lembaga pengarah hanya mengendalikan sebuah lori dan traktor koperasi. Setiap kerosakan lori yang dikendalikan oleh peringkat adalah tanggungjawab mereka. Semua kerosakan


ditanggung olehnya sendiri untuk memperbaikinya. Ahli jawatankuasa peringkat bertanggungjawab menyusun jadual pengangkutan buah sawit dari ladang ke kilang untuk semua lori-lorinya. Sebarang kerosakan akan dilapurkan kepada Bahagian pengangkutan.

Walaupun struktur pentadbiran koperasi berubah mengikut keadaan tetapi peranan pengurus rancangan sebagai Yang dipertua tetap tidak berubah. Begitu juga peranan dua orang penyelia tetap tidak berubah iaitu untuk mengawasi kegiatan koperasi bagi pihak FELDA.


Rajah 4:1 Struktur pentadbiran Koperasi Serbaguna Peneroka  
Pasir Raja pada tahun 1978.



Rajah 4:2 Struktur Pentadbiran Koperasi Serbaguna Peneroka  
Pasir Raja pada tahun 1984.



Rajah 4:3 Struktur Pentadbiran Koperasi Serbaguna Peneroka  
dari ahlinya. Hal ini dapat kita lihat kerabali sejarah  
pasir raja pada tahun 1985 hingga kini.



#### 4.5 Sikap Ahli Terhadap Koperasi

Kejayaan sebuah koperasi adalah bergantung kepada kecekapan ahli lembaga pengarah yang mentadbirkan perjalanan koperasi. Walaupun bagaimanapun ahli koperasi juga memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya dalam menentukan kemajuan sebuah koperasi. Jika ahli tidak memberikan kerjasama kepada ahli lembaga pengarah mereka akan mengalami kesulitan untuk memajukan koperasi.

Peranan ahli koperasi amat penting dalam menentukan perkembangan dan kemajuan sebuah koperasi. Banyak koperasi yang telah mangalami kegagalan atau tidak dapat berkembang dengan baik kerana sikap kurang mengambil tahu dan kurang kerjasama dari ahlinya. Hal ini jelas, jika kita lihat kembali sejarah awal penubuhan koperasi kita dapati percubaan Robert Owen untuk menubuhkan koperasi telah gagal kerana tidak mendapat kerjasama dari orang yang hendak ditolongnya. Walaupun usahanya untuk mendorong mereka yang tertindas dan cuba mentadbir koperasi yang ditubuhkannya dengan sebaik-baiknya tetapi ia menemui kegagalan kerana tiada sokongan. Kemudian kita beralih kepada koperasi moden yang pertama di dunia iaitu Rochdale Pioneer. Koperasi ini telah dapat berkembang maju sejak ditubuhkan lagi kerana kerjasama yang baik diantara pentadbir dengan ahli-ahli yang lain. Ahli-ahli Rochdale Pioneer telah memainkan peranan yang penting dengan membantu pihak pengurusan dengan memberikan nasihat dan

menyertai kegiatan koperasi mereka.

Kita kembali kepada koperasi Serbaguna Peneroka Pasir Raja Berhad dan melihat apakah sikap ahli-ahlinya terhadap koperasi dan mengapakah mereka bersikap demikian.

Pada keseluruhannya ahli-ahli koperasi ini tidak begitu berminat untuk mengambil berat dan mencampuri urusan koperasi. Hanya ahli lembaga pengarah sahaja yang menguruskan dan melaksanakan aktiviti-aktiviti koperasi. Hal ini memang telah tidak dapat mereka elakkan kerana ahli koperasi telah memberikan tanggungjawab tersebut kepada mereka. Walau bagaimanapun terdapat segelintir kecil dari ahli lembaga pengarah yang tidak begitu mengambil berat tentang urusan koperasi. Ini jelas terbukti dimana disepanjang masa pengkaji membuat kajian di pejabat koperasi iaitu kira-kira selama dua bulan lamanya terdapat ahli lembaga pengarah yang tidak pernah menunjukkan mukanya di situ. Malahan terdapat kerja-kerja mereka yang terpaksa dijalankan oleh kerani dan penolongnya. Hal seperti ini sebenarnya telah berlaku selama beberapa tahun lamanya sehingga kajian ini dibuat. Pernah satu ketika kerja-kerja pentadbiran koperasi dijalankan oleh kerani. Malahan segala butui-butir dan rekod-rekod koperasi berada di bawah jagaannya sehingga orang lain sukar untuk mendapatkannya. Pekara ini berlaku sewaktu koperasi ini mengalami kerugian sehingga akaun koperasi tidak boleh diodit. Pekara ini berlaku diantara tahun 1980 hingga 1982.

Pada tahun 1980, lapuran keewangan menunjukkan koperasi mempunyai wang sebanyak kira-kira \$ 20,00.00 tetapi wang tersebut tidak ada ( jumlah yang sebenar tidak diketahui kerana maklumat yang diterima berbeza-beza tetapi disekitar jumlah tersebut). Pekara ini diketahui melalui mesyuarat agung. Peristiwa di atas dengan jelas sikap beberapa orang ahli lembaga pengarah yang tidak begitu mengambil berat terhadap tugas mereka dalam koperasi.

Sejak itu, koperasi ini membaik dan semakin baik.

Walaupun terdapat sebilangan kecil ahli lembaga pengarah yang tidak begitu manjalankan tugas mereka dengan baik, tetapi masih ada yang bekerja keras untuk memajukan koperasi. Mereka muncul apabila koperasi mengalami kerugian dan disaat-saat kepercayaan ahli terhadap koperasi hampir hancur. Mereka telah bekerja keras untuk memajukan koperasi dan semenjak mereka mentadbir koperasi, koperasi ini telah mula menampakkan kemajuan. Pengurusannya dapat dijalankan dengan lebih lancar. Perlantikan mereka pada mesyuarat agung 1983 telah membawa perubahan kepada koperasi dan setakat ini mereka telah berjaya membina bengkel, membeli tangki minyak diesel dan membekalkan diesel kepada kenderaan koperasi dan orang lain yang memerlukannya. Mereka juga telah berjaya mendapatkan kontrek untuk membaiki kerosakan bas kepunyaan KOPENDA (Koperasi Kenderaan FELDA Wilayah Johor Selatan). Mereka telah dapat mewujudkan satu rangkaian kerja sama yang agak baik dikalangan mereka.

Konsep kerjasama dikalangan mereka telah dapat dilaksanakan dengan baik. Walau bagaimanapun mereka masih mengalami masalah dalam menjalankan tugas mereka kerana walaupun konsep kerjasama dikalangan ahli lembaga pengarah berjalan dengan agak baik tetapi terdapat segelintir dari mereka yang tidak menjalankan tugas dengan baik. Ahli lembaga pengarah yang lain dan kerani koperasi dan penolongnya terpaksa mengambil alih tugas yang tidak dilaksanakan dengan baik ini. Ini membolehkan koperasi terus berjalan dengan agak lancar.

Koperasi Serbaguna Pasir Raja Barhad mempunyai ahli seramai 415 orang. Ini merupakan satu jumlah yang agak besar bagi sebuah koperasi yang ditubuhkan di kawasan yang agak jauh dari bandar. Walau bagaimanapun ini tidak menghairankan kerana keanggotaan mereka adalah secara otomatik iaitu semua peneroka otomatik menjadi ahli koperasi. Mereka tidak mempunyai pilihan untuk tidak menjadi ahli koperasi. Malahan penyertaan mereka seolah-olah tidak dapat dirasakan kerana pembayaran yuran atau harga saham dilakukan melalui potongan gaji seringgit sebulan. Oleh itu tidak hairanlah ada diantara ahli koperasi yang tidak menyedari mereka menjadi ahli koperasi. Oleh itu mereka tidak menghiraukan apa yang berlaku dalam koperasi. Kemungkinan jumlah potongan sebanyak seringgit sebulan tidak dapat dirasakan oleh mereka. Seterusnya ianya tidak membawa faedah yang besar kepada mereka. Keadaan di atas juga menyebabkan ada diantara mereka yang tidak tahu sebab mereka menjadi ahli koperasi.

Akibatnya mereka merasa koperasi tidak dapat memberikan apa-apa faedah dari mereka. Mereka juga tidak dapat mengambil faedah dari koperasi.

Ketidak pedulian ahli koperasi juga jelas dimana terdapat diantara mereka yang tidak tahu peristiwa kerugian yang dialami oleh koperasi pada tahun 1980 sehingga 1983. Mereka yang tahu hal ini hanya mendapat maklumat dari ahli-ahli koperasi yang lain dan mesyuarat agung tahun 1983. Biasanya berita mengenai koperasi diketahui secara tidak sengaja iaitu dalam perbualan-perbualan biasa di kedai-kedai atau di tempat awam. Diwaktu perbualan tersebut secara tidak sengaja fokus mereka tertumpu kepada koperasi apabila ada orang memulakannya atau menceritakan hal koperasi yang mereka tahu. Terlalu sukar untuk mendengar ahli koperasi bertanyakan maklumat mengenai koperasi apabila bertemu dengan rakan mereka. Sikap tidak mengambil berat keatas koperasi juga jelas dapat dilihat dimana ada diantara ahlinya yang tidak mengenali ahli lembaga pengarah. Ini dapat dilihat dengan jelas dimana terdapat ahli koperasi yang tidak dapat membezakan ahli lembaga pengarah koperasi dengan ahli JKRR. Apabila ditanya siapakah ahli lembaga pengarah koperasi ada yang memberikan nama ahli JKRR dan ada yang berterus terang mengakui tidak kenal atau tidak tahu siapa mereka.

Hubungan ahli dengan ahli lembaga pengarah juga tidak begitu menggalakkan untuk kemajuan koperasi. Hubungan ini juga

boleh memperlihatkan sikap mereka terhadap koperasi. Jika hubungan rapat, sudah tentulah mereka dapat memberikan bantuan kepada ahli lembaga pengarah. Apa yang terjadi ialah hubungan kebanyakannya ahli dengan ahli lembaga pengarah nampaknya biasa sahaja. Seolah-olah tidak ada apa-apa keistimewaan bagi mereka walaupun menjadi pemimpin. Hanya 3% sahaja ahli koperasi yang rapat dengan ahli lembaga pengarah. Manakala yang kurang rapat pula ialah 6% dari jumlah ahli dan yang tidak rapat langsung pula ialah 15%. Selebihnya iaitu 76% mempunyai hubungan biasa-sahaja. dapat dilihat dari kekerapan mereka bertemu ahli lembaga pengarah untuk mengetahui perkembangan koperasi. Buktinya

**Jadual 4:1 Hubungan ahli dengan ahli lembaga pengarah**

Kerapatan	Jumlah	Peratus
Sangat rapat (selalu bertemu)	0	0
Rapat	1	3
Biasa	25	76
Kurang rapat	2	6
Tidak rapat	5	15
<b>Jumlah</b>	<b>33</b>	<b>100</b>

Data-data di atas memperlihatkan satu pekara yang kurang baik dalam sebuah koperasi yang memerlukan kerjasama yang baik bagi semua ahlinya dengan ahli lembaga pengarah. Hubungan yang rapat adalah kerana mereka tinggal berjiran dan kekerapan

mereka bertemu samada di kedai atau mereka sama-sama menjadi ketua blok dan menjadi ahli JKRR. Bagi yang tidak rapat dengan ahli lembaga pengarah adalah kerana mereka tinggal berjauhan dan jarang bertemu disebabkan mereka jarng ke kedai yang menjadi tumpuan ramai. Akibat hubungan yang kurang baik ini maka mereka tidak mengikuti perkembanga koperasi dan sudah pastilah tidak berminat untuk mengambil berat halnya.

Kurang minat ahli untuk mengambil tahu urusan koperasi juga dapat dilihat dari kekerapan mereka bertemu ahli lembaga pemgarah untuk mengetahui perkembangan koperasi. Bukti ini dapat dilihat dengan jelas di mana disepanjang tempoh kira-kira dua bulan pengkaji membuat kajian di pejabat koperasi hanya terdapat tiga atau empat orang sahaja ahli biasa yang datang ke situ. Tetapi kedatangan mereka bukanlah untuk bertanyakan maklumat tentang koperasi. Mereka bertanyakan hal-hal yang bersangkutan dengan JKRR dan berkenaan politik. Pertanyaan biasanya ditujukan kepada ahli jawatankuasa JKRR atau parti politik(UMNO). Kekerapan ahli bertanyakan berita koperasi dari ahli lembaga pengarah dapat dilihat di jadual 4:2 dimana tiada seorangpun ahli yang kerap bertanyakan berita koperasi. Malahan ada yang tidak pernah bertanya langsung. Mereka ini membentuk 33% dari jumlah ahli. Ahli yang bertanya hanya sekali sekala pula ialah 15% dan yang jarang bertanya ialah 49%. Jarang bertanya di sini bermaksud semenjak menjadi ahli koperasi mereka hany bertanya sebanyak dua atau tiga kali sahaja.

Jadual 4:2 Kekerapan ahli koperasi bertanya berita koperasi dari ahli lembaga pengarah.

Kekerapan	Jumlah	Peratus
<b>Kerap</b>	0	0
<b>Tidak berapa kerap</b>	1	1
<b>Sekali sekala</b>	5	15
<b>amat jarang</b>	16	49
<b>Tidak pernah</b>	11	33
<b>Jumlah</b>	<b>33</b>	<b>100</b>

Jadual 4:3 ahli yang hadir dalam mesyuarat agung dalam tahun-

Data-data dari jadual di atas telah memberikan satu gambaran yang jelas mengenai sikap kebanyakan ahli terhadap koperasi. Mereka hanya akan bertanyakan maklumat mengenai koperasi apabila ada isu yang agak besar seperti isu kerugian yang dialami oleh koperasi. Terdapat ahli yang bertanyakan hal koperasi apabila bertemu ahli lembaga pengarah secara kebetulan dan tidak kerana sememangnya hendak bertemu untuk bertanyakan hal koperasi. Ini jelas dilihat dimana mereka tidak datang ke pejabat untuk bertanyakan berita tetapi biasanya apabila bertemu di kedai atau di tempat-tempat awam.

Sikap tidak berapa mahu mengambil berat urusan koperasi oleh ahli-ahlinya bertambah jelas dimana tidak ramai ahli yang menghadiri mesyuarat agung. Jumlah kedatangan ahli pada

mesyuarat agung tidak begitu menggalakkan. Ini sekaligus menunjukkan sikap tidak mengambil berat mereka terhadap koperasi. Jadual 4:3 dengan jelas menunjukkan kehadiran yang tidak memuaskan dalam mesyuarat agung. Jadual 4:4 pula menunjukkan penglibatan ahli dalam mesyuarat agung koperasi dimana hanya 33% sahaja ahli yang kerap hadir. Bilangan ini tidak sampai separuh dari jumlah ahli. Manakala yang yang tidak berapa kerap ialah 9%. Yang datang sekali sekala pula ialah 6%. Jumlah yang paling besar sekali ialah yang yang tidak pernah hadir dalam mesyuarat agung. Ia membentuk 52% dari jumlah ahli.

Jadual 4:3 Ahli yang hadir dalam mesyuarat agung dalam tahun-tahun yang tertentu

Tahun	Jumlah	Peratus
1978	146	35.2
1980	206	49.6
1984	69	16.6
1985	100	24.1

**Jadual 4:4 Kekerapan ahli menghadiri mesyuarat agung**

Kekerapan	Jumlah	Peratus
Kerap (selalu)	11	33
Tidak berapa kerap	2	6
Sekali sekala	3	8
Tak pernah	17	52
<b>Jumlah</b>	<b>33</b>	<b>100</b>

Dari kedua-dua jadual di atas kita dapat melihat dengan jelas sikap tidak acuh ahli terhadap kegiatan koperasi. Hal ini berlaku kerana ada diantara mereka yang lebih mengutamakan kerja-kerja atau urusan lain walaupun ia boleh ditangguhkan. Ada ahli yang berpendapat tidak ada faedah dan mambuang masa kerana mereka tidak nempak apa-apa faedah yang boleh diperolehi dari koperasi. Ada ahli yang mengatakan tidak ada apa-apa faedah menyertai koperasi kerana tidak pernah memberi keuntungan ( hasil saham).

Ahli koperasi juga tidak begitu bersedia untuk membantu ahli lembaga pengarah menjalankan kerja-kerja mereka. Malahhan, sebagai ahli koperasi mereka juga tidak begitu berperanan untuk menggalakkan atau memberi semangat kepada ahli lembaga pengarah untuk menjalankan tugas mereka. Ini dapat

dilihat dapat dilihat dari sikap mereka yang kurang memberikan sambutan dalam mesyuarat agung. Ramai ahli yang tidak hadir. Mereka juga jarang bertemu ahli lembaga pengarah untuk bercakap maklumat koperasi. Sikap seperti ini boleh menjelaskan semangat mereka untuk menjalankan kerja-kerja yang telah diamanahkan itu kerana seolah-olah segala sumbangan mereka dalam koperasi tidak dihargai oleh ahli-ahlinya. Adalah sukar untuk menentukan samada ahli lembaga pengarah sedia melayani ahli yang lain atau tidak kerana jarang terdapat ahli koperasi yang datang ke pejabat Koperasi. Walau bagaimanapun melihatkan kepada layanan yang diberikan kepada orang yang datang ke pejabat koperasi terutamanya kepada pekerja-pekerja nampaknya mereka sedia memberikan layanan yang baik.

Terdapat ramai ahli koperasi yang tidak bersedia mengambil bahagian dalam aktiviti koperasi. Hal ini berlaku kerana keadaan hidup harian mereka yang nampaknya tidak begitu membenarkan mereka bergiat dalam mana-mana badan dalam rancangan. Mereka mempunyai masa lapang yang banyak tetapi kebanyakannya dihabiskan untuk berehat dan melakukan kerja-kerja yang mereka gemari dan tidak kurang juga yang selalu bersempang di kedai kopi. Mereka menjadikan alasan sebok dan ada kerja lain untuk tidak hadir dalam mesyuarat agung atau menolong ahli lembaga pengarah menjalankan tugas mereka. Hanya 24.5% sahaja dari ahli koperasi yang bersedia membantu jika diminta. 42.5% pula hanya sedia membantu jika tiada kerja lain. 33% dari jumlah ah-

li tidak sedia membantu dengan alasan sebok, tidak tahu membuat kerja-kerja koperasi dan buta huruf. Sewaktu ditunjukkan borang soal selidik ia mengaku tidak boleh membacanya. Sikap ahli yang sedemikian rupa adalah kerana mereka tidak tahu peranan mereka dalam koperasi dan tidak tahu konsep dan prinsip-prinsip yang terdapat dalam koperasi.

Jadual 4:5 Kesediaan ahli membantu ahli lembaga pengarah

Kesediaan	Jumlah	Peratus
Sedia bila-bila masa	8	24.5
Sedia jika berkelapangan	14	42.5
Tidak sedia	11	33
Jumlah	33	100

Sikap suka membuat komen dan mengritik ahli lembaga pengarah juga tidak ketinggalan ada pada ahli koperasi ini.

Sikap ini juga tidak dapat dielakkan dalam mana-mana koperasi atau pertubuhan-pertubuhan lain kerana pandangan dan pendapat manusia yang selalu tidak selari dalam perkara yang tertentu.

Sikap ini nampak jelas dikalangan ahli koperasi Serbaguna Peneroka Pasir Raja Berhad dimana ahli lembaga pengarah selalu menjadi sasaran diatas kegagalan atau kemerosotan yang dialami oleh koperasi. Ramai ahli yang hanya menjadi pengeritik

tetapi tidak dapat memberikan idea untuk membantu kemajuan kemajuan koperasi. Terdapat ahli yang tidak mendapat gambaran yang jelas mengenai koperasi tetapi mereka juga tidak ketinggalan memberikan pandangan dan kritikan. Kadangkala mereka memberi pandangan dan kritikan dalam keadaan yang emosional dan tidak melihat kepada realiti. Ini dapat dilihat dengan jelas apabila diajukan pertanyaan ada ahli yang terus menceritakan mengenai kegagalan dan perjalanan yang kurang baik yang dialami oleh koperasi tanpa diminta. Jika mereka memberikan maklumat mengenai kejayaan koperasi, hanya sedikit sahaja dan diberitahu setelah selesai menceritakan kegagalan koperasi. Hal ini berlaku kerana kebanyakan ahli mendapat maklumat dari rakan-rakan mereka. Kebetulan maklumat tersebut adalah berdasarkan perasaan tidak puas hati dengan perjalanan koperasi terutamanya mereka yang telah meletakkan jawatan atau disingkir dari menjadi ahli lembaga pengarah dalam koperasi.

Sumber maklumat atau berita mengenai koperasi juga boleh mempengaruhi sikap ahli. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, rakan-rakan merupakan penyampai maklumat yang paling penting. Maklumat yang diperolehi dari rakan-rakan ini boleh mempengaruhi sikap dan pandangan ahli terhadap koperasi. Jika baik maklumat yang disampaikan maka baiklah pendangan mereka. Jika baik maklumat yang disampaikan sudah pasti baiklah pandangan yang diberikan terhadap koperasi. Ramai ahli yang mendapat maklumat mengenai koperasi dari rakan-rakan atau ahli koperasi

**Jadual 4:6 Sumber maklumat ahli koperasi mengenai koperasi.**

Sumber maklumat	Jumlah	Peratus
i- Mesyuarat agung sahaja	2	6
ii- Ahli lembaga pengarah sahaja	0	0
iii- Kawan rapat dan jiran sahaja	8	24
iv- Ketua blok sahaja	0	0
i dan ii	0	0
i dan iii	12	37
i, ii dan iii	5	15
i, iii dan iv	3	9
<b>Semua di atas</b>	2	6
<b>Tidak satupun di atas</b>	1	3
<b>Jumlah</b>	<b>33</b>	<b>100</b>

**Jadual 4:7 Kekerapan ahli mengemukakan pertanyaan dan pendapat dalam mesyuarat agung koperasi.**

Kekerapan	Jumlah	Peratus
Kerap	3	9
Sekali sekala	12	36
Amat jarang	0	0
Tak pernah	18	55
<b>Jumlah</b>	<b>33</b>	<b>100</b>

yang lain. Golongan ini membentuk 24% dari jumlah ahli koperasi ini. 37% dari jumlah ahli pula mendapat maklumat dari rakan-rakan dan juga dari mesyuarat agung. Di sini kita dapat melihat sikap tidak mengambil berat tentang koperasi. Tidak ramai ahli yang bertanyakan terus maklumat tentang koperasi dari ahli lembaga pengarah. Bilangan mereka hanyalah 15%. Di sini kita dapat melihat setakat mana peranan ahli dalam koperasi dan kesanggupan mereka membantu pengurusan koperasi. Sumber maklumat yang tidak tepat akan menyebabkan ahli-ahli koperasi membuat pandangan dan kritikan-kritikan yang tidak benar dan boleh membawa kesan yang buruk terhadap koperasi. Akibatnya, pihak pengurusan menemui kesukaran dalam menghadapi ahli yang membuat penilaian yang tidak tepat. Mereka terpaksa bekerja untuk koperasi dalam keadaan ahli-ahlinya tidak merasa senang terhadap perjalanan koperasi tersebut. Ini sedikit sebanyak boleh manganggu kerja-kerja mereka untuk mamajukan koperasi.

Sikap ahli koperasi yang suka mengritik tetapi tidak mahu memberikan idea yang membina dapat dilihat apabila mesyuarat agung dijalankan. Mereka hanya berani mengritik di belakang tetapi tidak ramai yang menyuarakan kritikan dan idea-idea dalam mesyuarat agung. Kebanyakan yang hadir dalam mesyuarat agung hanya menjadi 'pemerhati' sahaja. Data-data dalam jadual 4:7 menunjukkan ini dimana hanya 9% ahli yang hadir dalam mesyuarat agung yang kerap mengemukakan persoalan dan idea-idea untuk koperasi. 36% pula hanya bercakap sekali seka-

la atau pernah bercakap dalam mesyuarat agung. Sebahagian besar ahli pula tidak pernah memberikan komen atau cadangan dalam mesyuarat agung. Mereka berjumlah 55% dari jumlah ahli. Ada yang malu untuk bercakap. Ada kemungkinan juga mereka bimbang jika selalu bercakap mereka akan dipilih untuk menjadi ahli lembaga pengarah kerana kebanyakan yang dipilih menjadi pentadbir koperasi adalah terdiri dari orang yang selalu membuat kritikan dan cadangan di dalam mesyuarat agung. Ini tidak hanya berlaku kepada koperasi tetapi juga kepada badan-badan lain yang ada di Pasir Raja seperti persatuan Belia, Gerakan Persatuan Wanita (GPW) dan lain-lain pertubuhan yang melibatkan penyertaan ahli masyarakat. Seolah-olah telah menjadi kebiasaan bagi mereka melantik orang yang selalu menonjolkan diri dalam mesyuarat-mesyuarat untuk menjadi pemimpin mereka. Bagi ahli koperasi pekara ini sudah tentulah dielakkan kerana jika dilantik menjadi ahli lembaga pengarah mereka akan mempunyai tanggungjawab dalam koperasi. Ini akan menyebabkan masa untuk mereka berehat menjadi kurang dan akan menjadi sasaran ahli jika koperasi mengalami kegagalan atau kemerosotan. Kehadiran ahli yang tidak menggalakkan dalam mesyuarat agung seperti ditahun 1984 dimana hanya 69 orang yang hadir dan kurang sambutan dalam perbincangan untuk kebaikan koperasi dalam mesyuarat agung merupakan satu bukti yang jelas sikap ahli terhadap koperasi.

Reput dengan orang tertentu	6	18
Kerjasama dikalangan ahli biasa dalam koperasi juga		
tidak begitu menggalakkan dimana tidak ada satu hubungan yang		

benar-benar rapat dan saling bantu membantu sesama mereka. Kebanyakan ahli koperasi mempunyai hubungan yang biasa sahaja. Seolah-olah mereka tidak mempunyai satu ikatan sebagai ahli koperasi. 76% dari ahli koperasi terlibat dengan hubungan yang berbentuk demikian. Bilangan ahli yang hanya rapat dengan orang yang tertentu ialah 18%. Mereka kebanyakannya terdiri dari jiran-jiran dan orang yang mempunyai kepentingan yang sama seperti rakan niaga dan mempunyai hobi yang sama seperti memancing dan memelihara burung. Mereka ini mempunyai ikatan yang agak kuat dan selalunya sanggup memberikan pertolongan diantara satu sama lain jika diminta. Termasuk dalam kumpulan ini ialah mereka yang ada jawatan dalam pertubuhan atau persatuan seperti ahli jawatankuasa JKRR dan parti U.M.N.O serta P.A.S. Manakala yang rapat dengan semua ahli hanyalah 6% sahaja. 'Rapat' di sini bermaksud ia boleh menerima semua ahli koperasi sebagai kawan baik dan sanggup menolong mereka jika diperlukan. Mereka ini biasanya terdiri dari orang yang mempunyai jawatan dan dikenali ramai dalam masyarakat.

Jadual 4:8 Hubungan ahli koperasi dengan ahli-ahli yang lain.

Perhubungan	Jumlah	Peratus
Rapat dengan semua ahli	2	6
Rapat dengan orang tertentu	6	18
Biasa	25	76

Dari data-data yang telah ditunjukkan sebelum ini, jelaslah sebahagian besar ahli koperasi tidak begitu berminat mengambil berat keatas perkembangan yang berlaku terhadap koperasi mereka. Sikap ini terbentuk kerana mereka tidak dapat melihat faedah yang boleh didapati dari koperasi walaupun sebenarnya koperasi memainkan peranan yang penting dalam mengendalikan kegiatan ekonomi mereka iaitu menyediakan kemudahan pengangkutan untuk mengangkut hasil sawit mereka ke kilang. Sikap <sup>Kerana</sup> yang sedemikian rupa juga terbentuk kerana mereka tidak dapat memahami dengan jelas tujuan sebenar penubuhan koperasi yang mereka anggotai. Mereka juga tidak memahami konsep-konsep atau prinsip-prinsip yang terdapat dalam koperasi. Selain dari itu faktor usia juga mungkin menyebabkan mereka menjadi beku terhadap kegiatan-kegiatan persatuan atau pertubuhan. Kebanyakan ahli koperasi telah melebihi umur 50 tahun. Dalam usia ini sudah tentu minat mereka terhadap kegiatan yang memerlukan penglibatan yang serius telah berkurangan. Mereka lebih menumpukan soal keluarga dan rumah tangga.

#### 4.6 Sebab-sebab Ahli Kurang Berminat Mengambil Berat Terhadap Perkembangan Koperasi.

Banyak alasan yang telah diberikan oleh ahli koperasi untuk menerangkan mengapa mereka tidak begitu mengambil berat terhadap kegiatan koperasi. Antaranya ialah kerana mereka sebaik dengan kerja-kerja harian mereka iaitu menguruskan ladang sa-

wit . Alasan sebok ini memang menjadi satu alasan yang biasa bagi kebanyakan ahli koperasi untuk tidak aktif dalam koperasi. Walau bagaimanapun alasan ini tidak begitu boleh diterima kerana sebenarnya mereka mempunyai banyak masa lapang. Mereka bekerja diantara lima atau enam kali sebulan dalam kerja-kerja menuai buah sawit. Kebiasaannya mereka bekerja diwaktu pagi dan berhat disebelah petangnya. Tidak ramai yang bekerja diwaktu pagi dan petang dalam sehari. Kerja-kerja menuai buah sawit dilakukan tiga atau empat hari sekali tuai. Pembersihan ladang pula dilakukan diwaktu yang tertentu sahaja seperti diwaktu kawasan ladang semak dan pelepah sawit tidak dijaga dengan baik. Corak dan masa bekerja seperti ini menunjukkan mereka mempunyai banyak masa lapang. Kebiasaannya pada waktu petang mereka berhat. Ini jelas dilihat dimana ketika pengkaji datang ke rumah mereka untuk membuat kajian kebanyakannya sedang tidur.

Selain dari sebok, terdapat ahli yang mengemukakan koperasi tidak memberikan apa-apa faedah kepada mereka. Mereka tidak memperolehi apa-apa dari koperasi terutamanya keuntungan untuk saham mereka. Alasan ini pada pandangan kasar memang benar kerana semenjak ditubuhkan sehinggalah kajian ini dibuat koperasi tidak pernah memberikan dividen kepada ahli-ahlinya. Ia hanya pernah memberikan pinjaman sebanyak \$ 10.00 untuk dilaburkan dalam Amanah Saham Nasional (ASN) dan memberi perbelanjaan untuk membeli daging bagi persediaan menyambut Hari Raya pada tahun 1986. Di sini kita dapat melihat terdapat ahli

yang tidak nampak faedah sebenar yang mereka perolehi dari koperasi. Mereka mengukur faedah hanya dari keuntungan keatas saham yang mereka laburkan dalam koperasi. Oleh itu tidak hairanlah jika mereka tidak mengambil berat perkembangan koperasi.

Ada ahli yang memberikan alasan tidak tahu membuat kerja dalam koperasi dan buta huruf untuk tidak mengambil berat dalam urusan koperasi. Kedua-dua pekara di atas telah menyebabkan mereka tidak dapat memberikan sumbangan kepada koperasi. Oleh itu mereka mangambil sikap tidak mahu menyertai kegiatan koperasi.

Walau apapun alasan yang telah diberikan oleh ahli koperasi untuk mereka tidak mengambil berat dan menyertai kegiatan koperasi. Seperti yang dinyatakan awal tadi, koperasi tidak pernah memberikan dividen atau keuntungan keatas saham ahli-ahlinya. Ini menyebabkan mereka merasakan koperasi tidak dapat memberikan apa-apa faedah kepada mereka. Perjalanan koperasi yang tidak lancar dan berlaku beberapa penyelewengan di peringkat pentadbiran menyebabkan ahli koperasi tidak puas-hati dan kurang menaruh kepercayaan terhadap koperasi. Akibatnya mereka tidak lagi memberikan perhatian yang berat terhadap koperasi. Faktor terbesar yang menyebabkan mereka bersikap pasif terhadap koperasi ialah kerana tidak dapat memahami konsep-konsep dan prinsip-prinsip yang terdapat dalam koperasi. Contohnya, konsep 'kerjasama' dalam koperasi. Ini jelas dapat

dilihat dari sikap mereka yang enggan atau kurang memberikan kerjasama kepada ahli lembaga pengarah. Ada ahli koperasi yang tidak tahu sebab atau tujuan mereka menjadi ahli koperasi. Ada yang mengatakan ikut kawan ataumenjadi ahli secara otomatis. Di sini didapati penyertaan mereka dalam koperasi tidak mempunyai matalamat. Ini menyebabkan mereka tidak berminat untuk melibatkan diri dalam kegiatan koperasi.

#### 4.7 Penutup

Walaupun sebahagian besar dari ahli koperasi tidak begitu berminat mengambil berat keatas perkembangan koperasi tetapi masih ada segolongan kecil ahli yang sanggup dan mahu bekerja untuk memajukan koperasi. Mereka ini biasanya terdiri dari ahli yang dilantik menjadi ahli lembaga pengarah koperasi.

Sikap ahli koperasi yang tidak mahu mengambil berat terhadap perkembangan koperasi ini perlu diatasi dengan segera kerana jika pekara ini dibiarkan ia akan membawa masalah kepada koperasi. Jika ia dibiarkan berterusan, ia akan menyebabkan koperasi tidak dapat bergerak lebih maju. Pihak pentadbir koperasi perlu memberikan pemahaman mengenai koperasi kepada ahli-ahlinya supaya mereka dapat memainkan peranan dalam memajukan koperasi.

silahuel selan koperasi yang penting dibentik perhatian yang besar, antara memastikannya berkembang maju. Dari kedua-dua **Aktiviti dan Masalah Koperasi Serbaguna Peneroka Pasir Raja BHD.**

Jika kedua-dua pekara ini tidak mendekati masalah koperasi ko-  
**5.1 Pengenalan** nkempenan dan kemajuannya dapat dijamin. Aktiviti yang baik dan boleh mendekati untung yang banyak dan tetapi sekiranya Kejayaan dan kegagalan sesebuah koperasi bergantung kepada sejauhmana kerjasama yang terdapat dikalangan ahli koperasi tersebut. Kerjasama ini termasuklah kerjasama diantara ahli lembaga pengarah dengan ahli biasa, sesama ahli lembaga pengarah sendiri dan kerjasama dikalangan ahli sesama ahli.

Kerjasama yang terjalin dikalangan ahli koperasi akan dapat menentukan sejauh mana segala aktiviti koperasi dapat dijalankan dengan lancar. Jika kerjasama dikalangan ahli berjalan dengan baik maka aktiviti koperasi juga dapat dijalankan dengan baik. Jika kerjasama itu kurang baik, sudah tentu aktiviti koperasi tidak dapat dijalankan dengan baik. Secara kasarnya, dapat dikatakan kerjasama dikalangan ahli koperasi akan mempengaruhi aktiviti koperasi.

Sebuah koperasi juga tidak akan sunyi dari menghadapi masalah sama ada dari segi pentadbiran (pengurusan), kerjasama dari ahli atau masalah dalam menjalankan aktiviti-aktivitinya.

Dua pekara di atas, iaitu aktiviti dan masalah yang

dihadapi oleh koperasi adalah amat penting diberikan perhatian yang berat untuk mempastikannya berkembang maju. Dari kedua-dua pekara ini kita akan dapat melihat kemajuan sesebuah koperasi. Jika kedua-dua pekara ini tidak mendatangkan masalah kepada koperasi, maka perkembangan dan kemajuannya dapat dijamin. Aktiviti yang baik dan boleh mendatangkan untung yang banyak dan tetap akan menjamin aktiviti baru bagi koperasi. Manakala segala segala masalah yang dihadapi jika dapat diatasi sudah pasti akan mendorong koperasi bergerak dengan lancar kerana tiada masalah yang menghalang perjalanannya. Walau bagaimanapun adalah terlalu sukar untuk mendapatkan sebuah koperasi yang bebas dari masalah kerana dalam sebuah koperasi terdapat berbagai ragam manusia yang menjadi ahlinya. Sudah pastilah akan menyebabkan berbagai-bagai masalah dalam koperasi. Maka perlu diam-bil perhatian yang berat keatas kedua-dua pekara ini bagi mem-pastikan kemajuan sesebuah koperasi.

#### **5.2 Aktiviti Koperasi Serbaguna Peneroka Pasir Raja Berhad.**

Diawal penubuhannya koperasi ini mempunyai modal yang amat kecil jika dibandingkan dengan bilangan ahlinya yang se-ramai 398 orang. Pada peringkat awal ini koperasi hanya menda-pat modal dari ahli sebanyak \$ 398.00 sebulan iaitu bagi seti-ap bulan mereka membayar \$ 1.00 seorang. Kekurangan mo-dal seperti ini sudah pastilah akan menyebabkan aktiviti kope-rasi terutamanya yang berbentuk ekonomi terhad dan secara ke-

cil-kecilan. Aktiviti kopersi Serbaguna Peneroka Pasir Raja Berhad ini boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu yang bercorak ekonomi dan yang bercorak sosial dan kebajikan. Ada diantara aktiviti-aktiviti tersebut yang melibatkan kedua-duanya sekaligus seperti aktiviti pengangkutan buah sawit dari ladang ke kilang.

#### 5.2.1 Aktiviti Bercorak Ekonomi

Aktiviti-aktiviti yang bercorak ekonomi ini adalah yang paling nyata dan diutamakan oleh koperasi. Pekara ini dapat dilihat dengan jelas dimana aktiviti awalnya ialah membalkan ikan dan syur-sayuran kepada ahli-ahlinya. Aktiviti adalah untuk menambah keewangan koperasi disamping memberikan kemudahan kepada ahlinya untuk mendapatkan keperluan harian mereka. Walau bagaimanapun aktiviti ini terpaksa diberhentikan kerana ahli koperasi berhutang dan tidak dapat membayarnya. Ini menyebabkan koperasi tidak mempunyai modal yang cukup untuk meneruskan perniagaan ini. Ahli yang berhutang kepada koperasi menimbulkan masalah kepada koperasi. Oleh itu, Koperasi moden yang pertama di dunia iaitu Rochdale Pioneer tidak membenarkan ahli-ahlinya berhutang dari kedai koperasi. Ia meletakkan belian tunai sebagai salah satu dari prinsip pergerakkannya.

Aktiviti untuk meningkatkan keewangan koperasi tidak hanya terhenti di situ. Ia telah beralih kepada aktiviti lain

iaitu rumah sewa. Dengan wang yang ada ia telah membina sebuah bangunan untuk dijadikan rumah sewa. Bangunan tersebut mengandungi lapan buah pi tu dan disewakan dengan kadar \$ 25.00 satu pintu. Menjelang tahun 1984 koperasi telah membekalkan elektrik kepada rumah sewanya dan bayaran sewa dinaikkan kepada \$ 30.00 sebulan. Sehingga tahun 1986 koperasi mempunyai sebelas pintu rumah sewa termasuk rumah sewa JKRR yang telah diserahkan untuk dikendalikannya. Pendapatan untuk rumah sewa ini ialah \$ 3960.00 setahun. Walau bagaimanapun kadangkala jumlah yang didapati tidak sampai kepada jumlah ini kerana terdapat penyewa yang tidak dapat membayarnya terutamanya dimusim buah sawit melawas dan harga rendah. Kebanyakan penyewa adalah terdiri dari anak peneroka dan bekerja memandu lori koperasi atau mengambil upah di ladang orang lain. Apabila hasil dan harga sawit rendah pendapatan mereka terjejas.

Pengangkutan merupakan aktiviti koperasi yang paling utama dan terbesar sekali. Ia memberikan hasil yang agak lumayan kepada koperasi. Bolehlah dikatakan ia merupakan nadi kepergerakan koperasi ini. Kebanyakan aktiviti koperasi adalah hasil dari pendapatan aktiviti pengangkutan. Keuntungan yang diperolehi dari kegiatan pengangkutan ini digunakan untuk menjalankan aktiviti lain.

Aktiviti pengangkutan ini bermula pada bulan Mac 1978 apabila pengangkutan buah sawit (BTB- Buah Tandan Baru) oleh

kontrektor telah tamat tempohnya. FELDA telah menyerahkan kerja-kerja pengangkutan ini kepada koperasi ini dengan bayaran sebanyak \$ 6.00 satu tan. Oleh kerana diwaktu koperasi tidak mempunyai kenderaan sendiri untuk melakukan kerja-kerja pengangkutan maka ia telah menyerahkannya kepada koperasi Ulu Tebrau. Koperasi ini mendapat 10% dari hasil yang diperolehi. Disamping itu ahli-ahli koperasi mempelajari cara-cara mengendalikan pengangkutan buah sawit dari koperasi tersebut. Walau bagaimanapun kerja-kerja pengangkutan buah sawit oleh Koperasi Ulu Tebrau ini hanya berjalan selama dua bulan sahaja kerana ia tidak dapat menjalankan tugasnya dengan baik disepanjang tempoh tersebut.

Koperasi ini telah mengendalikan kerja-kerja pengangkutan ini dengan sepenuhnya walaupun ia masih tidak mempunyai kenderaan sendiri. Bagi mengatasi masalah ketiadaan lori ini ia telah menggunakan lori subkontrek. Lebih kurang sepuluh bulan kemudian iaitu dalam tahun 1979 koperasi ini telah berjaya memiliki lima buah lori yang dibeli dengan wang pinjaman dari FELDA dan keuntungan yang diperolehi dari aktiviti-aktivitinya. Ditahun yang sama juga koperasi telah membeli sebuah traktor yang dilengkapkan dengan front doser dan grader merata jalan. Lori-lori dan trektor ini digunakan untuk mengangkut buah sawit dari ladang ke kilang. Traktor itu juga digunakan untuk menarik lori yang terkandas di ladang sama ada rosak atau terbenam ke dalam parit atau jalan yang rosak. Traktor juga disewa-

kan kepada koperasi lain untuk menarik lori yang terkandas dalam ladang. Sewa untuk kerja-kerja ini ialah \$ 50.00 sekali tarik.

Menyedari akan kepentingan lori dalam kegiatan pengangkutannya, koperasi ini telah berusaha dari masa kemasa untuk menambah bilangan lorinya. Pada tahun 1980 koperasi telah berjaya membeli sebuah lori. Pada tahun 1981 koperasi berjaya membeli dua buah lagi dan ditambah dua buah lagi pada tahun 1983. Kese-mua lori-lori yang dibeli inia adalah lori terpakai (secondhand). Sehingga tahun 1986 koperasi ini memiliki sepuluh buah lori dan sebuah trektor untuk kegiatan pengangkutannya. Semua kerja-kerja mengangkut buah sawit telah dilakukan dengan lori koperasi. Dengan ini pendapatan koperasi telah dapat ditambah dan keuntungan yang diperolehi dapat digunakan untuk aktiviti lain.

Bagi memudahkan pengurusan pengangkutan ini, koperasi telah membahagi-bahagikan lori-lorinya kepada peringkat-peringkat untuk dikendalikannya. Tiap-tiap peringkat mengendalikan tiga buah lori. Sebuah lagi lori bersama-sama dengan trektor masih lagi berada dibawah pengendalian ahli lembaga pengarah.

Pembahagian ini telah dibuat pada tahun 1985. Tindakan ini telah dapat melancarkan pengurusan pengangkutan buah sawit. Pendapatan dari aktiviti pengangkutan ini tidak tetap kerana ia mengikut keluaran hasil sawit dan harga pasarannya. Upah mengangkut buah sawit ini adalah \$ 8.00 satu metrik tan. Koperasi mengambil \$ 0.80 dan bakinya sebanyak \$ 7.20 diserahkan

kepada peringkat untuk menampung kos pengangkutan yang melibatkan pembayaran upah pekerja, kos minyak dan kerosakan.

Aktiviti pengangkutan ini tidak terhad kepada pengangkutan buah sawit sahaja. Koperasi juga menyewakan kenderaannya kepada ahli-ahlinya dan orang lain. Sewa yang dikenakan adalah mengikut kegunaan penyewa. Biasanya lori disewakan untuk tujuan mengangut baja, kayu api, tanah dan pasir serta barang-barang untuk dipindahkan ke tempat lain. Sewa untuk mengangut baja ialah \$ 8.00 satu trip. Bayaran untuk mengangut barang-barang lain ialah \$ 25.00 satu trip. Ini ialah untuk pengangkutan dalam kawasan Gugusan Taib Andak. Jika melebihi kawasan tersebut bayaran dikira mengikut jauh perjalanan. Bagi aktiviti menyewakan lori ini, kos minyak adalah ditanggung oleh penyewa. Walau bagaimanapun lori koperasi tidak boleh dibawa keluar dari kawasan Gugusan Taib Andak kerana kebanyakannya tiada cukai jalan atau road tax. Koperasi juga menyewakan lorinya kepada koperasi lain di kawasan Gugusan Taib Andak dan kawasan sekitarnya. Pada tahun 1986, sebuah lorinya disewakan kepada koperasi rancangan FELDA Linggiu untuk kerja-kerja mengangut buah sawit. Bahagian pengangkutan juga terlibat dengan kerja-kerja membaiki jalan dalam kampung dan dalam ladang. Lori digunakan untuk mengangut batu atau tanah untuk menambah jalan. Manakala trektor pula digunakan untuk meratakan jalan.

Setakat ini aktiviti koperasi ini banyak tertumpu

kepada kegiatan pengangkutan ini. Koperasi kekurangan aktiviti dibidang yang lain kerana peluang untuk bergerak dibidang lain adalah terbatas.

Pada tahun 1984 koperasi Serbaguna Peneroka Pasir Raja Berhad telah dapat meluaskan aktivitinya apabila ia berjaya membina sebuah bengkel membaiki lori dan bas dengan kos sebanyak \$ 8,256.25 termasuk kerja-kerja pendawaian. Modal untuk mendirikan bengkel ini adalah didapati dari hasil keuntungan koperasi. Dengan terbenanya bengkel ini, koperasi tidak mengalami kesukaran untuk membaiki kenderaannya apabila berlaku kerrosakan. Bengkel ini juga diperlengkapkan dengan alat-alat gantri. Dengan adanya bengkel ini, kos untuk membaiki kenderaan yang rosak dapat dikurangkan. Ia juga memberikan perkhidmatan kepada orang lain terutamanya koperasi-koperasi yang terletak berhampiran dengan Pasir Raja. KOPENDA (Koperasi Kenderaan FELDA Johor Selatan) telah memberikan kepercayaan kepada koperasi ini untuk membaiki bas-basnya yang rosak.

Pada tahun 1984 juga koperasi telah berjaya membeli sebuah tangki minyak dan ia telah menjual minyak diesel kepada kenderaan koperasi yang dikendalikan oleh peringkat-peringkat. Disamping itu ia juga menjualkannya kepada orang lain yang memerlukannya. Koperasi membeli minyak tersebut dengan harga \$ 0.5813 seliter dan menjualnya dengan harga \$ 0.64 seliter. Keuntungan yang didapati ialah \$ 0.06 seliter.

Koperasi ini juga mengambil tender memperbaiki jalan pertanian (jalan ladang). Sebelum ini FELDA memberikan tender ini kepada syarikat-syarikat yang dipilihnya untuk kerja-karja tersebut. Koperasi telah memohon dari FELDA untuk mendapatkan tender ini dan telah berjaya mendapatkannya. Dalam tahun 1985 ia mendapat tender berjumlah \$ 62,560.00. Walau bagaimanapun tender ini hanya akan diperolehi jika ada jalan rosak dan menyukarkan pengangkutan buah sawit dan baja dalam ladang. Tender hanya akan diperolehi jika ianya dikeluarkan oleh FELDA. Apabila tender dikeluarkan ia akan diserahkan kepada koperasi ini.

Kesemua aktiviti koperasi yang bercorak ekonomi ini adalah dibincangkan dan telah dipersetujui oleh ahli-ahlinya melalui mesyuarat agung. Ada yang dibincangkan oleh ahli lembaga pengarah dan dibawa kepada mesyuarat agung untuk dibincangkan dengan ahli lain. Cadangan-cadangan untuk aktiviti koperasi juga datang dari ahli biasa. Semua cadangan ini dibincangkan dalam mesyuarat agung dan hanya yang mendapat persetujuan dari suara ramai sahaja yang akan dilaksanakan. Hingga setakat ini segala aktiviti koperasi adalah hanya yang dipersetujui oleh ahli-ahlinya melalui mesyuarat agung. Ini dapat dilihat dari catatan yang terdapat dalam minit mesyuarat agung.

Masalah kebijakan seperti : sepuktu ketiadaan air. Apabila berkali-kali air tersebut lori koperasi digunakan untuk mengangkut air dari tangki yang terletak kira-kira lima kilometer dari Pasir

### 5.2.2 Aktiviti Berbentuk sosial dan Kebajikan

Koperasi Serbaguna Peneroka Pasir Raja Berhad nampaknya lebih menekankan aktiviti yang boleh mendatangkan keuntungan kepada mereka. Ini jelas terbukti dimana sebahagian besar aktivitinya tertumpu kepada kegiatan yang boleh menghasilkan pendapatan seperti pengangkutan, rumah sewa dan bengkel.

Kegiatan yang bercorak sosial dan kebajikan seolah-olah tidak begitu diambil berat. Ini jelas terbukti dimana tidak ada aktiviti yang khusus yang boleh melibatkan keseluruhan ahli koperasi. Kebanyakannya kegiatan koperasi dikendalikan oleh ahli lembaga pengarah tanpa bantuan dari ahli.

Kebanyakannya aktiviti berbentuk sosial dan kebajikan ini adalah lahir dengan tidak secara langsung dari aktiviti yang berbentuk ekonomi. Apa yang dimaksudkan di sini ialah, satu aktiviti yang menekankan kepada keuntungan (ekonomi) sekali-gus melibatkan kebajikan ahli-ahlinya. Pengangkutan adalah aktiviti yang utama dan menekankan kepada keuntungan. Walau bagaimanapun dengan adanya kenderaan koperasi secara tidak langsung ia dapat memainkan peranan dalam kebajikan ahli-ahlinya.

Kenderaan tersebut boleh digunakan ketika mereka menghadapi masalah kebajikan seperti sewaktu ketiadaan air. Apabila banyaknya sekali mengambil upah manual sekitar dari enjin koperasi air terputus lori koperasi digunakan untuk mengangkut air masuk. Ketika sewa sebaiknya RM 30.00 sebulan memudahkan penyewa dari tangki yang terletak kira-kira lima kilometer dari Pasir Gudangnya ke perusahaan koperasi.

Raja. Selain dari itu, kenderaan koperasi juga digunakan untuk mengangkat jenazah (mayat) ke kubur apabila berlaku kematian di kalangan ahli koperasi atau keluarga mereka.

Pengangkutan buah sawit juga terjamin kelancarannya dimana semenjak koperasi mengambil alih kerja-kerja mengangkut buah sawit dari ladang ke kilang dari kontrektor jarang sekali berlaku kelewat dalam kerja-kerja tersebut. Semasa kerja-kerja pengangkutan dilakukan oleh kontrektor sering kali buah sawit lewat diangkat ke kilang. Kadang-kadang ia terbiar begitu sahaja. Keadaan ini telah menjaskan pendapatan peneroka. Akibatnya kadangkala mereka tidak mempunyai wang yang cukup untuk perbelanjaan harian. Dengan adanya kenderaan koperasi, hasil sawit mereka dapat dikendalikan urusan pengangkutan dan pemasarannya dengan baik. Buah sawit yang dihantar ke kilang berada dalam keadaan yang baik. Ini boleh menjamin harganya sentiasa tinggi kerana mutunya yang baik. Dengan ini pendapatan mereka tidak terjejas kecuali dimusim melawas dan harga sawit rendah.

Rumah sewa koperasi pula dapat menampung kesukaran yang dialami oleh anak-anak ahlinya yang memerlukan rumah. Ia menyediakan sebelas buah pintu rumah untuk disewakan kepada mereka. Rumah koperasi juga disewakan kepada orang lain yang kebanyakannya bekerja mengambil upah menuai sawit dari ahli koperasi. Kadar sewa sebanyak \$ 30.00 sebulan memudahkan penyewa membayarnya kepada koperasi.

Bengkel dan bekalan minyak koperasi sedikit sebanyak memberikan kemudahan kepada ahli-ahlinya untuk membaiki kenderaan yang rosak dan untuk mendapat bekalan minyak diesel. Dengan adanya bengkel ini, ahli yang memiliki kereta tidak perlu lagi bersusah payah pergi ketempat lain untuk membaiki kerosakan yang dialami. Ini menolong mereka menjimatkan kos untuk membaiki kenderaan tersebut. Kerosakan kenderaan koperasi juga dapat diperbaiki dengan cepat dan kos yang rendah. Ini boleh membantu kelancaran kerja-kerja pengangkutan sawit dan keuntungan dapat ditingkatkan.

Nampaknya tidak ada aktiviti yang benar-benar dapat melibatkan keseluruhan ahli koperasi kecuali mesyuarat agung dan mesyuarat-mesyuarat tergempar. Walau bagaimanapun dalam kedua-dua mesyuarat tersebut tidak semua ahli melibatkan diri. Hanya mesyuarat agung dan mesyuarat tergempar sahaja yang boleh dikira sebagai aktiviti ayng berbentuk sosial kerana di majlis tersebut ahli koperasi dapat bertemu sesama mereka. Mesyuarat agung dijalankan untuk melantik ahli lembaga pengarah yang baru dan merancang aktiviti koperasi. Walau bagaimanapun ia bukanlah aktiviti yang dirancangkan untuk mempertemukan dan merapatkan hubungan diantara ahli-ahli koperasi. Ahli yang hadir biasanya hanyalah untuk mengetahui perkembangan koperasi dan terlalu sedikit yang mengambil peluang untuk memberikan buah fikiran dan cadangan untuk memajukan koperasi.

Ahli koperasi teguh dan kerangkaanya yang tidak kukuh,

### 5.2.3 Aktiviti Yang Dirancangkan

Koperasi ini telah berusaha untuk memperkembangkan dan memperluaskan aktiviti-aktivitinya. Untuk tujuan ini, dalam mesyuarat agung tahun 1985 ahli-ahlinya telah sebulat suara meluluskan koperasi boleh membuat pinjaman sehingga kepada jumlah \$ 500,000.00 untuk menjalankan aktivitinya. Bagi meluaskan aktivitinya koperasi ini telah merancangkan projek bersama dengan koperasi di rancangan lain di Gugusan Taib Andak. Setakat ini ia sedang merancangkan usaha bersama dengan Koperasi Serbaguna Bukit Besar untuk mendirikan petrol pam. Tempat yang dirancangkan ialah di simpang tiga jalan Kota Tinggi Kulai ke Gugusan Taib Andak. Untuk aktiviti yang dirancang sendiri, koperasi bercadang untuk membina rumah sewa kos sederhana di atas tanah seluas setengah ekar yang dipohonnya dari FELDA. Semua aktiviti yang dirancangkan ini telah mendapat persetujuan dari mesyuarat agung.

a. Persejelasngan hubungan dengan kodai-kodai pemeliharaan

b. Skewu Secara keseluruhannya, didapati koperasi Serbaguna Peneroka Pasir Raja Berhad lebih menumpukan aktiviti yang boleh mendatangkan keuntungan dan menambahkan keewangannya. Walau bagaimanapun aktiviti-aktiviti ini secara tidak langsung melibatkan kebijakan ahli-ahlinya. Sehingga setakat ini koperasi ini masih belum mampu untuk menyediakan kemudahan yang lebih untuk kebijakan ahli-ahlinya kerana kedudukannya yang masih tidak begitu teguh dan keewangannya yang tidak kukuh.

### 5.3 Masalah Koperasi

13. Koperasi tidak dapat memenuhi janji-janjinya kepada ahli. Koperasi seringkali menghadapi masalah dalam pergerakannya. Masalah-masalah ini melibatkan bahagian pentadbiran, kerjasama dari ahli, modal dan seumpamanya. Pada keseluruhannya masalah-masalah yang biasanya dihadapi oleh koperasi adalah seperti di bawah:

1. Kekurangan modal
2. Pengurusan tidak cekap, kurang amanah dan seumpamanya
3. Koperasi tidak mampu mendapatkan kekitangan yang berkelayaan
4. Sokongan yang dingin dari pihak-pihak tertentu
5. Ketiadaan tempat yang sesuai untuk menjalankan perniagaan
6. Barang-barang perniagaan koperasi bermutu rendah dan harganya mahal
7. Ahli-ahli tidak lagi berlanggan dengan koperasi kerana tidak lagi percaya kepadanya
8. Persaingan hebat dengan kedai-kedai persendirian
9. Akaun koperasi tidak ditulis dengan betul dan tidak kemas-kini
10. Mesyuarat agung tahunan tidak dapat dijalankan kerana akaun tidak dapat diodit dan lembaran imbangan tidak dapat dibentangkan
11. Ahli-ahli telah hilang kepercayaan kepada ahli lembaga pengarah
12. Ahli-ahli tidak memahami prinsip-prinsip dan amalan koperasi

perasi

13. Koperasi tidak dapat menunaikan janji-janjinya kepada ahli seperti yang dibuat semasa mesyuarat agung dahulu
14. Kejahilan ahli koperasi. (A.Aziz b. Ahmad, 1982: 14)

Kesemua masalah yang dikemukakan di atas adalah melibatkan pentadbiran dan perjalanan koperasi. Adalah terlalu sukar bagi koperasi yang ada di dunia ini untuk mengatasi kesemua masalah ini. Akhbar-akhbar di Malaysia contohnya, telah mela-purkan banyak kes penyelewengan diperingkat pentadbiran koperasi terutamanya kes pecah amanah. Ramai ahli lembaga pengarah yang dituduh melakukan pecah amanah yang melibatkan keewangan koperasi. Di tahun 1986 dan 1987 ini kita sering kali membaca berita pecah amanah dikalangan ahli lembaga pengarah koperasi. Contohnya: Pengurus koperasi Sepadu Berhad, Datuk Yap Peng atau Yap Piong Tau dituduh melakukan pecah amanah wang koperasi sebanyak \$ 3.1 juta (Utusan Malaysia, 20.12.1986: 1). Turut sama dituduh pecah amanah wang koperasi ialah Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Tan Tiong Hong. Beliau didakwa melakukan pecah amanah semasa menjadi pengurus dan penasihat Syarikat Kerjasama Penjaja-penjaja dan Peniaga-peniaga Selangor (SKAAP) pada tahun 1982 dan 1983. Turut sama didakwa ialah setiausaha SKAAP iaitu Tan Seng Soon (Utusan Malaysia, 30.12.1986: 1).

Masalah dari ahli biasa pula ialah kurang memberikan

kerjasama atau tidak memberikan kerjasama langsung kepada ahli lembaga pengarah. Mereka mengambil sikap tidak peduli dan tidak ambil tahu terhadap perjalanan koperasi. Segala urusan koperasi diserahkan sepenuhnya kepada ahli lembaga pengarah. Terdapat juga ahli yang hanya tahu mengritik tetapi tidak memberikan idea untuk memajukan koperasi. Mereka juga jahil dan tidak tahu prinsip-prinsip dan amalan koperasi.

#### **5.4 Masalah Koperasi Serbaguna Peneroka Pasir Raja Berhad**

Koperasi ini juga seperti koperasi-koperasi lain, tidak dapat mengelakkan diri dari mengalami masalah sama ada yang melibatkan modal, pentadbiran atau sikap ahli.

Bagi meneliti masalah yang dihadapi oleh koperasi ini adalah lebih baik kita melihat kepada masalah-masalah koperasi seperti yang telah diterangkan awal tadi. Kesemua masalah tersebut bil' h dibahagikan kepada empat iaitu masalah modal, aktiviti, pengurusan dan masalah ahli biasa.

##### **5.4.1 Masalah Modal**

Jika adapun aktiviti yang hendak dilakukan iaanya berasaskan projek-

Modal merupakan masalah utama bagi koperasi ini di peringkat awal penubuhannya. Ia hanya mempu mengumpul modal sebanyak \$ 398.00 sahaja dalam masa sebulan. Jumlah sekecil ini tidak mengizinkannya untuk menjalankan aktiviti-aktiviti yang

melibatkan perbelanjaan yang agak besar. Ia hanya mampu bermiaga secara kecil-kecilan iaitu bermiaga ikan dan sayur-sayuran dan kemudiannya membina bangunan untuk rumah sewa. Masalah kekurangan modal ketara apabila ia terpaksa menghentikan perniagaan ikan dan sayurnya. Masalah modal juga bertambah jelas apabila ia tidak dapat membeli kenderaan untuk aktiviti pengangkutannya walaupun FELDA telah menyerahkan urusan itu kepadanya pada tahun 1978. Walau bagaimanapun masalah ini telah mula dapat diatasi apabila FELDA memberikannya pinjaman sebanyak \$ 91,692.22 pada tahun 1979 untuk membeli lori. Mulai dari saat itu ia telah dapat menambah pendapatannya melalui aktiviti pengangkutannya. Dengan wang inilah ia menambah bilangan kenderaannya dari masa kemasa. Koperasi ini juga telah mampu membina pejabatnya sendiri serta berjaya membina bengkel dan menambah rumah sewanya. Buat masa ini koperasi tidak lagi mengalami kesukaran untuk mendapatkan modal kerana kedudukannya yang semakin kukuh dan dipercayai. Pada bila-bila masa ia boleh membuat pinjaman untuk menjalankan aktiviti-aktivitinya. Tempat pinjaman utamanya ialah FELDA. Setakat ini ia tidak mengalami masalah modal kerana aktivitinya yang terhad dan tidak memerlukan modal untuk memulakan kegiatan baru. Jika adupun aktiviti yang hendak dilaksanakan ianya hanyalah masih diperingkat perancangan iaitu projek petrol pam dan rumah sewa kos sederhana. Walau bagaimanapun ia tidak menghadapi kesukaran untuk mendapatkan modal kerana boleh membuat pinjaman sehingga kepada jumlah \$ 500,000.00.

#### 5.4.2 Masalah Aktiviti dan Penggunaan

Sebelum ini dinyatakan koperasi ini tidak lagi menghadapi masalah untuk mendapatkan modal untuk menjalankan kegiatannya kerana ia boleh membuat pinjaman. Namun begitu ia menghadapi masalah untuk meluaskan aktivitinya kerana aktivitinya yang terhad dan sukar dikembangkan. Ini berlaku kerana kawasan operasinya yang terhad iaitu hanya di kawasan Ulu Sungai Johor sahaja. Kawasan ini terletak agak jauh dari bandar dan kebanjakan dari kawasan sekitarnya mempunyai persekitaran yang hampir serupa dengan Pasir Raja. Rancangan-rancangan FELDA yang terdapat di sekitarnya juga mempunyai koperasinya sendiri dan mempunyai aktiviti yang hampir sama dengan koperasi ini. Setiap koperasi menguasai aktiviti di tempatnya. Perniagaan barang-barang keperluan harian tidak dapat dijalankan kerana di situ telah terdapat banyak kedai persendirian. Bekalan barang-barang keperluan harian dikuasai oleh Perbadanan Niaga FELDA (PNF). Hampir keseluruhan peneroka mendapatkan bekalan barang-barang tersebut dari PNF kerana mereka dibenarkan berhutang. Mereka terpaksa berhutang kerana hasil pendapatan yang tidak tetap dan menyulitkan mereka untuk membuat belian secara tunai. Suasana yang ada menyebabkan koperasi ini sukar untuk meluaskan aktivitinya kepada bidang-bidang yang lain selain dari yang sedang diceburinya ini.

Ismaige Ongarah bagi tahun 1985/ub sekpunyal Jawatan dalam parti U.N.M.O cawangan Pasir Raja. Terdapat ahli lembaga pengurusan yang menegang jawatan dalam ko-


### 5.4.3 Masalah Pentadbiran dan Pengurusan

Masalah dalam pentadbiran pula melibatkan pengurusan yang tidak cekap dan terdapat ahli lembaga pengarah yang tidak amanah. Koperasi juga kurang mampu untuk mendapatkan kakitangan yang berkelayakan dan mampu menjalankan kerja-kerja pengurusan yang berkelayakan dengan baik.

Sejak ditubuhkan sehingga sekarang, koperasi ini tidak dapat melarikan diri dari masalah dalam pengurusan. Pekara ini dapat dilihat kepada perjalanan koperasi sejak awal ditubuhkan dimana ia selalu tidak dapat berjalan dengan baik. Koperasi pernah mengalami kerugian dan hampir lumpuh. Koperasi ini pernah dibubarkan pada tahun 1977 kerana masalah dalam pentadbiran dan pergisiran dikalangan ahli lembaga pengarah. Tetapi ia ditubuhkan semula pada tahun 1978. Manakala dalam tahun 1980 sehingga tahun 1982 koperasi mengalami masalah pentadbiran dan mengakibatkannya mengalami kerugian. Disamping itu terdapat ahli lembaga pengarah yang menyelewengkan wang koperasi dan ada yang tidak menjalankan tugas yang telah diamanahkan. Masalah dalam pengurusan koperasi ini berlaku kerana kebanyakkan ahli lembaga pengarah yang dilantik memegang jawatan dalam lain-lain pertubuhan atau badan yang terdapat dalam rancangan. Contoh yang jelas ialah kebanyakkan ahli lembaga pengarah bagi tahun 1985/86 mempunyai jawatan dalam parti U.M.N.O cawangan Pasir Raja. Terdapat ahli lembaga pengarah yang memegang jawatan dalam ko-

perasi melebihi sepuluh tahun dan dalam jangkamasa yang hampir sama beliau memegang jawatan tertinggi dalam JKRR serta pernah menjadi Naib pengurus badan tersebut. Jawatan yang banyak ini menyebabkan tanggungjawab yang banyak. Ini boleh menjelaskan kerja-kerja pentadbiran koperasi.

Rajah 5:1 Penglibatan ahli lembaga pengarah dengan badan-badan lain dalam tahun 1985/86



Selain dari melibatkan diri dalam badan-badan lain

ahli lembaga pengarah juga terpaksa menguruskan ladang mereka. Oleh penglibatan mereka dalam koperasi adalah tidak dengan

Jadual 5:1 Masalah, sebab dan cara mengatasinya.

Masalah	Sebab	Cara mengatasinya
Kurang modal Ahli menyebabkan perjalanan	<ol style="list-style-type: none"> <li>Jumlah saham ahli kecil - \$ 200.00 seorang.</li> <li>Keuntungan kecil</li> </ol>	Membuat pinjaman-terutamanya dari FELDA
Kelemahan dan penyelewengan dalam pentadbiran	<ol style="list-style-type: none"> <li>Ahli lembaga pengarah kurang pengalaman</li> <li>Kerja tidak sepenuh masa</li> <li>Kurang tumpuan kerana ada jawatan dalam pertubuhan atau badan lain</li> <li>Tidak mendapat kerjasama ahli</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Menghantar ahli lembaga pengarah menghadiri kursus dan seminar</li> <li>Memberi elaun</li> </ol>
Aktiviti terhad hanya masuk ke dalam koperasi tanpa mengenal pekerja	<ol style="list-style-type: none"> <li>Kawasan operasi terhad</li> <li>Bidang aktiviti terhad untuk berbusur</li> <li>Kurang modal (diperingkat awal)</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Melaksanakan aktiviti bersama dengan koperasi lain</li> <li>Meminta FELDA memberikan tender dalam rancangan.</li> </ol>
Kurang kerjasama dari ahli yang telah diambil tugas juga men-	<ol style="list-style-type: none"> <li>tidak berminat dengan kegiatan koperasi kerana dianggap tidak berfaedah</li> <li>Jahil tentang konsep dan amalan koperasi</li> <li>Tidak ada tujuan menjadi ahli koperasi</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Ahli lembaga pengarah meminta kerjasama mereka sewaktu mesyuarat agung dijalankan.</li> </ol>

sepenuhnya. Seolah-olah penglibatan mereka dalam koperasi seperti secara sambilan sahaja. Disamping menguruskan pentadbiran koperasi mereka terpaksa menguruskan tugas-tugas lain. Ini boleh menyebabkan kerja-kerja dalam koperasi terjejas dan menyebabkan perjalannya tidak lancar.

Selain dari memilih orang yang telah ada jawatan dalam pertubuhan atau badan-badan lain, ahli kopetrsi juga cenderung memilih orang 'populer' dan dikenali ramai tanpa melihat kepada sifat kepimpinannya. Ini dapat dilihat dimana orang yang dilantik itu tidak menjalankan tugas mereka dengan sempurna. Disepanjang tempoh dua bulan pengkaji membuat kajian terdapat ahli lembaga pengarah yang tidak pernah datang ke pejabat. Ada yang hanya masuk ke pejabat sekali sekala sahaja tetapi bukan untuk urusan koperasi tetapi hanya untuk berbual-bual mengenai pekerja mengenai pekerja yang tidak bersangkutan dengan koperasi.

Sikap kurang amanah dalam menjalankan tugas juga mendatangkan masalah kepada koperasi ini. Sikap ini termasuklah kurang menjalankan tugas dengan baik atau mengabaikan amanah yang telah diserahkan dan menyelwengkan wang koperasi. Sikap kurang menjalankan tugas ini telah menyebabkan terdapat urusan koperasi yang terbengkalai dan terpaksa dilakukan oleh ahli lembaga pengarah yang lain. Ini telah menganggu kerja-kerja dibahagian yang lain dan seterusnya menyebabkan perjalanan pokok diuguzkan dari menjadi ahli lembaga pengarah. Penggugu-

koperasi tidak lancar. Contoh yang paling jelas ialah dimana disepanjang tempoh masa pengkaji berada di pejabat koperasi didapati bendahari koperasi tidak pernah datang ke pejabat. Kerja-kerja membuat lapuran keewangan dilakukan oleh kerani dan pembantunya. Ini telah diakui oleh kerani koperasi.

Ahli lembaga pengarah juga menghadapi masalah yang sama dengan ahli koperasi yang lain iaitu pendapatan mereka tidak tetap. Ada masanya pendapatan tinggi dan ada masanya terlalu rendah. Ini adalah bergantung kepada pengeluaran hasil sawit dan harga yang diberikan oleh kilang. Pendapatan yang rendah ini menyebabkan mereka kekurangan wang. Oleh itu ada diantara ahli lembaga pengarah yang mengambil kesempatan menggunakan nama koperasi untuk membuat pinjaman bagi kegunaan dirinya sendiri. Kes seperti ini pernah terjadi diwaktu koperasi mengalami kemerosotan diantara tahun 1980 hingga 1982 melibatkan wang sejumlah kira-kira dua ribu ringgit. Hal ini telah menjadi pergetahuan umum.

Koperasi ini juga gagal mendapatkan kakitangan yang benar-benar kerkelayakan untuk mentadbir dan menguruskan perjalannya. Kegagalan ini berlaku kerana cara memilih ahli lembaga pengarah tidak dilakukan dengan berhati-hati. Ahli tidak mengukur pemilihan mereka dengan betul sewaktu melantik mereka. Akibatnya mereka tidak menjalankan tugas dengan betul dan terpaksa digugurkan dari menjadi ahli lembaga pengarah. Penggugu-

ran ini pernah dibuat pada tahun 1985 atas sebab yang dinyatakan di atas. Terdapat juga ahli lembaga pengarah yang tidak mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang pengurusan. Ini dapat dilihat dari kerja-kerja yang dilakukan dimana ianya tidak begitu memuaskan. Selain dari itu mereka juga kurang diberikan asas yang cukup dalam bidang pentadbiran. Pernah juga koperasi menghantar mereka menjalani kursus dan mengikuti seminar yang dianjurkan oleh ANGKASA tetapi tidak kerap dilakukan. Akibat dari kurang memahami kerja-kerja pentadbiran dalam koperasi, mereka kurang berjaya melakukan tugas yang diamanahkan oleh ahli koperasi.

#### 5.4.4 Masalah Ahli

Koperasi Serbaguna Peneroka Pasir Raja Berhad menghadapi masalah yang besar dari ahli-ahlinya terutamanya sikap mereka terhadap ahli lembaga pengarah dan aktiviti koperasi.

Ramai ahli koperasi yang tidak memberikan kerjasama kepada ahli lembaga pengarah dalam kerja-kerja mentadbir koperasi. Ini jelas dilihat dimana penyertaan ahli dalam kegiatan koperasi tidak menggalakkan. Ramai yang tidak mengambil tahu hal koperasi. Dalam bab empat telah diterangkan sikap ahli terhadap koperasi. Diantaranya ialah suka mengritik tetapi tidak mahu membantu ahli lembaga pengarah sama ada dari segi buah fikir atau tenaga. Sikap mereka ini mungkin berpunca dari keti-

dak percayaan kepada koperasi atau kurang yakin terhadap terhadap ahli lembaga pengarah yang dilantik. Sikap ini mungkin wujud disebabkan sikap ahli lembaga pengarah yang tidak amanah atau gagal menjalankan tugas mereka sehingga koperasi tidak dapat berjalan dengan baik. Kes kerugian yang selalu dialami menyebabkan ahli merasa tiada keuntungan yang boleh diperolehi dari koperasi. Lebih-lebih lagi mereka tidak pernah mendapat bonus atau dividen.

Masalah terbesar yang dihadapi oleh koperasi berkaitan dengan ahli-ahlinya ialah kerana kejahilan dan ketidak fahaman mereka kepada prinsip-prinsip dan amalan-amalan koperasi. Ini nampak jelas dimana konsep 'kerjasama' yang sepatutnya ada pada setiap ahli koperasi telah tidak dilaksanakan. Mereka kurang memberikan kerjasama kepada ahli lembaga pengarah. Apa yang mereka lakukan ialah melantik ahli lembaga pengarah dan membiarkan mereka bekerja memajukan koperasi tanpa dibantu. Mereka juga tidak tahu menggunakan kuasa mereka sebagai ahli koperasi dimana mereka hanya menjadi 'pak turut' dengan bersestuju sahaja apa yang dirancangkan oleh ahli lembaga pengarah. Kebiasaan mereka menerima sesuatu cadangan itu tanpa banyak soal. Seolah-olah mereka tidak mempunyai hak untuk bersuara.

Ahli yang jarang atau tidak pernah hadir dalam mesyuarat agung juga menimbulkan masalah dimana mereka juga membuat kritikan ahli lembaga pengarah kerana membuat atau melaksana-

kan sesuatu aktiviti tanpa persetujuan atau tanpa pengetahuan mereka. Contohnya: pembelian traktor pada tahun 1979. Ada ahli yang mendakwa bahawa pembelian itu tidak diketahui oleh ahli koperasi sedangkan catitan pada minit mesyuarat agung menunjukkan ianya telah diluluskan.

Setakat ini koperasi masih lagi tidak dapat melaksanakan beberapa prinsip koperasi. Yang pertama ialah pembahagian keuntungan keatas modal. Ini sekaligus menyebabkan satu prinsip lagi iaitu keuntungan terhad keatas modal tidak dapat dilaksanakan. Kedua-dua prinsipa ini bergandingan antara satu sama lain iaitu ia melibatkan keutungan koperasi. Kedua-dua prinsip ini tidak dapat dilaksanakan kerana keuntungan koperasi belum sampai ketahap yang membolehkannya mengeluarkan dividen kepada ahli-ahlinya. Prinsip yang ketiga yang tidak dapat dilaksanakan ialah prinsip pendidikan keatas ahli-ahlinya. Didapati tiada program yang dilaksanakan untuk mendidik ahli dengan pendidikan koperasi. Akibatnya ramai ahli yang jahil tentang koperasi dan merasakan penyertaan mereka dalam koperasi tidak mendatangkan faedah. Akibatnya mereka tidak dapat memainkan peranan bagi membantu pihak pengurusan mentadbirkan koperasi.

### 5.5 Penutup

Koperasi ini mengalami masalah untuk meluaskan aktiviti kerana kawasan operasinya yang terhad dan bidang yang

boleh diceburi juga terhad. Di samping itu juga ia mengalami masalah dari segi pentadbiran yang tidak cekap dan terdapatnya penyelewengan keewangan koperasi. Koperasi juga mengalami masalah untuk berjalan dengan lancar kerana sikap ahli yang tidak mahu memberikan kerjasama dan kejahilan mereka terhadap koperasi. Ini berlaku kerana mereka tidak dididik untuk memahami prinsip-prinsip dan amalan-amalan koperasi.

Sejak itu, sejumlah kajian dilakukan ke atas Koperasi Serbaguna Peneroka Pasir Raja Berhad. Pekara-pekara tersebut adalah merangkumi pentadbiran, sikap ahli, perkembangan, aktiviti-aktiviti dan masalah yang dihadapi oleh koperasi tersebut. Kajian keatas pekara-pekara tersebut telah menghasilkan beberapa keputusan yang telah dikehalkan dalam beberapa bah yang lalu. Keputusan-keputusan yang diperolehi itu boleh dirumuskan kepada beberapa pokok.

#### 6.2 Rumusan

Rumusan ini akan membincangkan tentang masalah yang dihadapi oleh koperasi Serbaguna Peneroka Pasir Raja Berhad. Rumusan pertama dari kajian yang dijalankan ialah perkembangan yang dialami oleh koperasi ini sejak ia ditubuhkan menunjukkan ia mengalami berbagai-bagai masalah untuk bergerak dan berjalan dengan lancar. Diawal perubuhannya ia mengalami masalah mendapatkan modal untuk menjalankan kegiatannya tetapi pekora ini telah dapat diatasi dengan bertambahnya pendapatan dari aktiviti-aktiviti yang dijalankannya dari tahun ketahun dan melalui pinjaman. Dalam pentadbiran ia menghadapi masalah

**BAB VI**

untuk mendapatkan pemimpin yang berilmu untuk pentadbirannya. Selain kebutuhan ahli lembaga pengaruhnya adalah orang yang bersifat Rumusan Dan Cadangan ja pengurusan ladang dan sendiri dan ahli jawatankuasa seluruh badan-badan lain seperti JKKA dan

**6.1 Pengenalan** Akibatnya mereka tidak dapat menjalankan tugas pentadbiran koperasi sepatutnya. Terdapat ahli lembaga pengaruh yang tidak

Dibab-bab yang lalu telah dikemukakan beberapa perkara yang didapati dari kajian yang telah dilakukan ke atas Koperasi Serbaguna Peneroka Pasir Raja Berhad. Pekara-pekerja tersebut adalah merangkumi pentadbiran, sikap ahli, perkembangan, aktiviti-aktiviti dan masalah yang dihadapi oleh koperasi tersebut. Kajian keatas pekerja-pekerja tersebut telah menghasilkan beberapa keputusan yang telah dikemukakan dalam beberapa bab yang lalu. Keputusan-keputusan yang diperolehi itu boleh dirumuskan kepada beberapa pekerja.

**6.2 Rumusan** walaupun banyak masalah yang dinedapinya, tetapi ia dapat juga mengembangkan kegiatannya dari masa ke semasa. Pendekar

Rumusan pertama dari kajian yang dijalankan ialah perkembangan yang dialami oleh koperasi ini sejak ia ditubuhkan menunjukkan ia mengalami berbagai-bagai masalah untuk bergerak dan berjalan dengan lancar. Diawal penubuhannya ia mengalami masalah mendapatkan modal untuk menjalankan kegiatannya tetapi pekerja ini telah dapat diatasi dengan bertambahnya pendapatan dari aktiviti-aktiviti yang dijalankannya dari tahun ketahun dan melalui pinjaman. Dalam pentadbiran ia menghadapi masalah

untuk mendapatkan pemimpin yang berwibawa untuk pentadbirannya dimana kebanyakan ahli lembaga pengarahnya adalah orang yang sebok dengan kerja-kerja pengurusan ladang dan sendiri dan ahli jawatankuasa dalam badan-badan lain seperti JKRR dan parti U.M.N.O. Akibatnya mereka tidak dapat menjalankan tugas mentadbir koperasi sepenuh masa. Terdapat ahli lembaga pengarah yang tidak amanah dengan tidak menjalankan tugas yang telah diserahkan kepadanya dan menyelewengkan wang koperasi. Akibatnya koperasi tidak dapat berjalan dengan lancar. Ahli-ahli koperasi pula kurang atau tidak memberikan kerjasama kepada pihak pengurusan. Mereka hanya menjadi pemerhati atau langsung tidak mengambil peduli urusan koperasi dan membebankan kerja-kerja memajukan koperasi tersebut di atas bahu ahli lembaga pengarah. Hanya segelintir kecil sahaja ahli yang mengambil berat hal koperasi. Akibatnya koperasi tidak dapat berkembang dengan baik.

Kedua, walaupun banyak masalah yang dihadapinya, tetapi ia dapat juga mengembangkan kegiatannya dari masa ke semasa. Pendapatannya juga dapat ditambah terutamanya setelah ia memiliki kenderaan untuk aktiviti pengangkutannya. Walau bagaimapun keuntungannya tidaklah begitu besar tetapi jumlahnya stabil dan boleh digunakan untuk mengembangkan kegiatannya. Sejak tahun 1984 ia telah mula melihatkan kemajuan dengan adanya bengkel sendiri dan telah mendapat kepercayaan untuk membaki kerrosakan bas KOPENDA. Ia juga boleh membuat pinjaman sehingga kepada jumlah \$ 500,000 untuk manjalankan aktivitinya.

Ketiga, koperasi ini lebih menekankan aktiviti-aktivitiinya kepada kegiatan yang boleh membawa keuntungan dari segi keewangan dimana hampir semua kegiatannya bercorak ekonomi. Contohnya: aktiviti pengangkutan, rumah sewa, bengkel dan aktiviti yang sedang dalam perancangan iaitu mendirikan petrol pam dan rumah sewa kos sederhana. Aktiviti yang khusus mengenai kebijikan dan kegiatan kemasyarakatan yang berbentuk sosial kurang ditekankan dimana tiada aktiviti khusus untuknya. Aktiviti yang melibatkan kebijikan lahir secara tidak langsung dari aktiviti berbentuk ekonomi seperti pengangkutan dan rumah sewa.

Keempat, tujuan FELDA menubuhkan koperasi ialah untuk membolehkan peneroka mengendalikan kegiatan ekonomi mereka melalui koperasi terutamanya pengangkutan buah sawit dari ladang ke kilang telah dapat dicapai. Koperasi telah mengendalikan dengan sepenuhnya urusan pengangkutan tersebut dan juga urusan yang berkaitan dengan pengendalian ladang seperti mengangkut baja dan mambaiki jalan pertanian.

Kelima, koperasi sepatutnya memainkan peranan penting bukan sahaja dalam aktiviti ekonomi tetapi juga dalam aktiviti yang melibatkan kebijikan ahli-ahlinya. Didapati tiada pinjaman wang diberikan kepada ahli-ahlinya kecuali untuk melabur dalam Amanah Saham Nasional (ASN) iaitu \$ 10.00 seorang. Wang tersebut dipinjam dari JKRR. Lain-lain pinjaman dan bantuan keewangan tiada. Hal ini berlaku kerana koperasi tidak mempu-

nyai wang yang banyak kerana aktiviti yang terhad dan keuntungan yang tidak begitu besar dan diperlukan untuk kegiatan koperasi. Aktiviti kebajikan terlalu terhad. Yang ada hanyalah rumah sewa, bantuan mengangkut air untuk ahli-ahlinya jika bekalan air terputus, kemudahan mengangkut barang-barang dan juga menghantar jenazah ke kukur. Sebenarnya kebanyakannya fungsi koperasi telah diambil oleh JKKR. Melalui biro-biro yang berada di bawahnya, JKKR berperanan membantu ahli-ahli masyarakat yang juga ahli koperasi Serbaguna Peneroka Pasir Raja Berhad. Ia memberikan bantuan keewangan dan nasihat kepada peneroka. Contohnya, ia memberikan bantuan pinjaman keewangan kepada peneroka untuk membantu anak-anak mereka menghadapi peperiksaan dan juga perbelanjaan persekolahan. Ia juga memberikan pinjaman kepada peneroka untuk membiayai perbelanjaan anak-anak mereka yang berjaya belajar di institusi pengajian tinggi sama ada di dalam atau di luar negeri. Ia juga berfungsi menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh peneroka dengan memberikan bantuan nasihat. Dalam ekonomi pula ia membantu peneroka melaksanakan perniagaan dan pertanian. Contohnya, ia telah membantu penternak-penternak lembu dan burung puyuh menjalankan aktiviti tersebut. Tidak hairanlah jika koperasi tidak dapat menjalankan peranannya dengan seujarnya dalam masyarakat FELDA kerana peranannya telah diambil oleh JKKR. Dengan ertikata lain, peranan koperasi telah dilindungi oleh peranan JKKR dalam masyarakat tersebut kerana peranannya yang hampir sama dan ahli koperasi lebih tertumpu kepada JKKR dalam aktiviti mereka.

Keenam, ahli-ahli koperasi telah gagal untuk melaksanakan konsep yang penting dalam koperasi iaitu konsep 'kerjasama'. Ini jelas dilihat dimana ahli-ahli koperasi kurang atau tidak memberikan kerjasama yang sewajarnya untuk kemajuan koperasi mereka. Sikap ini nampak jelas sejak mula ia ditubuhkan kerana kita dapati perjalanan koperasi tidak lancar dan penyelewengan dalam koperasi tidak dapat dihindarkan. Hingga hari ini sikap ini masih lagi terdapat pada mereka. Pekara ini berlaku kerana kejahilan mereka terhadap koperasi. Mereka tidak mengetahui prinsip-prinsip dan konsep-konsep yang terdapat dalam koperasi. Disamping itu tujuan penyertaan mereka manjadi ahli koperasi tidak begitu jelas kerana kesemuanya menjadi ahli secara otomatik, bukan atas kehendak sendiri. Terdapat ahli yang tidak tahu tujuan mereka menjadi ahli koperasi dan ada yang berpendapat penyertaan mereka dalam koperasi tidak membawa apa-apa faedah. Kejahilan mereka menyebabkan mereka tidak dapat mengambil apa-apa faedah dari koperasi tersebut.

Ketujuh, koperasi masih tidak dapat memenuhi beberapa prinsip asas koperasi iaitu keanggotaan secara sukarela, faedah terhad atas modal, pembahagian keuntungan yang saksama atas modal dan penggalakkan pendidikan koperasi. Prinsip keahlian terbuka atau sukarela telah tidak dipatuhi dimana peneroka menjadi ahli secara otomatik bukan dengan kehendak mereka. Faedah yang terhad keatas modal dan pembahagian keuntungan yang saksama

masih tidak dapat dilaksanakan kerana koperasi masih belum mencapai satu tahap keuntungan yang membolehkannya memberikan dividen dan keuntungan kepada ahli-ahlinya. Penggalakkan pendidikan koperasi juga tidak dilaksanakan keatas ahlinya. Ianya hanya diberikan kepada ahli lembaga pengarah sahaja iaitu melalui kursus-kursus dan seminar-seminar yang dianjurkan oleh ANGKASA. Walau bagaimanapun ini amat jarang dilakukan. Pendidikan mengenai koperasi yang kurang ditekankan ini telah menyebabkan ahli-ahli koperasi tidak dapat memahami prinsip-prinsip dan konsep-konsep yang terdapat dalam koperasi. Akibatnya mereka tidak dapat memainkan peranan untuk memajukan koperasi.

### **6.3 Cadangan Dan Saran**

Rumusan dan kesimpulan yang telah dibuat dari kajian ini menunjukkan masih terdapat banyak kelemahan pada Koperasi Serbaguna Peneroka Pasir Raja Berhad. Kelemahan-kelemahan ini perlulah diambil perhatian yang berat dan mestilah cuba diselesaikan untuk menjamin koperasi ini tidak tidak mengalami banyak masalah dalam perjalannya demi untuk menjamin kemajuannya dimasa akan datang. Ini penting untuk mendapatkan kepercayaan ahli terhadap koperasi dan menunjukkan kepada mereka bahawa koperasi memainkan peranan yang penting dalam kehidupan harian mereka dan boleh memberikan faedah. Untuk ini, pengkaji mengemukakan beberapa cadangan untuk mengatasi masalah dan memajukan koperasi ini. tentu untuk mengedarkan gotong royong. Jika

Pertamanya, koperasi mengalami masalah kejahilan ahli dan kurang berjaya dalam pentadbirannya untuk memajukannya. Untuk mengatasi masalah ini perlulah bagi koperasi memberikan didikan mengenai koperasi kepada ahli-ahlinya terutamanya kepada ahli lembaga pengarah. Mereka perlu diberikan kefahaman mengenai perjalanan, konsep-konsep, prinsip-prinsip dan amalan yang terdapat dalam koperasi. Kefahaman ini penting untuk mereka memahami peranan dan tanggungjawab yang mesti dijalankan. Untuk tujuan ini koperasi bolehlah meminta bantuan ANGKASA untuk mendapatkan nasihat dan risalah-risalah mengenai koperasi serta menghantar ahli lembaga pengarah dan ahli yang berminat dalam urusan koperasi menyertai kursus-kursus dan seminar-seminar anjurannya dengan lebih kerap. Selain dari itu ia juga boleh menghantar anak-anak ahlinya berkursus di Maktab Kerjasama Malaysia untuk mandalami bidang koperasi dan memberikan sumbangan kepada kemajuan koperasi.

Kedua, Ahli lembaga pengarah perlu memikirkan cara yang baik untuk menarik minat ahli terhadap koperasi dan seterusnya memberikan kerjasama kepada mereka untuk untuk memajukan koperasi. Untuk tujuan ini perlulah diadakan aktiviti-aktiviti yang boleh melibatkan keseluruhan ahli. Kalau tidak dapat dilakukan secara serentak, bolehlah diadakan secara berperingkat-peringkat. Contohnya, aktiviti gotong royong membersihkan kawasan perkampungan. Satu hari ditetapkan untuk peringkat atau blok-blok yang tertentu untuk mengadakan gotong royong. Jika

koperasi berkemampuan bolehlah diadakan jamuan dalam masa yang tertentu untuk menarik minat ahli. Dalam jamuan tersebut bolehlah diterangkan pekara-pekara yang bersangkutan dengan koperasi. Selain itu dicadangkan agar koperasi mengadakan program bersama dengan JKRR kerana semua ahli koperasi adalah ahli masyarakat yang juga berada dibawah pentadbiran JKRR. Dengan ini bolehlah diterangkan bahawa peranan koperasi adalah hampir sama dengan peranan JKRR. Ahli-ahli koperasi boleh mendapatkan manfaat yang sama dari koperasi sepetimana mereka mendapat faedah dari JKRR. Dengan ini ahli boleh memberikan kerjasama kepada ahli lembaga pengarah untuk memajukan koperasi.

Ketiga, koperasi ini perlu membuat hubungan yang lebih luas dengan koperasi-koperasi lain bukan sahaja yang berada di Gugusan Taib Andak tetapi juga koperasi-koperasi lain yang berhampiran supaya aktivitinya dapat diluaskan lagi. Dengan cara ini kegiatan koperasi akan dapat diluaskan dan keuntungannya dapat ditambah. Aktivitinya yang terhad dapat dikembangkan disamping dapat menambah kemudahan dalam pentadbirannya dengan mengambil pengajaran dari koperasi lain.

Keempat, masalah utama dalam pentadbiran koperasi ini ialah kebanyakan ahli lembaga pengaruhnya terdiri dari orang yang mempunyai jawatan dan tugas dalam badan-badan lain seperti JKRR dan parti U.M.N.O. Oleh itu mereka tidak dapat menumpukan sepenuh perhatian kepada tugas-tugas yang diamanahkan kepada

mereka. Untuk mengatasi masalah ini, ahli koperasi hendaklah memilih orang yang tidak mempunyai jawatan dan tugas dalam badan-badan lain supaya mereka dapat menumpukan sepenuh perhatian kepada kerja-kerja pentadbiran koperasi. Ini akan dapat membantu mereka manjalankan tugas dengan baik dan boleh membawa kemajuan kepada koperasi.

Kelima, FELDA telah menubuhkan koperasi disetiap ran-

cangan yang dimajukannya. Oleh itu perlulah baginya memastikan setiap koperasi ini dapat berjalan dengan baik dan dapat memenuhi tujuan penubuhannya. Untuk tujuan ini, FELDA perlu memastikan penyelia yang ditugaskan untuk mengawasi perjalanan koperasi menjalankan tugas mereka dengan baik dan sentiasa mengikuti perkembangan koperasi. FELDA juga perlu sering memberikan bantuan yang berupa nasihat atau material kepada koperasi untuk menjamin kemajuannya. FELDA boleh memberikan pinjaman wang kepada koperasi mengikut kemampuan koperasi tersebut supaya ia dapat menjalankan aktivitinya dengan lebih lancar lagi. Selain dari itu, perlulah dibukakan ruang yang lebih luas untuk aktivitinya seperti memberikan tender-tender yang terdapat dalam rancangan untuk menambah pendapatannya. Bagi koperasi yang kurang maju, bolehlah diberikan tender-tender yang kecil seperti membersihkan ladang dan membaiki jalan pertanian yang rosak.

#### 6.4 Kelemahan-kelemahan Dalam Kajian

Kajian ini dilakukan dalam bentuk kajian kes dimana koperasi yang dikaji dianggap mewakili koperasi-koperasi lain dalam masyarakat FELDA. Jumlah ahli yang ramai dan masa kajian yang singkat tidak dapat menjamin 100% gambaran yang sebenar mengenai koperasi yang dikaji ini.

Respondan yang dipilih untuk mewakili ahli-ahli lain kemungkinan tidak dapat menunjukkan keadaan sebenar sikap ahli dan peranan mereka dalam koperasi yang dikaji. Kemungkinan ahli koperasi yang terpilih menjadi respondan ramai yang terdiri dari orang yang didak begitu berminat mengetahui dan mengambil berat tentang urusan koperasi. Kemungkinan juga ramai yang berminat tetapi tidak terpilih menjadi respondan. Oleh itu ukuran dan kesimpulan-kesimpulan yang dibuat adalah berdasarkan maklumat yang didapati dari respondan yang dipilih yang melibatkan pengurus rancangan, 12 orang ahli lembaga pengarah dan 33 orang respondan pilihan. Pertemuan-pertemuan secara tidak formal dengan ahli-ahli koperasi yang lain juga dapat menambahkan maklumat yang ada.

Kebenaran dan ketepatan maklumat yang ada juga mempengaruhi hasil kajian. Maklumat yang dapat diyakini kebenarannya hanyalah maklumat yang didapati dari rekod-rekod dan dokumen-dokumen bertulis seperti minit mesyuarat agung, lapuran kegia-

tan koperasi, dokumen penubuhan koperasi dan buku-buku catatan harian untuk urusan koperasi. Maklumat yang diperolehi secara lisan melalui temuramah ada yang sukar diterima kerana ada maklumat yang tiada dalam rekod atau dokumen dan maklumat tersebut bertentangan antara satu sama lain. Contohnya, kerugian yang dialami oleh koperasi. Ada yang memberitahu peristiwa itu berlaku pada tahun 1980 dan ada yang memberitahu tahun 1982. Mengenai pembinaan pejabat koperasi ada yang mengatakan pada tahun 1984, sedangkan ianya telah dibina pada tahun 1978. Untuk mengatasi masalah ini pengkaji terpaksa menyemak pada rekod-rekod yang ada dan mengambil maklumat yang paling kerap dinyatakan untuk sesuatu pekara itu. Keadaan seperti ini boleh menyebabkan terdapat maklumat yang diragui kebenarnya dan terpaksa ditinggalkan untuk mengelakkan ketidak tepatan hasil kajian.

Pengkaji lebih banyak menumpukan kajian ke atas koperasi. Jadi penekanan kepada latarbelakang kawasan kajian tidak dapat disentuh secara detil. Oleh itu gambaran yang sebenar mengenai masyarakat dan kawasan kajian mungkin tidak begitu jelas. Gambaran mengenai FELDA juga kurang ditekankan. Ini mungkin satu kelemahan yang besar. Walau bagaimanapun penekanan kepada koperasi adalah penting kerana objektif utama kajian ini ialah peranan koperasi dalam masyarakat di rancangan FELDA. Untuk melibatkan kedua-dua pekara di atas memerlukan satu kajian yang lebih mendalam dan memakan masa yang panjang. Ianya tidak akan dapat dilakukan dalam masa dua bulan sahaja.

Kajian adalah ditumpukan kepada perkembangan, pentadbiran, aktiviti, masalah dan penglibatan ahli dalam kegiatan koperasi yang dikaji. Penekanan kepada pekara-pekara di atas menyebabkan beberapa pekara yang penting yang boleh mempengaruhi kegiatan koperasi tidak dapat ditekankan. Contohnya, peranan FELDA dalam memajukan koperasi dirancangan FELDA dan pengaruh badan-badan lain dalam masyarakat seperti JKRR dan parti politik. Kedua-dua pekara tersebut juga memainkan peranan yang penting dalam perkembangan dan penglibatan ahli dalam kegiatan koperasi.

Tampoh masa kajian juga perlu dipanjangkan kecuali mana-

Satu lagi kelemahan yang terdapat pada kajian ini ialah pengkaji kurang mengetahui pekara-pekara yang bersangkutan dengan koperasi. Oleh itu mungkin banyak pekara yang melibatkan koperasi yang tidak diterangkan dan tidak dimasukkan kedalam kajian ini. Jika pengkaji tidak berhubung rapat dengan masyarakat, jika bukan, pengkaji tidak berada dalam aktiviti-aktiviti masyarakat sebaiknya. Bagi mengatasi kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam kajian ini perlulah bagi pengkaji mengetahui dengan lebih mendalam tujuan-tujuan yang sebenarnya FELDA menujuhan koperasi di setiap rancangannya yang dibukanya. Juga peranannya dalam memajukan koperasi-koperasi tersebut. Kajian-kajian juga perlu melibatkan badan-badan yang terdapat dalam rancangan dan peranannya keatas masyarakat supaya dapat dilihat sejauh mana ia mempengaruhi kegiatan dan peranan koperasi dalam masyarakat FELDA.

Pekara yang tidak kurang pentingnya ialah pengkaji perlu mempunyai pengetahuan yang cukup mengenai koperasi terutamanya yang berkaitan dengan prinsip-prinsip dan konsep-konsep yang terdapat dalam koperasi. Ini penting supaya kajian tidak terkeluar dari bidang yang terdapat dalam koperasi. Pengetahuan yang mendalam mengenai koperasi bukan sahaja dapat membantu pengkaji membuat kajian dengan lebih baik tetapi juga dapat menyumbangkan idea-idea yang lebih baik untuk membantu memajukan koperasi yang dikaji.

Tempoh masa kajian juga perlu dipanjangkan kerana masa kajian yang singkat tidak cukup untuk mendapatkan maklumat yang lengkap dan mencakupi semua pekara yang dikaji. Pekara-pekerja yang tidak nampak seperti sikap ahli dan pemahaman mereka terhadap koperasi tidak dapat diperolehi dalam jangkamasa yang pendek dan pengkaji perlu berhubung rapat dengan mereka. Jika boleh, pengkaji terlibat dalam aktiviti-aktiviti masyarakat setempat terutamanya aktiviti koperasi yang dikaji. Pengkaji perlu mengikuti aktiviti-aktiviti koperasi seperti mesyuarat agung dan selalu berada di pejabat koperasi untuk memerhatikan kerja-kerja yang dilakukan oleh kitangan koperasi terutamanya ahli lembaga pengarah dan kerani koperasi.

## 6.5 Penutup

1. Atja Patra, Walaupun terdapat banyak kelemahan dalam kajian ini, tetapi diharapkan ianya dapat memberi sedikit sumbangan kepada perkembangan koperasi dalam masyarakat di rancangan FELDA. Semoga beberapa pekara yang dikemukakan dalam kajian ini terutamanya mengenai konsep-konsep, prinsip-prinsip dan amalan-amalan yang terdapat dalam koperasi dapat memberikan pemahaman yang lebih jelas mengenai perjalanan sebuah koperasi kepada ahli-ahli koperasi demi untuk memajukan koperasi yang dianggotai.

4. Kularajah N.A., Pengenalan Kepada Gerakan Kerjasama, Syarikat Percetakan Kerjasama Sdn Melayu Berhad, Petaling Jaya, Februari 1969.

5. Namoria, C.W., Co-operation in Foreign Land, Kitab Rahil (W.O) Private Limited, Allahabad, 1903.

6. Raghuram Jay Reddi, Theory, History and Practice of Co-operation, International Publishing House, Meerut, 1956.

7. Sulung Mohamad, Pelantikan FELDA perspektif Perancangan Tendar Dan Dosa, Dewan Bahasa dan Pustaka, K.L., 1985.

8. Syed Husin Ali, (Ed.), Kaos, Kelas dan Pembangunan Malaysia, Persatuan Sains Sosial Malaysia, Kuala Lumpur, 1984.

9. Thorsten Ohns, Co-operation in World Economy, International Co-operative Alliance, London, 1974.

Bibliografi

1. Atje Partadireja, Management Koperasi, Penerbit Bhratava, Jakarta, 1969.
2. Hebe Spaul dan D.H. Kay, Co-operative Movement at Home and Abroad, MacMillan and Co., London, 1947.
3. Henry H. Baken, Basic Concept, Principles and Practices of Cooperation, Mimar Publishersine Madison, Wisconsin, 1963.
4. Kularajah N.A, Pengenalan Kepada Gerakan Kerjasama, Syarikat Percetakan Kerjasama Se Malaysia Berhad, Petaling Jaya, Februari 1969.
5. Mamoria, C.W, Co-operation in Foreign Land, Kitab Mahal (W.D) Private Limited, Allahabad, 1963.
6. Raghubans Dev Bedi, Theory, History and Practice of Co-operation, International Publishing House, Meerut, 1958.
7. Sulung Mohamad, Petempatan FELDA perspektif Perancangan Bandar Dan Desa, Dewan Bahasa dan Pustaka, K.L., 1985.
8. Syed Husin Ali (Ed.), Kaum, Kelas dan Pembangunan Malaysia, Persatuan Sains Sosial Malaysia, Kuala Lumpur, 1984.
9. Thorsten Odhe, Co-operation in World Economy, International Co-operative Alliance, London, 1974.

10. Ungku Aziz, Prof. Di Raja, Prinsip-prinsip Koperasi,  
Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (ANGKASA),  
Kuala Lumpur, 1980.

#### Lain-lain Bahan Rujukan

##### Kertaskerja Seminar

1. Seminar Kebangsaan Kemajuan Pembangunan Tanah dan Perumahan,  
Port Dickson, 4hb. - 7hb. Disember, 1982.
2. A.Aziz b Ahmad, Seminar Kebangsaan Fungsi Bank dan Kredit,  
Kuantan, 1982.
3. Kahar Bador, Seminar Perlaksanaan Projek-projek Koperasi Pekabun Kecil, Ipoh, 1981.

##### Risalah

1. Menon, T.N dan Shamsudin Puteh, Pergerakan Koperasi di Malaysia, Kementerian Penerangan Malaysia, 1985.

##### Majallah


1. Syed Kamarulzaman b. Syed Bahaldin, Pekerjasama Malaysia, Kesatuan Kerjasama Malaysia, 21hb. Jan., 1968.


##### Surat Khabar

1. Utusan Malaysia, Utusan Melayu Berhad, 20 dan 29hb. Disember, 1986.



KAWASAN KAJIAN DAN GUNGGASAN TARS ANOAK.





Gambarajah ke kawasan kerjaan  
(Pasir Raja)

ke Johor Bahru dan selatan →